

D.R. 30/2009

**RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN
KEWANGAN DAN SEKURITI LABUAN 2009**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pentadbiran Akta
4. Orang yang layak dan sesuai
5. Perniagaan dalam, dari atau melalui Labuan
6. Perkara Syariah

BAHAGIAN II

SEKURITI

PENGGAL 1

PERMULAAN

7. Tafsiran

PENGGAL 2

TAWARAN

8. Tawaran atau pelawaan yang menghendaki kelulusan Lembaga
9. Pernyataan palsu atau yang mengelirukan
10. Iklan
11. Pendaftaran prospektus
12. Dokumen yang mengandungi tawaran sekuriti hendaklah dibuat melalui syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank dan hendaklah disifatkan sebagai prospektus
13. Persetujuan pakar terhadap pengeluaran prospektus yang mengandungi pernyataan olehnya

Fasal

14. Liabiliti sivil kerana pernyataan silap dalam prospektus
15. Liabiliti jenayah kerana pernyataan silap dalam prospektus
16. Syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank sebagai ejen bagi tawaran
17. Larangan pengumpulan melainkan jika bayaran minimum diterima
18. Wang permohonan hendaklah dipegang atas amanah sehingga penerbitan atau pengumpulan

PENGAL 3

DEBENTUR

19. Kuasa untuk menerbitkan debentur
20. Pemegang amanah bagi pemegang debentur
21. Pengecualian dan tanggung rugi pemegang amanah daripada liabiliti
22. Kewajipan pemegang amanah
23. Obligasi pengarah syarikat peminjam
24. Obligasi syarikat penjamin untuk memberikan maklumat
25. Pinjaman dan deposit hendaklah dibayar balik dengan serta-merta atas kejadian tertentu
26. Penahanan terbitan debentur terphohon beli berlebihan

BAHAGIAN III

DANA BERSAMA

PENGAL 1

PERMULAAN

27. Tafsiran

PENGAL 2

DANA BERSAMA

SUBPENGAL 1

DANA PERSENDIRIAN

28. Pemberitahuan oleh dana persendirian

Fasal

29. Dana persendirian hendaklah menyerahkan memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain
30. Pengetepian liabiliti kerana kesilapan atau peninggalan dalam memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain

SUBPENGAL 2

DANA AWAM

31. Dana awam hendaklah didaftarkan
32. Permohonan oleh dana awam
33. Kuasa untuk membenarkan atau enggan membenarkan pendaftaran dana awam
34. Tatacara pendaftaran
35. Prospektus yang berhubungan dengan dana awam
36. Hak pelabur
37. Batasan
38. Perakuan pematuhan
39. Dana awam asing boleh diuruskan atau ditadbirkan di Labuan

PENGAL 3

PELESENAN

SUBPENGAL 1

PENGURUS DANA DAN PENTADBIR DANA

40. Pelesenan pengurus dana
41. Pelesenan pentadbir dana
42. Permohonan bagi lesen pengurus dana
43. Permohonan bagi lesen pentadbir dana
44. Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen

SUBPENGAL 2

PEMEGANG AMANAH ATAU PENJAGA

45. Kelayakan pemegang amanah atau penjaga dana awam

Rang Undang-Undang

SUBPENGAL 3

PEMBERIAN LESEN ATAU PENDAFTARAN

Fasal

46. Lesen atau pendaftaran

PENGAL 4

KEWAJIPAN

47. Kewajipan pengurus dana dan pentadbir dana bagi dana awam
48. Kewajipan pengurus dana, pentadbir dana, pemegang amanah atau penjaga dan pengarah di bawah undang-undang yang terpakai
49. Kewajipan khusus pengurus dana bagi dana awam
50. Kewajipan untuk mengasingkan aset pelanggan
51. Kewajipan pengurus dana dan penjaga atau pemegang amanah untuk bertindak bebas daripada satu sama lain

PENGAL 5

DAFTAR DAN PERAKAUNAN

52. Daftar
53. Akaun dan audit

BAHAGIAN IV

PERANTARA PASARAN

PENGAL 1

PERMULAAN

54. Tafsiran

PENGAL 2

PEMEGANG LESEN SEKURITI

55. Pemegang lesen sekuriti
56. Permohonan bagi lesen
57. Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen

PENGGAL 3

PEMBERIAN LESEN

Fasal

58. Lesen

BAHAGIAN V

SYARIKAT AMANAH LABUAN

PENGGAL 1

PERMULAAN

59. Tafsiran
60. Lesen dikehendaki untuk menjalankan perniagaan syarikat amanah di Labuan
61. Pendaftaran syarikat amanah
62. Terma dan syarat lesen
63. Penerusan sementara bagi penggulungan

PENGGAL 2

KUASA SYARIKAT AMANAH LABUAN

64. Penzahiran kepentingan berhubung dengan syarikat amanah Labuan
65. Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai wasi
66. Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pentadbir
67. Kuasa tambahan syarikat amanah Labuan
68. Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal
69. Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pemegang amanah bersama dengan pemegang amanah lain
70. Pewakilan kepada syarikat amanah Labuan

PENGGAL 3

SYARIKAT AMANAH DIURUS LABUAN

71. Pelesenan syarikat amanah diurus Labuan
72. Terma dan syarat lesen sebagai syarikat amanah diurus Labuan

PENGAL 4

SYARIKAT AMANAH PERSENDIRIAN LABUAN

Fasal

73. Pengertian “orang berkaitan”
74. Pendaftaran sebagai syarikat amanah persendirian Labuan
75. Terma dan syarat pendaftaran sebagai syarikat amanah persendirian Labuan
76. Kewajipan ejen syarikat amanah persendirian Labuan
77. Kuasa Lembaga
78. Ketidapkakaian peruntukan Bahagian ini

PENGAL 5

PELBAGAI

79. Syarikat amanah Labuan tertakluk kepada kawalan yang sama seperti mana-mana wasi lain
80. Afidavit pegawai
81. Pemeriksaan buku dan akaun syarikat amanah Labuan
82. Memegang simpan rekod
83. Wang yang dibayar kepada syarikat amanah Labuan hendaklah dipegang atas amanah
84. Komisen, fi, caj dan perbelanjaan yang dilevikan oleh syarikat amanah Labuan
85. Terjemahan akaun dan rekod

BAHAGIAN VI

PERBANKAN LABUAN

PENGAL 1

PERMULAAN

86. Tafsiran

PENGAL 2

PELESENAN

87. Perniagaan perbankan Labuan, perniagaan perbankan pelaburan Labuan dan perniagaan kewangan Labuan hendaklah dijalankan hanya di bawah lesen

Fasal

88. Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan
89. Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan pelaburan Labuan
90. Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan kewangan Labuan
91. Maklumat tambahan
92. Pemberian lesen oleh Lembaga
93. Kehendak untuk menggunakan, dan sekatan mengenai penggunaan, perkataan “bank Labuan berlesen”, dsb.
94. Pengekalan nisbah kecukupan modal
95. Pindaan atau pengubahan dokumen konstituen pemegang lesen bank
96. Lembaga hendaklah menyiarkan senarai bank Labuan dan bank pelaburan Labuan

PENGGAL 3

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BANK

97. Pejabat dan subsidiari
98. Larangan mengenai akaun tertentu
99. Penyata kewangan, statistik dan maklumat hendaklah dikemukakan kepada Lembaga

PENGGAL 4

PERUNTUKAN AM

100. Pembayaran daripada akaun si mati

BAHAGIAN VII

INSURANS LABUAN

PENGGAL 1

PERMULAAN

101. Tafsiran

PENGGAL 2

PELESENAN PERNIAGAAN INSURANS LABUAN DAN
AKTIVITI BERKAITAN INSURANS LABUAN

102. Pelesenan perniagaan insurans Labuan dan aktiviti berkaitan insurans Labuan

Fasal

103. Permohonan bagi lesen insurans untuk menjalankan perniagaan insurans Labuan
104. Permohonan bagi lesen insurans untuk menjalankan aktiviti berkaitan insurans Labuan
105. Pemberian lesen insurans
106. Penyiaran senarai semua pemegang lesen insurans
107. Penerusan kehendak pelesenan

PENGAL 3

KEHENDAK KEWANGAN DAN KEWAJIPAN DAN SEKATAN TERHADAP
PEMENGANG LESEN INSURANS

108. Pelantikan aktuari
109. Margin kesolvenan
110. Akaun berasingan hendaklah disimpan oleh penanggung insurans Labuan
111. Pengemukaan penyata kewangan
112. Subsidiari dan pejabat pemegang lesen insurans
113. Sekatan terhadap perniagaan oleh penanggung insurans Labuan
114. Sekatan terhadap dan kewajipan pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan dan broker insurans Labuan
115. Senarai penanggung insurans Labuan hendaklah diberikan oleh pengurus insurans Labuan dan pengurus pengunderaitan Labuan
116. Penjalanan perniagaan

PENGAL 4

PEMBAYARAN WANG POLISI DI BAWAH POLISI NYAWA DAN
POLISI KEMALANGAN DIRI

117. Pemakaian Penggal ini
118. Kuasa untuk membuat penamaan
119. Pembatalan penamaan
120. Pembayaran wang polisi
121. Pemegang amanah bagi wang polisi
122. Penama selain penama di bawah seksyen 121
123. Wang polisi yang diserahkan atau disandarkan

Fasal

- 124. Pembayaran wang polisi jika tidak ada penamaan
- 125. Pembayaran kepada orang yang tidak berwibawa untuk berkontrak
- 126. Pembahagian wang polisi dalam perjalanan biasa pentadbiran
- 127. Penggal ini mengatasi polisi dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain

PENGGAL 5

PENGGULUNGAN

- 128. Penggulungan penanggung insurans Labuan

BAHAGIAN VIII

PENGURUSAN SYARIKAT

PENGGAL 1

PERMULAAN

- 129. Tafsiran
- 130. Daftar syarikat pengurusan
- 131. Permohonan bagi lesen
- 132. Pemberian lesen

BAHAGIAN IX

BURSA

PENGGAL 1

PERMULAAN

- 133. Tafsiran

PENGGAL 2

BURSA

- 134. Penubuhan bursa
- 135. Undang-undang kecil bursa
- 136. Kaedah-kaedah bursa

Fasal

- 137. Fungsi pengawalseliaan bursa
- 138. Kuasa jawatankuasa
- 139. Berurus niaga sekuriti
- 140. Daftar ejen perdagangan dan penganjur penyenaiaan
- 141. Penyata kewangan bursa
- 142. Orang yang tidak disifatkan menjalankan perniagaan di Malaysia
- 143. Penggantungan perdagangan di bursa
- 144. Kuasa Menteri untuk menggantung perdagangan
- 145. Kuasa Lembaga

PENGAL 3

PASARAN PALSU ATAU YANG MENGELIRUKAN DAN URUS NIAGA
ORANG DALAM

- 146. Pewujudan pasaran palsu atau yang mengelirukan
- 147. Urus niaga orang dalam
- 148. Pembelaan
- 149. Berurus niaga sekuriti
- 150. Mendapatkan pemerolehan atau pelupusan sekuriti
- 151. Maklumat dalaman
- 152. “Sekuriti yang terjejas harga” dan “maklumat sensitif harga”
- 153. Maklumat sebagai orang dalam
- 154. Takrif “disiarkan kepada awam”
- 155. Kecualian

BAHAGIAN X

ORGANISASI KAWAL SELIA SENDIRI

- 156. Perisytiharan atau pengiktirafan organisasi kawal selia sendiri
- 157. Kaedah-kaedah organisasi kawal selia sendiri
- 158. Sekatan terhadap membuat keputusan
- 159. Obligasi pegawai dan obligasi yang berhubungan dengan pegawai organisasi kawal selia sendiri
- 160. Kuasa untuk memberikan arahan kepada organisasi kawal selia sendiri
- 161. Penamatan perkiraan dan pembatalan perisytiharan atau pengiktirafan

Fasal

- 162. Pindaan kepada perlembagaan organisasi kawal selia sendiri
- 163. Perlindungan bagi organisasi kawal selia sendiri
- 164. Penyata kewangan organisasi kawal selia sendiri
- 165. Kuasa Lembaga berkenaan dengan organisasi kawal selia sendiri

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

PENGGAL 1

RAYUAN

- 166. Rayuan

PENGGAL 2

PEMBATALAN DAN PENYERAHAN BALIK

- 167. Pembatalan persetujuan, lesen atau pendaftaran
- 168. Tatacara pembatalan
- 169. Penyerahan balik lesen atau pendaftaran
- 170. Akibat pembatalan atau penyerahan balik lesen

PENGGAL 3

AM

- 171. Sistem pembayaran
- 172. Pemindahan perniagaan
- 173. Audit dalaman
- 174. Juruaudit luar
- 175. Akaun dan rekod
- 176. Wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang
- 177. Pemeriksaan dan penelitian buku dan dokumen entiti berlesen
- 178. Kerahsiaan
- 179. Terjemahan
- 180. Pemakaian Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996
- 181. Pemakaian Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009
- 182. Pemakaian Akta Kawalan Pertukaran 1953
- 183. Pemakaian Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007

Fasal

184. Pemakaian Akta Syarikat Labuan 1990 dan Akta Syarikat 1965
185. Ketidapkakaian undang-undang tertentu
186. Kekebalan
187. Penalti am
188. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
189. Fi tahunan dan fi lesen
190. Fi dan penalti hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang
191. Tatacara apabila tiada tatacara dinyatakan
192. Salah nyataan
193. Penguatkuasaan
194. Kuasa untuk mengkompaun
195. Penyampaian dokumen
196. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
197. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan
198. Kuasa Menteri untuk meminda jadual
199. Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian
200. Penyiaran pemberitahuan, *Warta*
201. Pemansuhan, pengecualian dan peralihan
202. Keberterusan hak, liabiliti, dsb., yang lain di bawah Akta yang dimansuhkan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan perkhidmatan kewangan dan sekuriti di Labuan, penubuhan suatu bursa dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktuari” ertinya seseorang yang merupakan *Fellow* mana-mana persatuan profesional yang disenaraikan dalam Jadual Kedua atau seseorang yang diiktiraf oleh Lembaga sebagai seorang aktuari bagi maksud Akta ini, yang terdapat dalam senarai aktuari yang disenggarakan oleh Lembaga;

“amanah saham” ertinya apa-apa amanah yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia yang berhubungan dengan Labuan atau undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf bagi maksud, atau yang mempunyai kesan, untuk mengadakan kemudahan bagi penyertaan orang sebagai benefisiari di bawah amanah itu dalam apa-apa keuntungan atau pendapatan yang berbangkit daripada perolehan, pegangan, pengurusan atau pelupusan mana-mana harta;

“bahasa kebangsaan” ertinya bahasa kebangsaan Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967 [*Akta 32*];

“bank Labuan” ertinya seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan di bawah Bahagian VI;

“bank pelaburan Labuan” ertinya seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan perbankan pelaburan Labuan di bawah Bahagian VI;

“berkaitan”, berhubungan dengan sesuatu perbadanan, ertinya berkaitan dalam pengertian seksyen 4 Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*];

“berurus niaga sekuriti” ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, membuat atau menawarkan untuk membuat dengan mana-mana orang atau mendorong atau cuba untuk mendorong mana-mana orang untuk membuat atau menawarkan untuk membuat—

- (a) apa-apa perjanjian bagi, atau dengan tujuan untuk, memperoleh, melupuskan, memohon beli, atau mengunderait sekuriti; atau
- (b) apa-apa perjanjian yang maksudnya atau maksud diakuinya adalah untuk mendapatkan keuntungan bagi mana-mana pihak daripada hasil sekuriti atau dengan merujuk kepada turun naik nilai sekuriti;

“dana awam” ertinya dana bersama yang selain dana persendirian;

“dana bersama” atau “dana” ertinya suatu syarikat Labuan, suatu perbadanan yang diperbadankan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf, suatu perkongsian,

suatu syarikat sel terlindung, suatu yayasan, atau suatu amanah saham yang—

- (a) mengutip dan mengumpul dana bagi maksud pelaburan bersama dengan matlamat mengagihkan risiko pelaburan; dan
- (b) mengeluarkan kepentingan dalam dana bersama yang mengehakkan pemegang untuk menebus pelaburannya yang dipersetujui oleh pihak-pihak dan menerima amaun yang dihitung dengan merujuk kepada nilai kepentingan ikut kadar dalam keseluruhan atau sebahagian aset bersih jenis entiti yang disebut terdahulu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

dan termasuk dana payung yang kepentingannya dalam dana bersama atau unit terbahagi kepada beberapa bilangan dana kelas berbeza atau dana kecil dan yang pesertanya berhak untuk menukar hak dalam satu bahagian kepada hak dalam bahagian yang lain;

“dana persendirian” ertinya dana bersama—

- (a) yang sekuritinya dipunyai atau dipegang oleh—
 - (i) tidak lebih daripada lima puluh pelabur yang pelaburan pertama setiap pelabur itu tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau apa-apa jumlah lain yang ditetapkan oleh Lembaga atau yang sama banyak nilainya dalam mana-mana mata wang asing; atau
 - (ii) apa-apa bilangan pelabur yang pelaburan pertama setiap pelabur itu tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit atau apa-apa jumlah lain yang ditetapkan oleh Lembaga atau yang sama banyak nilainya dalam mata wang asing; atau
- (b) yang ditentukan sebagai suatu dana persendirian di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“debentur” termasuklah saham, bon, nota debentur dan apa-apa keterangan keterhutangan yang lain sesuatu perbadanan bagi wang yang dipinjam, sama ada atau tidak saham, bon, nota debentur dan apa-apa keterangan keterhutangan yang lain itu merupakan suatu

gadaian ke atas aset perbadanan itu, tetapi tidak boleh ditafsirkan sebagai terpakai bagi mana-mana yang berikut:

- (a) apa-apa surat cara yang mengesahkan atau mewujudkan keterhutangan bagi, atau bagi wang yang dipinjam untuk membayar balasan yang kena dibayar di bawah, suatu kontrak jualan atau pembekalan barangan, harta atau perkhidmatan atau apa-apa kontrak sewaan dalam perjalanan biasa perniagaan;
- (b) cek, draf bank atau apa-apa bil pertukaran lain atau surat kredit;
- (c) nota bank, jaminan atau polisi insurans;
- (d) penyata, buku akaun bank atau dokumen lain yang menunjukkan apa-apa baki dalam akaun semasa, deposit atau simpanan;
- (e) apa-apa perjanjian untuk mendapatkan pinjaman jika pemberi pinjam dan peminjam ialah penandatanganan perjanjian itu dan jika peminjaman wang itu adalah dalam perjalanan biasa perniagaan pemberi pinjam, dan apa-apa nota janji hutang yang dikeluarkan di bawah terma perjanjian sedemikian;
- (f) apa-apa surat cara atau produk atau kelas surat cara atau produk yang ditetapkan oleh Lembaga;

“ditubuhkan”, berhubungan dengan orang yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Pertama, mempunyai pengertian yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual Pertama yang terdapat bersebelahan dengan orang itu;

“dokumen konstituen” ertinya statut, piagam, memorandum persatuan dan perkara persatuan, kaedah-kaedah, undang-undang kecil, perjanjian perkongsian, atau surat cara lain, yang di bawahnya atau dengannya seseorang ditubuhkan dan ruang lingkup fungsi, perniagaan, kuasa dan kewajipan orang itu dinyatakan, sama ada terkandung dalam satu dokumen atau lebih;

“entiti berlesen” ertinya seseorang yang dilesenkan atau didaftarkan untuk menjalankan apa-apa aktiviti di bawah mana-mana Bahagian;

“institusi berlesen Labuan” ertinya seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan kewangan Labuan di bawah Bahagian VI;

“juruaudit yang diluluskan” ertinya seseorang juruaudit yang diluluskan oleh Lembaga di bawah seksyen 10 Akta Syarikat Labuan 1990;

“kaedah-kaedah”, berhubungan dengan sesuatu bursa yang ditubuhkan di bawah Bahagian IX, ertinya kaedah-kaedah yang mengawal penjalanan bursa itu atau anggotanya;

“Labuan” ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*];

“lesen” ertinya lesen yang diberikan atau diperbaharui di bawah Akta ini;

“liabiliti” termasuklah tiap-tiap jenis hutang, kewajipan dan obligasi, sama ada pada masa sekarang atau pada masa hadapan, atau sama ada terletak hak atau luar jangka;

“mahkamah” ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi atau seorang hakim Mahkamah Tinggi;

“mata wang asing” ertinya mana-mana mata wang selain ringgit;

“menentukan”, jika tiada cara disebut, ertinya menentukan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan kuasa untuk menentukan termasuklah kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang yang berlainan atau kelas, kategori atau perihalan orang yang berlainan;

“menetapkan”, jika tiada cara disebut, ertinya menetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dan kuasa untuk menetapkan termasuk kuasa untuk membuat peruntukan yang berlainan dalam perintah itu bagi orang yang berlainan atau kelas, kategori atau perihalan orang yang berlainan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“negara atau bidang kuasa diiktiraf” ertinya negara atau bidang kuasa yang ditentukan oleh Lembaga;

“orang” termasuk suatu perbadanan, suatu perkongsian, sekumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan dan suatu perbadanan tunggal;

“orang yang mengawal”, berhubungan dengan seseorang pemohon bagi suatu lesen atau entiti berlesen di bawah Akta ini, ertinya seseorang yang —

- (a) berhak untuk menjalankan, atau mengawal perjalanan, tidak kurang daripada satu pertiga undi yang terikat dengan syer mengundi pada pemohon atau entiti berlesen itu;
- (b) mempunyai kuasa untuk melantik, atau menyebabkan supaya dilantik, majoriti pengarah pemohon atau entiti berlesen itu; atau
- (c) mempunyai kuasa untuk membuat, atau menyebabkan dibuat, keputusan berkenaan dengan perniagaan atau pentadbiran pemohon atau entiti berlesen itu, dan untuk melaksanakan keputusan itu atau menyebabkan keputusan itu dilaksanakan;

“pakar” termasuklah mana-mana jurutera, akauntan, peguam cara, penilai, juruaudit atau mana-mana orang lain yang profesion atau reputasinya memberikan autoriti kepada sesuatu pernyataan yang dibuat olehnya;

“pegawai”, berhubungan dengan suatu perbadanan, termasuklah —

- (a) seseorang pengarah, setiausaha atau pekerja perbadanan itu termasuk pegawai prinsipal;
- (b) seseorang penerima dan pengurus mana-mana bahagian pengusahaan perbadanan itu yang dilantik di bawah suatu kuasa yang terkandung dalam mana-mana surat cara; dan

- (c) seseorang pelikuidasi perbadanan itu yang dilantik dalam suatu penggulungan sukarela;

tetapi tidak termasuk—

- (A) seseorang penerima yang juga bukan seorang pengurus;
- (B) seseorang penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah; dan
- (C) seseorang pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah atau oleh pemiutang;

“pegawai amanah” ertinya seseorang pegawai syarikat amanah Labuan yang diluluskan dan ditentukan sebagai pegawai amanah oleh Lembaga;

“pegawai diberi kuasa” ertinya seorang pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Lembaga di bawah subseksyen 3(2);

“pegawai prinsipal”, berhubungan dengan suatu entiti berlesen, ertinya seseorang, tidak kira apa jua nama dipanggil, yang bertanggungjawab, tertakluk kepada autoriti pengarah, bagi perjalanan perniagaan dan pentadbiran entiti berlesen itu;

“pejabat” termasuk tempat utama perniagaan, cawangan, agensi, tempat perniagaan bergerak, tempat perniagaan yang ditubuhkan dan disenggarakan bagi suatu tempoh masa terhad sahaja, terminal elektronik dan mana-mana tempat perniagaan yang lain;

“pemastautin” ertinya mana-mana orang yang—

- (a) berhubung dengan orang sebenar, merupakan seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; dan
- (b) berhubung dengan mana-mana orang lain, merupakan seorang yang telah menubuhkan suatu tempat perniagaan, dan sedang beroperasi, di Malaysia,

dan termasuklah seorang yang diisytiharkan sebagai pemastautin menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 171*];

“pemegang lesen bank” ertinya suatu bank Labuan atau bank pelaburan Labuan yang dilesenkan di bawah Bahagian VI;

“pemegang lesen bank Malaysia” ertinya suatu pemegang lesen bank yang merupakan pejabat atau subsidiari suatu bank Malaysia;

“pemegang lesen insurans” ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Bahagian VII;

“pengarah”, berhubungan dengan orang yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Pertama, mempunyai pengertian yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Pertama yang terdapat bersebelahan dengan orang itu;

“pengurus dana” ertinya seseorang yang, bagi balasan berharga, menyediakan perkhidmatan pengurusan sahaja atau bersekali dengan nasihat pelaburan atau perkhidmatan pentadbiran berkenaan dengan sekuriti bagi maksud pelaburan, termasuk mengurus niaga sekuriti atau apa-apa aktiviti lain yang ditentukan oleh Lembaga;

“penjaga” ertinya orang yang dipertanggungjawabkan oleh suatu dana bersama bagi penjagaan harta dana itu menurut perjanjian yang bermaksud sedemikian;

“pentadbir dana” ertinya seseorang yang, bagi balasan berharga, menyediakan bagi dana bersama perkhidmatan atau kemudahan pentadbiran sahaja atau bersekali dengan perkhidmatan perakaunan;

“penubuhan”, berhubungan dengan—

- (a) syarikat, ertinya pemerbadanan;
- (b) badan berkanun, ertinya pewujudan di bawah undang-undang yang menubuhkan, melantik atau membentuknya;
- (c) koperasi, ertinya pendaftaran, pemerbadanan atau selainnya wujud menurut undang-undang sebagai suatu koperasi;
- (d) perkongsian, termasuk perkongsian terhad dan perkongsian liabiliti terhad, ertinya pembentukan;
- (e) pemunyaan tunggal, ertinya pendaftaran perniagaannya; dan
- (f) apa-apa badan, persatuan atau kumpulan orang lain, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang menghendaki pendaftaran atau apa-apa bentuk perekodan atau pengiktirafan lain di bawah mana-mana

undang-undang bertulis sebelum badan, persatuan atau kumpulan orang lain itu boleh memulakan aktiviti dengan sah, ertinya pendaftaran, perekodan atau pengiktirafan di bawah undang-undang bertulis itu;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“perbadanan” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau diperbadankan atau wujud di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan termasuklah syarikat Labuan asing tetapi tidaklah termasuk—

- (a) suatu perbadanan tunggal;
- (b) suatu kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagai suatu kesatuan sekerja; dan
- (c) apa-apa persatuan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi;

“perisytiharan” ertinya pernyataan fakta bertulis yang orang yang membuatnya menandatangani dan sesungguhnya mengisytiharkan sebagai benar di hadapan pesuruhjaya atau pegawai majistret atau notari awam;

“perkongsian” ertinya perkongsian terhad atau perkongsian liabiliti terhad;

“perkongsian liabiliti terhad” ertinya suatu perkongsian liabiliti terhad yang dibentuk di bawah Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009 [*Akta*], Bahagian X Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 [*Akta*], atau di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf walau apa pun apa-apa takrif statutori yang berlawanan;

“perkongsian terhad” ertinya suatu perkongsian terhad yang dibentuk di bawah Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2009, Bahagian X Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009, atau di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf walau apa pun apa-apa takrif statutori yang berlawanan;

“peserta”, berhubungan dengan orang yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Pertama, mempunyai pengertian yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual Pertama yang terdapat bersebelahan dengan orang itu;

“pihak berkuasa penyeliaan negara asal” ertinya mana-mana pihak berkuasa atau badan yang berkenaan di Malaysia atau di mana-mana negara lain yang menjalankan fungsi penyeliaan ke atas operasi mana-mana entiti berlesen;

“prospektus” ertinya apa-apa prospektus, notis, pekeliling, iklan atau pelawaan yang mempelawa permohonan atau tawaran untuk memohon beli atau membeli sekuriti, atau menawarkan apa-apa sekuriti untuk dipohon beli atau dibeli;

“rekod” ertinya suatu kemudahan bagi penyimpanan maklumat yang boleh didapati kembali atau dikeluarkan semula kemudiannya;

“ringgit” ertinya ringgit dalam mata wang Malaysia;

“sekuriti” ertinya apa-apa pelaburan yang biasanya dikenali atau boleh diperihalkan sebagai sekuriti, dan termasuklah—

- (a) syer, debentur, dana, saham, kepentingan dalam suatu perkongsian terhad atau perkongsian liabiliti terhad atau amanah saham atau yayasan atau syarikat sel terlindung atau perbadanan;
- (b) debentur, bon atau nota daripada atau yang dikeluarkan oleh mana-mana badan (diperbadankan atau tidak diperbadankan), kerajaan, kerajaan tempatan atau pihak berkuasa;
- (c) perakuan kepentingan atau penyertaan dalam, perakuan sementara atau interim bagi, resit bagi atau waran untuk memohon beli atau membeli mana-mana pelaburan yang diperihalkan dalam perenggan (a) dan (b); dan sekuriti sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009; dan
- (d) sekuriti sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009;

“subsidiari” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Syarikat Labuan 1990;

“syarikat amanah Labuan” ertinya seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan syarikat amanah di bawah seksyen 61 dan 71;

“syarikat amanah persendirian Labuan” ertinya syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing yang menjalankan perniagaan syarikat amanah bagi suatu amanah persendirian dan didaftarkan dengan Lembaga di bawah Penggal 4 Bahagian V;

“syarikat asing” ertinya—

- (a) suatu syarikat, perbadanan, pertubuhan, persatuan atau badan lain yang diperbadankan di luar Malaysia; atau
- (b) suatu pertubuhan, persatuan atau badan lain yang tidak diperbadankan yang di bawah undang-undang tempat asalnya boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya, atau memegang harta atas nama setiausaha atau pegawai lain pertubuhan, persatuan atau badan itu yang dilantik dengan sewajarnya bagi maksud itu, dan yang tidak mempunyai ibu pejabat atau tempat utama perniagaannya di Malaysia;

“syarikat domestik” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“syarikat Labuan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Labuan 1990;

“syarikat Labuan asing” ertinya suatu syarikat asing yang didaftarkan di bawah Bahagian VIII Akta Syarikat Labuan 1990;

“syarikat pemegang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Labuan 1990;

“syarikat sel terlindung” ertinya syarikat yang diperbadankan, atau ditukar menjadi, syarikat sel terlindung mengikut peruntukan Bahagian VIII B Akta Syarikat Labuan 1990 atau mana-mana entiti yang serupa yang ditubuhkan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf walau apa pun apa-apa takrif statutori yang berlawanan;

“tahun kewangan” ertinya tempoh tidak melebihi lima puluh tiga minggu yang pada akhirnya baki akaun dana itu diseimbangkan atau, jika akaun dana itu tidak dapat diseimbangkan atau jika tempoh lima puluh tiga minggu untuk berbuat demikian itu dilampaui, tahun kalendar;

“undang-undang kecil” ertinya terma bertulis yang dengan merujuk kepadanya jawatankuasa mengawal selia tatacaranya sendiri dan termasuk apa-apa terma yang terpakai baginya sebagaimana yang terkandung dalam memorandum dan perkara-perkara persatuan sesuatu bursa yang ditubuhkan di bawah Akta ini;

“yayasan” ertinya suatu yayasan yang ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Labuan 2009 [*Akta*], Bahagian XI Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 atau apa-apa entiti yang serupa yang ditubuhkan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf walau apa pun apa-apa takrif statutori yang berlawanan.

(2) Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai “Akta ini” hendaklah, melainkan jika dinyatakan secara nyata selainnya, disifatkan termasuk sebutan mengenai mana-mana peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Walau apa pun takrif “sekuriti” di bawah Akta ini dan “kepentingan” seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 66 Akta Syarikat Labuan 1990, Menteri boleh, atas syor Lembaga, menetapkan apa-apa surat cara atau produk atau kelas surat cara atau produk sebagai sekuriti bagi maksud Akta ini dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

Pentadbiran Akta

3. (1) Lembaga bertanggungjawab bagi pentadbiran wajar Akta ini, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Menteri.

(2) Lembaga boleh memberi kuasa mana-mana anggota atau pegawainya untuk melaksanakan mana-mana fungsinya, menjalankan mana-mana kuasanya atau menunaikan mana-mana kewajipannya di bawah Akta ini.

(3) Tertakluk kepada apa-apa had, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan, seorang pegawai diberi kuasa hendaklah melaksanakan segala fungsi, menjalankan segala kuasa dan menunaikan segala kewajipan Lembaga sebagaimana yang diberi kuasa dan tiap-tiap fungsi yang dilaksanakan, kuasa yang dijalankan dan kewajipan yang ditunaikan sedemikian hendaklah disifatkan telah dilaksanakan, dijalankan dan ditunaikan bagi maksud Akta ini.

(4) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman terhadap meterai dan tandatangan Lembaga.

Orang yang layak dan sesuai

4. (1) Tiap-tiap entiti berlesen hendaklah memastikan bahawa pengarahnya, pegawai prinsipalnya, pegawai amanahnya, jika berkenaan, kekal sebagai orang yang layak dan sesuai sepanjang pelantikan mereka dengan entiti berlesen itu.

(2) Jika seseorang pengarah, pegawai prinsipal atau pegawai amanah, jika berkenaan, tidak lagi menjadi orang yang layak dan sesuai, entiti berlesen itu dan pengarah, pegawai prinsipal atau pegawai amanah itu, jika berkenaan, hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah dapat dilaksanakan, memberitahu Lembaga secara bertulis mengenainya, berserta dengan butir-butir mengenai perubahan itu.

(3) Dalam menentukan sama ada seseorang ialah orang yang layak dan sesuai di bawah Akta ini, Lembaga bolehlah mengambil kira yang berikut:

- (a) integriti, kecekapan, kebolehan berfikiran dengan bijak dan kedudukan kewangan orang itu;
- (b) sama ada orang itu telah dihukum bankrap, sama ada di Malaysia atau di tempat lain;
- (c) sama ada orang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah di Malaysia atau di tempat lain dan jika penalti yang dikenakan ialah pemenjaraan selama satu tahun atau lebih, sama ada dengan sendirinya atau sebagai tambahan kepada suatu denda; dan
- (d) apa-apa kriteria lain yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(4) Seseorang adalah berkewajipan untuk memberikan notis bertulis kepada Lembaga, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mengenai apa-apa kejadian material yang boleh dijangkakan dengan munasabah akan menjejaskan statusnya sebagai seorang yang layak dan sesuai.

(5) Jika Lembaga berpuas hati bahawa seseorang tidak layak dan sesuai, Lembaga boleh menghilangkan kelayakan orang itu daripada bertindak atas sifatnya sebagai pengarah, pegawai prinsipal atau pegawai amanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi entiti berlesen.

Perniagaan dalam, dari atau melalui Labuan

5. (1) Seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan mana-mana aktiviti di bawah Akta ini hendaklah menjalankan aktiviti itu hanya dalam, dari atau melalui Labuan kecuali bahawa sesuatu entiti berlesen boleh menjalankan apa-apa perniagaan dalam Malaysia di luar Labuan sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini membenarkan sesuatu entiti berlesen menjalankan mana-mana aktiviti terkawal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], jika aktiviti terkawal itu dijalankan dalam Malaysia selain Labuan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu dana bersama, seorang pengurus dana dan seorang pentadbir dana yang ditubuhkan, dilesenkan atau didaftarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Bahagian III hendaklah disifatkan menjalankan perniagaan di Labuan walaupun perniagaan itu dijalankan keseluruhannya di luar Labuan atau di luar Labuan dari suatu tempat perniagaan atau pejabat berdaftar di dalam Labuan dan ungkapan “menjalankan perniagaan dari Labuan” termasuklah menjalankan perniagaan di luar Labuan dari suatu tempat perniagaan atau pejabat berdaftar di dalam Labuan.

Perkara syariah**6. Mana-mana orang—**

- (a) yang bercadang untuk membuat suatu tawaran langganan atau belian, atau menawarkan pelawaan untuk memohon beli atau membeli, sekuriti dalam atau dari dalam Labuan; atau
- (b) menjalankan mana-mana perniagaan yang dikawal selia di bawah Bahagian III, IV, VI, VII dan X,

yang dengan nyata selaras dengan prinsip Syariah hendaklah mematuhi peruntukan yang berkaitan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 dan dengan berbuat demikian, hendaklah disifatkan telah mematuhi semua undang-undang di Labuan berhubungan dengan perkara itu.

BAHAGIAN II

SEKURITI

PENGGAL 1

PERMULAAN

Tafsiran

7. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“syarikat peminjam” ertinya sesuatu syarikat Labuan yang berada atau akan berada di bawah suatu liabiliti, sama ada atau tidak liabiliti itu pada masa sekarang atau masa hadapan, untuk membayar balik apa-apa wang yang diterima atau akan diterima olehnya sebagai sambutan kepada suatu tawaran yang dibuat di bawah seksyen 8 untuk memohon beli atau membeli debentur syarikat Labuan;

“syarikat penjamin”, berhubungan dengan syarikat peminjam, ertinya sesuatu perbadanan yang telah menjamin, atau telah bersetuju untuk menjamin, pembayaran balik apa-apa wang yang diterima atau akan diterima oleh syarikat peminjam sebagai sambutan kepada suatu tawaran yang dibuat di bawah seksyen 8 untuk memohon beli atau membeli debentur syarikat peminjam itu;

“penaja”, berhubungan dengan prospektus yang dikeluarkan oleh atau berkaitan dengan sesuatu syarikat Labuan, ertinya penaja syarikat itu yang menjadi pihak dalam penyediaan prospektus atau mana-mana bahagiannya yang relevan, tetapi tidaklah termasuk mana-mana orang yang semata-mata bertindak atas sifat profesionalnya atau atas sifatnya sebagai penasihat; dan

“debentur bercagar” ertinya—

- (a) apa-apa debentur yang dinyatakan pada mukanya sebagai suatu debentur bercagar; dan
- (b) apa-apa debentur yang diterbitkan atas terma yang memberi pemegang debentur itu hak dan kuasa untuk mengundi dan menuntut suatu pengundian berkenaan dengan perniagaan dan pengusahaan syarikat, sama ada sebagai tambahan kepada hak anggota syarikat atau sebagai ganti hak itu.

Tawaran atau pelawaan yang menghendaki kelulusan Lembaga

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), seseorang, pegawainya, pengarahnya, ejennya atau mana-mana orang lain bagi pihaknya, tidak boleh membuat suatu tawaran untuk memohon beli atau membeli, atau mengeluarkan suatu pelawaan untuk memohon beli atau membeli sekuriti di atau dari dalam Labuan tanpa kelulusan bertulis Lembaga terlebih dahulu.

(2) Tiada tawaran atau pelawaan untuk memohon beli debentur, atau untuk mendepositkan wang dengan atau meminjamkan wang kepada, suatu syarikat Labuan atau suatu syarikat Labuan asing, boleh dibuat kepada pemastautin Malaysia, kecuali oleh seorang pemegang lesen bank melainkan jika dibenarkan sebaliknya secara bertulis oleh Lembaga.

(3) Seseorang pemohon hendaklah mengemukakan kepada Lembaga apa-apa dokumen dan apa-apa maklumat lain yang berhubungan dengan tawaran atau pelawaan itu mengikut apa-apa bentuk dan cara dan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Lembaga.

(4) Jika suatu permohonan telah dikemukakan kepada Lembaga di bawah seksyen ini, Lembaga boleh—

(a) meluluskan sesuatu tawaran atau pelawaan dengan atau tanpa perubahan dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut; atau

(b) menolak sesuatu tawaran atau pelawaan.

(5) Tawaran atau pelawaan sekuriti yang berikut dikecualikan daripada kehendak untuk mendapatkan kelulusan Lembaga di bawah subseksyen (1):

(a) tawaran atau pelawaan sekuriti, jika—

(i) tawaran atau pelawaan itu ditujukan kepada suatu kategori orang yang boleh dikenal pasti yang kepadanya tawaran atau pelawaan itu disampaikan secara langsung oleh orang yang membuat tawaran atau pelawaan itu atau oleh ejen yang dilantikannya; atau

- (ii) hanya anggota dalam kategori itu yang kepadanya tawaran atau pelawaan itu dibuat merupakan orang yang boleh menerima tawaran atau pelawaan itu dan mereka memiliki maklumat yang mencukupi untuk membolehkan penilaian yang munasabah dibuat mengenai tawaran atau pelawaan itu,

dan bilangan orang yang kepadanya tawaran atau pelawaan itu disampaikan tidak melebihi lima puluh;

(b) tawaran atau pelawaan debentur, jika—

- (i) pelaburan kali pertama setiap pemegang debentur permulaan adalah tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama banyaknya dalam apa-apa mata wang lain dan mereka memiliki maklumat yang mencukupi untuk membolehkan penilaian yang munasabah dibuat mengenai tawaran atau pelawaan itu; atau

- (ii) pelaburan kali pertama setiap pemegang debentur permulaan adalah kurang daripada dua ratus lima puluh ribu ringgit atau yang sama banyaknya dalam apa-apa mata wang lain dan bilangan orang yang kepadanya tawaran atau pelawaan itu disampaikan tidak melebihi lima puluh dan mereka memiliki maklumat yang mencukupi untuk membolehkan penilaian yang munasabah dibuat mengenai tawaran atau pelawaan itu;

(c) tawaran atau pelawaan sekuriti dalam suatu dana bersama yang memenuhi kehendak dana bersama di bawah Bahagian III;

(d) tawaran atau pelawaan sekuriti yang menurut suatu tawaran pengambilalihan yang mematuhi undang-undang relevan yang terpakai bagi tawaran itu; dan

(e) tawaran atau pelawaan sekuriti atau apa-apa kelas atau kategori sekuriti yang ditentukan oleh Lembaga.

(6) Apa-apa ketentuan atau ketentuan-ketentuan yang dibuat di bawah perenggan (5)(e) hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat, sekatan atau had yang dikenakan oleh Lembaga.

(7) Mana-mana orang yang membuat suatu tawaran atau pelawaan sekuriti berlanggaran dengan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(8) Seseorang yang bukan pemegang lesen bank dan membuat apa-apa tawaran atau pelawaan di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pernyataan palsu atau yang mengelirukan

9. (1) Jika apa-apa pernyataan atau maklumat dikehendaki supaya dikemukakan kepada Lembaga berhubung dengan apa-apa tawaran atau pelawaan sekuriti yang dikemukakan menurut subseksyen 8(3), seseorang pemohon dan mana-mana pegawainya tidak boleh—

- (a) mengemukakan atau menyebabkan supaya dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat palsu atau yang mengelirukan;
- (b) mengemukakan atau menyebabkan supaya dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat yang mempunyai peninggalan material; atau
- (c) terlibat dalam atau membantu atau menyubahati tingkah laku yang diketahuinya adalah mengelirukan atau memperdayakan atau yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan Lembaga.

(2) Menjadi suatu pembelaan terhadap pendakwaan atau apa-apa prosiding bagi pelanggaran subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa defendan, selepas membuat siasatan yang munasabah dalam hal keadaan itu, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan telah mempercayai sehingga masa pernyataan itu dibuat atau maklumat itu diberikan atau tingkah laku itu dilakukan mempercayai bahawa—

- (a) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan;
- (b) peninggalan itu tidak material;

- (c) tidak terdapat apa-apa peninggalan yang material; atau
- (d) tingkah laku yang berkenaan tidak mengelirukan atau memperdayakan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Iklan

10. (1) Tiada iklan yang menawarkan, atau yang menarik perhatian terhadap suatu tawaran atau tawaran yang dicadangkan bagi, sekuriti di bawah subseksyen 8(1), yang merupakan tawaran sekuriti yang tidak dikecualikan di bawah subseksyen 8(5), boleh disiarkan di Labuan sehinggalah iklan itu telah diluluskan oleh Lembaga.

(2) Sesuatu permohonan bagi kelulusan untuk sesuatu iklan hendaklah diserahkan kepada Lembaga berserta dengan suatu salinan iklan itu yang ditentukan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang menyiarkan atau menyebabkan supaya disiarkan di Labuan suatu iklan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Lembaga melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Pendaftaran prospektus

11. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang tidak boleh menerbitkan, menawarkan untuk dipohon beli atau dibeli, membuat pelawaan untuk dipohon beli atau dibeli, sekuriti dalam atau dari dalam Labuan melainkan jika suatu prospektus berhubung dengan tawaran atau pelawaan itu telah didaftarkan dengan Lembaga.

(2) Kehendak di bawah subseksyen (1) tidak terpakai jika tawaran atau pelawaan itu dibuat menurut atau berkaitan dengan sesuatu tawaran atau pelawaan yang dikecualikan di bawah subseksyen 8(5).

(3) Lembaga tidak boleh mendaftarkan salinan mana-mana prospektus—

(a) jika prospektus itu mengandungi apa-apa pernyataan atau perkara yang pada pendapatnya adalah mengelirukan dari segi bentuk dan konteks pernyataan itu dimasukkan; dan

(b) melainkan jika—

(i) suatu salinan yang ditandatangani oleh tiap-tiap pengarah dan oleh tiap-tiap orang yang namanya terdapat dalamnya sebagai pengarah yang dicadangkan bagi perbadanan itu atau pengendali dalam hal dana awam yang memohon bagi pendaftaran di bawah seksyen 31 atau oleh ejen mereka yang diberi kuasa secara bertulis diserahkan kepada Lembaga pada atau sebelum tarikh pengeluarannya;

(ii) prospektus itu ternyata mematuhi kehendak Akta ini dan peraturan-peraturan atau Lembaga berpuas hati bahawa apa-apa penyimpangan daripada kehendak Akta ini atau peraturan-peraturan oleh prospektus itu adalah wajar dan tidak berkemungkinan untuk mengelirukan seseorang yang melabur berdasarkan kepercayaan pada kandungan prospektus itu; dan

(iii) telah juga diserahkan kepada Lembaga—

(aa) dalam hal suatu prospektus yang berhubungan dengan dana awam—

(i) suatu perakuan daripada seorang pakar yang memperakukan bahawa prospektus itu mematuhi kehendak Bahagian III; dan

(ii) jika semua atau mana-mana bahagian prospektus itu tidak dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, suatu terjemahan prospektus itu atau sebahagian prospektus itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, yang ditentusahkan mengikut cara yang memuaskan hati Lembaga;

(bb) dalam hal mana-mana prospektus lain, suatu salinan, yang ditentukan sebagaimana yang ditentukan, apa-apa persetujuan yang dikehendaki oleh seksyen 13 bagi pengeluaran prospektus dan apa-apa kontrak material yang disebut dalam prospektus itu atau, dalam hal apa-apa kontrak sedemikian yang tidak dalam bentuk bertulis, suatu memorandum yang memberikan butir-butir lengkap mengenainya, yang ditentukan sebagaimana yang ditentukan.

(4) Jika suatu prospektus dikeluarkan tanpa suatu salinannya didaftarkan sedemikian, perbadanan dan tiap-tiap orang yang dengan disedarinya menjadi suatu pihak dalam pengeluaran prospektus itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(5) Berhubung dengan suatu prospektus yang berhubungan dengan suatu dana awam, prospektus itu hendaklah, sebagai tambahan—

- (a) memberikan pendedahan lengkap, benar dan jelas mengenai semua fakta dan hal keadaan yang boleh memudahkan seseorang bakal pelabur membuat suatu penilaian munasabah dalam menentukan sama ada untuk membeli atau memohon beli syer sesuatu dana awam;
- (b) mengandungi suatu pernyataan ringkasan mengenai hak pelabur di bawah seksyen 36; dan
- (c) jika dana awam itu telah beroperasi selama satu tahun kewangan yang lengkap, disertai dengan atau mengandungi rujukan mengenai tersedianya penyata kewangan bagi tahun kewangan dana awam itu yang sebaik sebelum tarikh tawaran itu dan laporan juruaudit mengenainya.

(6) Jika—

- (a) apa-apa perubahan berlaku yang menjejaskan secara material mana-mana perkara yang dikehendaki supaya dizahirkan di bawah subseksyen (5); atau
- (b) telah berlaku perubahan material yang menjejaskan perkara yang dizahirkan dalam prospektus,

maka pengurus dana bagi dana awam itu atau penaja, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari dari berlakunya perubahan itu memasukkan perubahan itu dalam prospektus yang berhubungan dengan dana awam itu atau tawaran menurut subseksyen 8(1) dan memberikan suatu salinannya kepada setiap pelaburnya dan kepada Lembaga.

Dokumen yang mengandungi tawaran sekuriti hendaklah dibuat melalui syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank dan hendaklah disifatkan sebagai prospektus

12. (1) Jika sesuatu perbadanan mengumpukkan atau menerbitkan atau bersetuju untuk mengumpukkan atau menerbitkan apa-apa sekuriti kepada seseorang di bawah subseksyen 8(1), dan jika tawaran sedemikian tidak dikecualikan di bawah subseksyen 8(5), tawaran atau pelawaan sekuriti itu hendaklah dibuat melalui ejennya yang hendaklah syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank.

(2) Apa-apa dokumen yang melaluinya tawaran di bawah subseksyen 8(1) dibuat hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai suatu prospektus yang dikeluarkan oleh perbadanan itu, dan semua undang-undang bertulis dan rukun undang-undang tentang kandungan prospektus dan tentang liabiliti berkenaan dengan iklan dan pernyataan dan ketidakedahan dalam prospektus, atau selainnya yang berhubungan dengan prospektus, hendaklah terpakai dan mempunyai kuat kuasa sewajarnya seolah-olah sekuriti itu telah ditawarkan di bawah subseksyen 8(1) dan seolah-olah orang yang menerima tawaran itu berkenaan dengan apa-apa sekuriti itu ialah pemohon beli baginya tetapi tanpa menjejaskan liabiliti, jika ada, orang yang membuat tawaran itu berkenaan dengan pernyataan atau ketidakedahan dalam dokumen itu atau selainnya.

(3) Bagi maksud Akta ini, melainkan jika sebaliknya dibuktikan, hendaklah menjadi keterangan bahawa suatu pengumpulan, atau suatu perjanjian untuk mengumpukkan, sekuriti telah dibuat oleh suatu perbadanan dengan tujuan untuk menawarkan sekuriti itu di bawah subseksyen 8(1) jika ditunjukkan—

(a) bahawa suatu tawaran sekuriti di bawah subseksyen 8(1) telah dibuat dalam masa enam bulan selepas pengumpulan atau perjanjian untuk mengumpukkan itu; atau

(b) bahawa pada tarikh tawaran sekuriti di bawah subseksyen 8(1) dibuat, keseluruhan balasan yang hendaklah diterima oleh perbadanan itu berkenaan dengan sekuriti itu telah tidak diterima sedemikian.

(4) Kehendak Bahagian ini tentang prospektus hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah orang yang membuat tawaran yang dimaksudkan oleh seksyen ini ialah orang yang dinamakan dalam sesuatu prospektus sebagai pengarah sesuatu perbadanan.

(5) Sebagai tambahan kepada pematuhan kehendak lain dalam Bahagian ini, dokumen yang membuat tawaran hendaklah menyatakan—

(a) amaun bersih balasan yang diterima atau yang akan diterima oleh perbadanan yang membuat tawaran berkenaan dengan sekuriti yang dimaksudkan oleh tawaran itu; dan

(b) tempat dan masa bagi kontrak yang di bawahnya sekuriti itu telah atau akan diumpukkan boleh diperiksa.

(6) Jika suatu tawaran yang dimaksudkan oleh seksyen ini dibuat oleh perbadanan, adalah mencukupi jika dokumen yang disebut dalam subseksyen (1) itu ditandatangani bagi pihak perbadanan itu oleh dua orang pengarah perbadanan itu dan mana-mana pengarah sedemikian boleh memberi kuasa ejennya secara bertulis untuk menandatangani bagi pihaknya.

Persetujuan pakar terhadap pengeluaran prospektus yang mengandungi pernyataan olehnya

13. (1) Sesuatu prospektus yang mempelawa permohonan beli atau pembelian sekuriti sesuatu perbadanan dan termasuk suatu pernyataan yang berupa sebagai dibuat oleh seorang pakar atau sebagai berdasarkan suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pakar tidak boleh dikeluarkan melainkan jika terdapat dalam prospektus itu suatu pernyataan bahawa pakar itu telah memberikan dan telah tidak menarik balik persetujuannya itu.

(2) Jika mana-mana prospektus yang dikeluarkan oleh sesuatu perbadanan melanggar dengan seksyen ini, perbadanan itu dan tiap-tiap orang yang dengan disedarinya menjadi suatu pihak kepada pengeluaran prospektus itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Liabiliti sivil kerana pernyataan silap dalam prospektus

14. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, setiap orang yang berikut hendaklah bertanggungjawab membayar pampasan kepada semua orang yang memohon beli atau membeli apa-apa sekuriti berdasarkan kepercayaan pada suatu prospektus bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang ditanggung oleh sebab suatu pernyataan tidak benar dalamnya, atau oleh sebab ketidakdedahan sengaja dalamnya mengenai apa-apa perkara yang dalam pengetahuannya dan yang diketahuinya adalah material, iaitu tiap-tiap orang yang—

- (a) ialah seorang pengarah pada masa pengeluaran prospektus itu;
- (b) membenarkan atau menyebabkan supaya dirinya dinamakan dan telah dinamakan dalam prospektus sebagai seorang pengarah atau sebagai telah bersetuju menjadi seorang pengarah sama ada dengan serta-merta atau selepas suatu lat tempoh masa;
- (c) ialah seorang penaja perbadanan itu; atau
- (d) membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu.

(2) Walau apa pun apa-apa dalam subseksyen (1), jika persetujuan pakar dikehendaki bagi pengeluaran sesuatu prospektus dan dia telah memberikan persetujuan itu, dia tidak boleh semata-mata oleh sebab persetujuan itu menjadi bertanggungjawab sebagai seorang yang membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu kecuali berkenaan dengan pernyataan yang tidak benar yang berupa dibuat olehnya sebagai seorang pakar, dan kemasukan dalam prospektus itu nama seseorang sebagai seorang pemegang amanah bagi pemegang debentur, juruaudit, jurubank, *barrister*, peguam bela atau peguam cara atau broker saham atau syer tidaklah boleh semata-mata kerana sebab itu sahaja ditafsirkan sebagai suatu kebenaran oleh orang itu bagi pengeluaran prospektus itu.

(3) Tiada seorang pun boleh bertanggungjawab di bawah subseksyen (1) jika dia membuktikan—

- (a) bahawa, setelah memberikan persetujuan untuk menjadi pengarah bagi perbadanan itu, dia telah menarik balik persetujuannya sebelum pengeluaran prospektus itu, dan bahawa prospektus itu telah dikeluarkan tanpa kebenaran atau persetujuannya;

- (b) bahawa prospektus itu telah dikeluarkan tanpa pengetahuan atau persetujuannya dan dia telah dengan serta-merta memberikan notis awam yang munasabah mengenainya setelah dia menyedari akan pengeluaran prospektus itu;
- (c) bahawa selepas pengeluaran prospektus itu dan sebelum pengumpulan atau penjualan di bawahnya dia, setelah menyedari akan apa-apa pernyataan tidak benar dalam prospektus itu, telah menarik balik persetujuannya dan telah memberikan notis awam yang munasabah mengenai penarikan balik itu dan mengenai sebab baginya; atau
- (d) bahawa—
 - (i) berkenaan dengan tiap-tiap pernyataan tidak benar yang tidak berupa sebagai dibuat atas kebenaran seorang pakar atau suatu dokumen atau pernyataan rasmi awam, dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan telah mempercayai sehingga masa pengumpulan, penerbitan atau penjualan sekuriti itu bahawa pernyataan itu benar;
 - (ii) berkenaan dengan tiap-tiap pernyataan tidak benar yang berupa sebagai suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pakar atau yang berdasarkan suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pakar atau yang terkandung dalam apa-apa yang berupa sebagai suatu salinan atau cabutan daripada suatu laporan atau penilaian seorang pakar, ia benar-benar menggambarkan pernyataan itu, atau suatu salinan benar dan bersih suatu cabutan daripada laporan atau penilaian itu, dan dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan telah mempercayai sehingga masa pengeluaran prospektus itu, bahawa pakar yang membuat pernyataan itu berwibawa untuk membuatnya dan bahawa pakar itu telah memberikan persetujuan yang dikehendaki oleh seksyen 13 bagi pengeluaran prospektus itu dan telah tidak menarik balik persetujuan itu sebelum suatu salinan prospektus itu dihantar serah untuk pendaftaran atau, pada pengetahuan orang itu, sebelum apa-apa pengumpulan, penerbitan atau penjualan di bawah prospektus itu; dan

(iii) berkenaan dengan tiap-tiap pernyataan tidak benar yang berupa sebagai suatu pernyataan yang dibuat oleh seorang pegawai rasmi atau yang terkandung dalam apa-apa yang berupa suatu salinan atau cabutan daripada dokumen rasmi awam, ia adalah suatu gambaran yang betul dan tepat mengenai pernyataan itu atau salinan atau cabutan daripada dokumen itu.

(4) Subseksyen (3) tidaklah terpakai dalam hal seseorang yang bertanggung, disebabkan dia telah memberikan persetujuan yang dikehendaki daripadanya oleh seksyen 13 sebagai seorang yang telah membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus berkenaan dengan suatu pernyataan tidak benar yang berupa sebagai telah dibuat olehnya sebagai seorang pakar.

(5) Seseorang yang selain subseksyen ini akan juga menjadi bertanggung di bawah subseksyen (1), disebabkan dia telah memberikan persetujuan yang dikehendaki daripadanya oleh seksyen 13, sebagai seorang yang telah membenarkan pengeluaran sesuatu prospektus berkenaan dengan suatu pernyataan yang tidak benar yang berupa sebagai telah dibuat olehnya sebagai seorang pakar tidak akan menjadi bertanggung sedemikian jika dia membuktikan—

- (a) bahawa, selepas memberikan persetujuannya di bawah seksyen 13 mengenai pengeluaran prospektus itu, dia telah menarik balik persetujuan itu secara bertulis sebelum suatu salinan prospektus itu diserahkan kepada Lembaga;
- (b) bahawa, selepas suatu salinan prospektus itu diserahkan kepada Lembaga dan sebelum penerbitan atau penjualan di bawah prospektus itu, dia telah, setelah menyedari akan pernyataan tidak benar itu, menarik balik persetujuannya secara bertulis dan telah memberikan notis awam yang munasabah mengenai penarikan balik itu dan mengenai sebab baginya; atau
- (c) bahawa dia berwibawa untuk membuat pernyataan itu dan bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai sehingga masa penerbitan atau penjualan sekuriti itu bahawa pernyataan itu benar.

(6) Jika—

- (a) sesuatu prospektus mengandungi nama seseorang sebagai pengarah suatu perbadanan, atau sebagai telah bersetuju untuk menjadi pengarah, dan dia tidak memberikan persetujuannya untuk menjadi pengarah, atau dia telah menarik balik persetujuannya sebelum pengeluaran prospektus itu, dan telah tidak membenarkan atau memberikan persetujuannya bagi pengeluaran prospektus itu; atau
- (b) persetujuan seseorang dikehendaki di bawah seksyen 13 bagi pengeluaran prospektus dan dia sama ada telah tidak memberikan persetujuan itu atau telah menarik balik persetujuan itu sebelum pengeluaran prospektus itu,

pengarah syarikat itu kecuali mana-mana pengarah yang tanpa pengetahuan atau persetujuannya prospektus itu dikeluarkan, dan mana-mana orang lain yang membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus itu, adalah bertanggung untuk menanggung rugi orang yang dinamakan sedemikian atau yang persetujuannya dikehendaki sedemikian terhadap semua ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang dia mungkin bertanggung disebabkan namanya telah dimasukkan dalam prospektus itu atau kemasukan suatu pernyataan yang berupa sebagai telah dibuat olehnya sebagai seorang pakar dalam prospektus itu, atau dalam membela dirinya terhadap apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang yang dibawa terhadapnya berkenaan dengannya.

Liabiliti jenayah kerana pernyataan silap dalam prospektus

15. (1) Jika dalam mana-mana prospektus, atau dalam mana-mana jenis iklan yang disebut dalam seksyen 10, terdapat suatu pernyataan tidak benar atau ketidakdedahan sengaja, mana-mana orang yang membenarkan atau menyebabkan pengeluaran prospektus atau iklan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya melainkan jika dia membuktikan bahawa pernyataan atau ketidakdedahan itu tidak material atau bahawa dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai dan telah mempercayai, sehingga masa pengeluaran prospektus itu, bahawa pernyataan itu adalah benar atau ketidakdedahan itu tidak material.

(2) Seseorang tidak boleh disifatkan sebagai telah membenarkan atau menyebabkan pengeluaran sesuatu prospektus semata-mata oleh sebab dia memberikan persetujuan yang dikehendaki oleh Penggal ini bagi kemasukan sesuatu pernyataan yang berupa sebagai dibuat olehnya sebagai seorang pakar ke dalam prospektus itu.

Syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank sebagai ejen bagi tawaran

16. (1) Tiada pengumpulan atau penerbitan apa-apa sekuriti sesuatu perbadanan yang ditawarkan di bawah subseksyen 8(1), yang merupakan tawaran sekuriti yang tidak dikecualikan di bawah subseksyen 8(5), boleh dibuat melainkan jika sekuriti itu telah ditawarkan melalui suatu syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, suatu syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank hendaklah menjadi ejen sesuatu perbadanan yang menawarkan sekuriti di bawah subseksyen 8(1) melalui syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank itu untuk menerima permohonan bagi penerbitan sekuriti dan hendaklah diperihalkan sedemikian dalam prospektus.

(3) Semua wang yang kena dibayar atas permohonan sekuriti dalam sesuatu perbadanan hendaklah dibayar kepada syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank yang bertindak sebagai ejen bagi perbadanan itu, dan sementara menanti penerimaan amaun bayaran minimum oleh syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank itu, ia hendaklah memegang semua wang yang diterima olehnya atas amanah bagi pemohon itu, dan jika amaun bayaran minimum itu tidak diterima oleh syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank itu dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus itu, syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa hak di bawah terma prospektus untuk memotong apa-apa kos dan caj yang terhutang kepadanya atau kepada Lembaga berkaitan dengan prospektus atau tawaran itu atau tindakannya sebagai broker dalam perkara itu, mengembalikan wang permohonan itu atau sebahagian daripadanya yang merupakan baki selepas pemotongan dibuat, jika ada, mengikut terma prospektus itu kepada pemohon secara *pro rata* berdasarkan masing-masing amaun yang dibayar oleh mereka.

(4) Apabila syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank yang bertindak sebagai ejen suatu perbadanan menerima amaun bayaran minimum bagi pihak perbadanan itu, syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank itu hendaklah, tertakluk kepada haknya untuk memotong saraan dan perbelanjaan yang sepatutnya daripada wang itu, memegang wang itu dan apa-apa wang permohonan selanjutnya sebagai ejen perbadanan itu.

Larangan pengumpulan melainkan jika bayaran minimum diterima

17. (1) Tiada pengumpulan atau penerbitan apa-apa sekuriti sesuatu perbadanan yang ditawarkan menurut subseksyen 8(1), yang merupakan tawaran sekuriti yang tidak dikecualikan di bawah subseksyen 8(5), boleh dibuat melainkan jika—

- (a) bayaran minimum telah dibayar; dan
- (b) jumlah wang yang kena dibayar atas permohonan sekuriti yang dimohon beli itu telah diterima oleh perbadanan itu,

tetapi jika suatu cek bagi jumlah wang yang kena dibayar itu telah diterima oleh perbadanan itu, jumlah wang itu hendaklah disifatkan tidak diterima oleh perbadanan itu sehinggalah cek itu dibayar oleh bank yang mengeluarkannya.

(2) Bayaran minimum itu hendaklah—

- (a) dikira berdasarkan harga yang padanya sekuriti itu ditawarkan atau akan ditawarkan; dan
- (b) dihitung tanpa mengira apa-apa amaun yang kena dibayar selain dengan wang tunai.

(3) Amaun yang kena dibayar atas permohonan setiap sekuriti yang ditawarkan hendaklah tidak kurang daripada lima peratus daripada harga yang padanya sekuriti itu ditawarkan atau akan ditawarkan.

(4) Apa-apa syarat yang menghendaki atau yang mengikat mana-mana pemohon bagi sekuriti supaya menepikan pematuhan apa-apa kehendak seksyen ini adalah tidak sah.

(5) Tiada perbadanan boleh menerbitkan atau mengumpukkan, dan tiada pegawai atau penaja sesuatu perbadanan boleh membenarkan atau mengizinkan supaya diterbitkan atau diumpukkan, sekuriti di bawah subseksyen 8(1) berdasarkan suatu prospektus selepas habis tempoh enam bulan dari pengeluaran prospektus itu.

(6) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Wang permohonan hendaklah dipegang atas amanah sehingga penerbitan atau pengumpulan

18. (1) Tertakluk kepada subseksyen 16(3) dan (4) dan subseksyen 17(1), semua wang permohonan dan wang lain yang dibayar sebelum penerbitan atau pengumpulan oleh mana-mana pemohon bagi sekuriti yang ditawarkan di bawah subseksyen 8(1) oleh sesuatu perbadanan, hendaklah, sehingga penerbitan atau pengumpulan sekuriti itu dibuat, dipegang atas amanah bagi pemohon itu dan wang itu hendaklah dibayar ke dalam dan disimpan dalam suatu akaun amanah yang berasingan, sementara menanti penerbitan atau pengumpulan itu.

(2) Jika berlaku keingkaran dalam pematuhan seksyen ini, tiap-tiap pegawai perbadanan yang ingkar dan yang dengan disedarinya dan dengan sengaja membenarkan atau mengizinkan keingkaran itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

PENGGAL 3

DEBENTUR

Kuasa untuk menerbitkan debentur

19. (1) Tertakluk kepada Penggal ini dan kepada terma dan syarat memorandum dan perkaranya, sesuatu syarikat Labuan hendaklah mempunyai kuasa untuk menerbitkan debentur atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dan khususnya, tetapi tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, boleh menerbitkan debentur—

(a) yang menjadi gadaian ke atas mana-mana atau kesemua aset syarikat itu;

- (b) yang boleh ditukar daripada debentur kepada syer dalam syarikat itu; atau
- (c) sebagai debentur bercagar.

(2) Hutang yang kena dibayar di bawah apa-apa debentur, sama ada dimeterai atau ditandatangani bagi pihak syarikat itu, hendaklah menjadi suatu hutang istimewa syarikat itu, dan jika debentur itu diterbitkan oleh cawangan sesuatu syarikat, hendaklah terletak di cawangan tersebut.

(3) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

- (a) menyekat hak sesuatu syarikat Labuan atau mana-mana kelas tertentu syarikat Labuan untuk menerbitkan debentur yang boleh ditukarkan kepada syer; dan
- (b) menetapkan terma dan syarat atau kejadian atau kejadian-kejadian yang atasnya penukaran hendak atau boleh dilakukan.

Pemegang amanah bagi pemegang debentur

20. (1) Tiap-tiap syarikat Labuan yang menawarkan debentur di bawah subseksyen 8(1), yang merupakan tawaran debentur yang tidak dikecualikan di bawah subseksyen 8(5), hendaklah membuat peruntukan dalam debentur itu, atau dalam surat ikatan amanah yang berhubungan dengan debentur itu, bagi pelantikan suatu syarikat amanah Labuan sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur.

(2) Sesuatu syarikat peminjam tidak boleh mengumpukkan apa-apa debentur sehingga suatu syarikat amanah Labuan telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur itu.

(3) Lembaga boleh meluluskan mana-mana orang lain untuk bertindak sebagai pemegang amanah bersama dengan syarikat amanah Labuan bagi pemegang debentur itu.

(4) Jika berlaku keingkaran oleh sesuatu syarikat peminjam pada mematuhi seksyen ini, syarikat peminjam itu dan tiap-tiap pegawai syarikat peminjam itu yang ingkar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian dan tanggung rugi pemegang amanah daripada liabiliti

21. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, sesuatu terma, peruntukan atau waad suatu debentur atau surat ikatan amanah suatu terma kontrak dengan pemegang debentur yang dijamin oleh suatu surat ikatan amanah adalah tidak sah setakat yang terma, peruntukan atau waad itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, akan mempunyai kesan—

- (a) untuk mengecualikan pemegang amanah daripada liabiliti kerana melanggar mana-mana peruntukan Bahagian ini atau kerana pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap cermat dan usaha yang dikehendaki daripadanya sebagai seorang pemegang amanah;
- (b) untuk menanggung rugi seorang pemegang amanah terhadap liabiliti kerana melanggar mana-mana peruntukan Bahagian ini atau kerana pecah amanah atau kerana tidak menunjukkan tahap cermat dan usaha yang dikehendaki daripadanya sebagai seorang pemegang amanah,

melainkan jika terma, peruntukan atau waad itu—

- (A) melepaskan pemegang amanah itu daripada liabiliti kerana apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan sebelum pelepasan itu diberikan; atau
 - (B) membolehkan suatu mesyuarat pemegang debentur untuk meluluskan pelepasan pemegang amanah daripada liabiliti kerana apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan sebelum pelepasan itu diberikan.
- (2) Bagi maksud perenggan (1)(B)—
- (a) suatu pelepasan diluluskan jika pemegang debentur yang mengundi untuk ketetapan itu memegang sebanyak tujuh puluh lima peratus daripada nilai nominal debentur yang dipegang oleh semua pemegang debentur yang hadir pada mesyuarat itu dan mengundi untuk ketetapan itu; dan
 - (b) seseorang pemegang debentur hadir pada mesyuarat itu dan mengundi untuk ketetapan itu jika—
 - (i) pemegang debentur itu hadir sendiri pada mesyuarat itu dan mengundi untuk ketetapan itu; atau

- (ii) jika proksi dibenarkan, pemegang debentur itu diwakili pada mesyuarat itu oleh seorang proksi dan proksi itu mengundi untuk ketetapan itu.

Kewajipan pemegang amanah

22. (1) Pemegang amanah bagi pemegang debentur—

- (a) hendaklah menjalankan usaha yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak aset syarikat peminjam dan setiap syarikat penjaminnya, yang ada atau mungkin ada sama ada sebagai cagaran atau selainnya, mencukupi, atau mungkin akan atau akan menjadi mencukupi, untuk menjelaskan hutang prinsipal jika dan apabila hutang itu kena dibayar;
- (b) hendaklah memuaskan hatinya bahawa setiap prospektus yang berhubungan dengan debentur itu tidak mengandungi apa-apa perkara yang tidak selaras dengan terma debentur itu atau dengan surat ikatan amanah yang berkaitan;
- (c) hendaklah menjalankan usaha yang munasabah untuk menentukan sama ada atau tidak syarikat peminjam itu dan setiap syarikat penjaminnya telah melakukan apa-apa pelanggaran terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu;
- (d) kecuali jika ia berpuas hati bahawa pelanggaran terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu tidak akan memudaratkan secara material cagaran, jika ada, bagi debentur atau kepentingan pemegang debentur, hendaklah mengambil segala langkah dan melakukan semua perkara yang ia diberi kuasa untuk melakukan untuk menyebabkan syarikat peminjam itu dan mana-mana syarikat penjaminnya meremedikan apa-apa pelanggaran terma, peruntukan atau waad itu;
- (e) jika syarikat peminjam atau mana-mana syarikat penjaminnya, apabila dikehendaki sedemikian oleh pemegang amanah itu, tidak meremedikan apa-apa pelanggaran terma, peruntukan atau waad debentur atau surat ikatan amanah itu, hendaklah membentangkan perkara itu pada mesyuarat pemegang debentur, mengemukakan apa-apa cadangan bagi melindungi pelaburan mereka sebagaimana yang difikirkan perlu dan sesuai oleh pemegang amanah itu dan mendapatkan arahan pemegang debentur berhubung dengannya; dan

- (f) jika syarikat peminjam mengemukakan kepada pemegang debentur itu suatu kompromi atau perkiraan, hendaklah memberi mereka suatu pernyataan yang menerangkan kesan kompromi atau perkiraan itu dan, jika difikirkannya patut, mengesyorkan kepada mereka suatu perjalanan tindakan yang sesuai untuk diambil oleh mereka berhubung dengannya.

(2) Jika, selepas siasatan wajar, pemegang amanah bagi pemegang debentur pada bila-bila masa berpendapat bahawa aset syarikat peminjam dan aset mana-mana syarikat penjaminnya yang ada atau sepatutnya ada, sama ada sebagai cagaran atau selainnya, tidak mencukupi atau mungkin tidak akan mencukupi untuk menjelaskan hutang prinsipal jika dan apabila hutang itu kena dibayar, pemegang amanah itu boleh menyerahkan suatu permohonan mengikut bentuk yang ditentukan kepada Lembaga untuk mendapatkan suatu arahan di bawah subseksyen ini dan Lembaga boleh, atas permohonan itu, selepas memberi syarikat peminjam itu peluang untuk membuat representasi berhubung dengan permohonan itu, melalui arahan bertulis yang disampaikan kepada syarikat peminjam itu di pejabat berdaftaranya di Labuan, mengenakan apa-apa sekatan ke atas aktiviti syarikat peminjam itu, termasuk sekatan mengenai pengiklanan bagi mendapatkan deposit atau pinjaman dan mengenai peminjaman oleh syarikat peminjam itu, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga bagi melindungi kepentingan pemegang debentur, atau Lembaga boleh, dan jika syarikat peminjam itu menghendaki sedemikian hendaklah, mengarahkan pemegang amanah itu untuk menyerahkan suatu permohonan kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen (4) dan pemegang amanah itu hendaklah memohon dengan sewajarnya.

(3) Jika—

- (a) selepas siasatan wajar, pemegang amanah bagi pemegang debentur pada bila-bila masa berpendapat bahawa aset syarikat peminjam itu dan aset mana-mana syarikat penjaminnya yang ada atau sepatutnya ada tidak mencukupi, atau mungkin tidak akan mencukupi, bagi menjelaskan hutang prinsipal jika dan apabila hutang itu kena dibayar; atau

- (b) syarikat itu telah melanggar atau tidak mematuhi sesuatu arahan yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen (2),

pemegang amanah itu boleh, dan jika syarikat peminjam itu telah meminta pemegang amanah itu berbuat demikian, pemegang amanah itu hendaklah, memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen (4).

(4) Jika suatu permohonan diserahkan oleh pemegang amanah kepada Mahkamah di bawah subseksyen (2) atau (3), Mahkamah, selepas memberi syarikat peminjam itu peluang untuk didengar, boleh, melalui perintah, melakukan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut, iaitu—

- (a) mengarahkan pemegang amanah itu supaya memanggil suatu mesyuarat pemegang debentur bagi maksud membentangkan di hadapan mereka apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kepentingan mereka sebagaimana yang difikirkan perlu atau sesuai oleh pemegang amanah itu dan bagi maksud mendapatkan arahan mereka berhubung dengannya, dan memberikan apa-apa arahan berhubung dengan perjalanan mesyuarat itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah;
- (b) menangguhkan kesemua atau apa-apa tindakan atau prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah oleh atau terhadap syarikat peminjam itu;
- (c) menghalang pembayaran apa-apa wang oleh syarikat peminjam itu kepada pemegang debentur syarikat peminjam itu atau kepada mana-mana kelas pemegang debentur itu;
- (d) melantik seorang penerima bagi mana-mana harta yang menjadi cagaran, jika ada, bagi debentur itu atau mana-mana bahagiannya; atau
- (e) memberikan apa-apa arahan lanjut dari semasa ke semasa sebagaimana yang perlu untuk melindungi kepentingan pemegang debentur, anggota syarikat peminjam itu atau mana-mana syarikat penjaminnya atau orang awam, tetapi pada membuat apa-apa perintah sedemikian Mahkamah hendaklah mengambil kira hak kesemua pemiutang syarikat peminjam itu.

(5) Mahkamah boleh mengubah atau membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (4) sebagaimana yang difikirkannya patut.

(6) Seseorang pemegang amanah pada membuat apa-apa permohonan kepada Lembaga atau Mahkamah hendaklah mengambil kira sifat dan jenis cagaran yang diberikan semasa debentur itu ditawarkan di bawah subseksyen 8(1), dan, jika tiada cagaran diberikan, hendaklah mengambil kira kedudukan pemegang debentur sebagai pemiutang tidak bercagar bagi syarikat peminjam itu.

(7) Seseorang pemegang amanah boleh bergantung pada apa-apa perakuan atau laporan yang diberikan atau pernyataan yang dibuat oleh mana-mana peguam bela, juruaudit atau pegawai syarikat peminjam atau syarikat penjamin itu jika pemegang amanah itu mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa peguam bela, juruaudit atau pegawai itu berwibawa untuk memberikan atau membuat perakuan, laporan atau pernyataan itu.

(8) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu tawaran atau pelawaan sekuriti di bawah subseksyen 8(5).

Obligasi pengarah syarikat peminjam

23. (1) Pengarah syarikat peminjam hendaklah—

- (a) pada akhir sesuatu tempoh yang tidak melebihi tiga bulan yang berakhir pada hari, yang tidak lewat daripada tarikh prospektus yang berkenaan, jika ada, atau tarikh debentur diterbitkan menurut surat ikatan amanah, yang pemegang amanah bagi pemegang debentur syarikat peminjam dikehendaki memberitahu syarikat peminjam itu secara bertulis; dan
- (b) pada akhir setiap tempoh yang berikutnya selepas itu, iaitu suatu tempoh selama tiga bulan atau apa-apa masa yang lebih singkat yang dibenarkan oleh pemegang amanah itu dalam apa-apa hal keadaan khas,

menyediakan suatu laporan berhubungan dengan tempoh itu dan yang mematuhi kehendak subseksyen (2) dan, dalam masa tiga puluh hari selepas berakhirnya setiap tempoh itu, menyerahkan suatu salinan laporan yang berhubungan dengan tempoh itu kepada Lembaga dan kepada pemegang amanah itu.

(2) Laporan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah ditandatangani oleh tidak kurang daripada dua orang pengarah bagi pihak kesemua pengarah dan hendaklah menyatakan secara terperinci apa-apa perkara yang memudaratkan cagaran atau kepentingan pemegang debentur dan, tanpa menyentuh keluasan yang terdahulu, hendaklah menyatakan—

- (a) sama ada atau tidak had amaun yang syarikat peminjam itu boleh meminjam telah dilebihi;
- (b) sama ada atau tidak syarikat peminjam itu dan setiap syarikat penjaminnya telah menuruti dan melaksanakan kesemua peruntukan dan waad yang mengikat mereka masing-masing melalui atau menurut debentur atau apa-apa surat ikatan amanah;
- (c) sama ada atau tidak apa-apa kejadian telah berlaku yang menyebabkan atau boleh menyebabkan debentur atau apa-apa peruntukan surat ikatan amanah yang berkenaan boleh dikuatkuasakan dan, jika demikian, butir-butir mengenai kejadian itu;
- (d) sama ada atau tidak apa-apa hal keadaan yang menyentuh syarikat peminjam itu, subsidiarinya atau syarikat penjaminnya atau mana-mana daripadanya telah berlaku yang secara material menjejaskan apa-apa cagaran atau gadaian yang diwujudkan oleh debentur atau apa-apa surat ikatan amanah dan, jika demikian, butir-butir mengenai hal keadaan itu;
- (e) sama ada atau tidak telah terdapat apa-apa perubahan substansial pada jenis perniagaan syarikat peminjam itu atau mana-mana subsidiarinya atau mana-mana syarikat penjaminnya sejak debentur itu mula-mula diterbitkan di bawah subseksyen 8(1) yang dahulunya tidak dilaporkan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen ini dan, jika demikian, butir-butir mengenai perubahan itu; dan
- (f) jika syarikat peminjam itu telah mendepositkan wang dengan, atau meminjamkan wang kepada, atau mengambil alih apa-apa liabiliti, sesuatu perbadanan yang menurut seksyen 4 Akta Syarikat Labuan 1990 disifatkan berkaitan dengan syarikat peminjam itu, butir-butir mengenai—
 - (i) jumlah amaun yang telah didepositkan atau dipinjamkan sedemikian dan takat apa-apa liabiliti yang telah diambil alih sedemikian dalam tempoh yang diliputi oleh laporan itu; dan

- (ii) jumlah amaun yang terhutang kepada syarikat peminjam itu berkenaan dengan wang yang telah didepositkan atau dipinjamkan sedemikian dan takat apa-apa liabiliti yang telah diambil alih sedemikian pada akhir tempoh yang diliputi oleh laporan itu,

dengan membezakan antara deposit, pinjaman dan pengambilalihan liabiliti yang bercagar dengan yang tidak bercagar, tetapi tidak termasuk apa-apa deposit dengan atau pinjaman kepada atau apa-apa liabiliti yang diambil alih bagi pihak sesuatu perbadanan jika perbadanan itu telah menjamin pembayaran balik debentur syarikat peminjam itu dan telah mengikat jaminan itu dengan suatu gadaian ke atas asetnya bagi faedah pemegang amanah bagi pemegang debentur syarikat peminjam itu.

(3) Jika terdapat pemegang amanah bagi pemegang apa-apa debentur yang diterbitkan oleh sesuatu syarikat peminjam, syarikat peminjam itu dan setiap syarikat penjamin yang telah menjamin pembayaran balik wang yang telah diperdapatkan melalui penerbitan debentur itu hendaklah, dalam tempoh dua puluh satu hari selepas pewujudan gadaian itu, memberi pemegang amanah bagi pihak pemegang debentur itu, sama ada atau tidak apa-apa tuntutan mengenainya telah dibuat, butir-butir bertulis mengenai apa-apa gadaian yang diwujudkan oleh perbadanan itu atau syarikat penjamin itu, mengikut kehendak keadaan, dan apabila amaun yang hendak didahulukan atas jaminan gadaian itu tidak tertentu dalam tempoh tujuh hari selepas pendahuluan itu, butir-butir mengenai amaun atau amaun-amaun yang sebenarnya didahulukan, tetapi jika apa-apa pendahuluan itu dicantumkan dalam suatu akaun semasa dengan jurubank atau pemiutang perdagangan, adalah mencukupi bagi butir-butir mengenai amaun bersih yang belum jelas berkenaan dengan apa-apa pendahuluan itu diberikan tiap-tiap tiga bulan.

(4) Pengarah tiap-tiap syarikat peminjam yang telah menerbitkan debentur di bawah subseksyen 8(1), tidak termasuk yang dikecualikan di bawah subseksyen 8(5), dan pengarah tiap-tiap syarikat penjamin yang telah menjamin pembayaran balik wang yang diperdapatkan melalui penerbitan debentur hendaklah, pada sesuatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan bulan selepas habis tempoh setiap tahun kewangan syarikat peminjam itu, atau syarikat penjamin itu, menyebabkan supaya dibuat dan diserahkan kepada Lembaga dan

kepada pemegang amanah itu suatu akaun untung rugi berserta dengan pernyataan terperinci mengenai liabiliti belum bayar di bawah debentur itu bagi tempoh mulai dari akhir tahun kewangan itu sehingga habis tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu dan suatu kunci kira-kira sebagaimana pada akhir tempoh yang dimaksudkan oleh akaun untung rugi itu.

(5) Jika mana-mana syarikat penjamin, iaitu syarikat yang diperbadankan di mana-mana negeri atau wilayah yang dinamakan bagi maksud seksyen ini oleh Menteri, telah menyerahkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan di mana-mana negeri atau wilayah yang dinamakan itu suatu akaun untung rugi dan kunci kira-kira bagi tempoh yang berkenaan itu, ia hendaklah menjadi pematuhan yang mencukupi dengan kehendak subseksyen (4) jika, dengan persetujuan pemegang amanah, diserahkan kepada Lembaga dan pemegang amanah itu salinan diperakui bagi akaun untung rugi dan kunci kira-kira yang diserahkan sedemikian.

(6) Jika pengarah sesuatu syarikat peminjam tidak menyerahkan kepada pemegang amanah suatu laporan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), atau jika pengarah sesuatu syarikat peminjam atau pengarah syarikat penjaminnya tidak menyerahkan kepada Lembaga dan pemegang amanah akaun untung rugi, pernyataan terperinci dan kunci kira-kira sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) dalam masa yang ditentukan itu, pemegang amanah itu hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, menyerahkan notis mengenai hakikat itu kepada Lembaga.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(8) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu tawaran atau pelawaan sekuriti di bawah subseksyen 8(5).

Obligasi syarikat penjamin untuk memberikan maklumat

24. (1) Bagi maksud penyediaan sesuatu laporan yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditandatangani oleh atau bagi pihak pengarah sesuatu syarikat peminjam atau mana-mana daripada mereka, syarikat peminjam itu boleh, melalui notis bertulis, menghendaki mana-mana syarikat penjaminnya supaya memberinya apa-apa maklumat yang berhubungan dengan syarikat penjamin itu yang dikehendaki oleh Akta ini supaya terkandung dalam laporan itu,

dan syarikat penjamin itu hendaklah memberikan maklumat itu kepada syarikat peminjam itu sebelum suatu tarikh, iaitu suatu tarikh yang tidak lewat daripada empat belas hari selepas notis itu diberikan, sebagaimana yang dinyatakan bagi maksud itu dalam notis itu.

(2) Sesuatu syarikat penjamin yang tidak mematuhi kehendak yang terkandung dalam notis yang diberikan di bawah subseksyen (1) dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang ingkar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu tawaran atau pelawaan sekuriti di bawah subseksyen 8(5).

Pinjaman dan deposit hendaklah dibayar balik dengan sertamerta atas kejadian tertentu

25. (1) Jika dalam mana-mana prospektus yang dikeluarkan berkaitan dengan suatu tawaran atau pelawaan di bawah subseksyen 8(1) supaya memohon beli atau membeli debentur sesuatu syarikat Labuan terdapat suatu pernyataan tentang apa-apa maksud atau projek tertentu yang baginya wang yang diterima oleh syarikat peminjam itu sebagai sambutan kepada tawaran atau pelawaan itu akan digunakan, syarikat peminjam itu hendaklah dari semasa ke semasa membuat laporan kepada pemegang amanah bagi pemegang debentur syarikat peminjam itu tentang kemajuan yang telah dibuat ke arah mencapai maksud itu atau menyempurnakan projek itu.

(2) Jika ternyata kepada pemegang amanah yang kepadanya suatu laporan diberikan oleh syarikat peminjam bahawa maksud atau projek itu telah tidak tercapai atau disempurnakan dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus yang dalamnya maksud atau projek itu hendak dicapai atau disempurnakan atau, jika tiada masa sedemikian dinyatakan, dalam sesuatu masa yang munasabah, pemegang amanah itu boleh, dan, jika pada pendapatnya adalah perlu untuk melindungi kepentingan pemegang debentur itu, pemegang amanah itu hendaklah memberikan notis bertulis kepada syarikat peminjam itu menghendakinya membayar balik wang yang telah diterima sedemikian dan, dalam masa satu bulan selepas notis itu diberikan, menyerahkan suatu salinan notis itu kepada Lembaga.

(3) Pemegang amanah tidak boleh memberikan notis di bawah subseksyen (2) jika ia berpuas hati—

- (a) bahawa maksud atau projek itu telah sebahagian besarnya tercapai atau disempurnakan;
- (b) bahawa kepentingan pemegang debentur itu telah tidak termudarat secara material oleh kegagalan mencapai atau menyempurnakan maksud atau projek itu dalam masa yang dinyatakan dalam prospektus atau dalam masa yang munasabah; atau
- (c) bahawa kegagalan mencapai atau menyempurnakan maksud atau projek itu disebabkan oleh hal keadaan, selain kekurangan wang, yang di luar kawalan syarikat peminjam itu yang tidak dapat diramalkan dengan munasabah oleh syarikat peminjam itu pada masa prospektus itu dikeluarkan.

(4) Seksyen ini tidak terpakai bagi suatu tawaran atau pelawaan sekuriti di bawah subseksyen 8(5).

Penahanan terbitan debentur terpothon beli berlebihan

26. (1) Sesuatu syarikat peminjam tidak boleh menerima atau menahan bayaran untuk terbitan debentur melebihi daripada amaun terbitan itu sebagaimana yang dizahirkan dalam prospektus melainkan jika syarikat peminjam itu menyatakan dalam prospektus itu—

- (a) bahawa syarikat itu secara nyata memelihara hak untuk menerima atau menahan terbitan debentur terpothon beli berlebihan itu; dan
- (b) suatu had ke atas amaun terbitan debentur terpothon beli berlebihan itu yang boleh diterima atau ditahan.

(2) Tertakluk kepada mana-mana peraturan, jika sesuatu syarikat peminjam menyatakan dalam suatu prospektus yang berhubungan dengan suatu terbitan debentur bahawa syarikat itu secara nyata memelihara hak untuk menerima atau menahan terbitan debentur terpothon beli berlebihan—

- (a) syarikat peminjam itu tidak boleh membuat, membenarkan atau mengizinkan apa-apa pernyataan atau rujukan tentang sandaran aset bagi terbitan itu dibuat atau dikandungkan dalam mana-mana prospektus yang berhubungan dengan terbitan itu, selain suatu pernyataan atau rujukan kepada jumlah aset dan jumlah liabiliti syarikat peminjam itu dan syarikat penjaminnya, jika ada; dan

(b) prospektus itu hendaklah mengandungi suatu pernyataan atau rujukan tentang jumlah aset dan jumlah liabiliti sebenar syarikat peminjam itu jika terbitan debentur terphohon beli berlebihan pada had seperti yang dinyatakan dalam prospektus itu diterima atau ditahan.

(3) Mana-mana syarikat peminjam yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

BAHAGIAN III

DANA BERSAMA

PENGGAL 1

PERMULAAN

Tafsiran

27. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pelabur” ertinya seseorang, termasuk penjaga dan pengunderait, yang merupakan pemunya sekuriti yang diterbitkan oleh suatu dana bersama tetapi tidak termasuk seseorang yang mengambil inisiatif untuk membentuk atau mengelolakan perniagaan dana bersama dan tidak ada pemunyaan dalam dana itu;

“pengendali”, berkenaan dengan suatu dana bersama, ertinya—

- (a) jika dana bersama itu ialah suatu perbadanan, seorang pengarah perbadanan itu;
- (b) jika dana bersama itu ialah suatu perkongsian terhad, seorang pekongsi am dalam perkongsian terhad itu;
- (c) jika dana bersama itu ialah suatu perkongsian liabiliti terhad, pekongsi ditetapkan dalam perkongsian liabiliti terhad itu; atau
- (d) jika dana bersama itu ialah suatu amanah saham, seorang pemegang amanah bagi amanah itu;

“penaja” ertinya seseorang yang bertindak bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain secara langsung atau tidak langsung yang mengambil inisiatif dalam membentuk atau mengelolakan perniagaan suatu dana bersama, tetapi tidak termasuk seorang penjaga atau seorang penderait yang menerima komisen penderaitan tanpa mengambil bahagian dalam penubuhan atau pengelolaan perniagaan dana bersama itu;

“dana awam berdaftar” ertinya suatu dana awam yang didaftarkan di bawah seksyen 33;

“syer” ertinya satu syer atau lebih dalam modal syer suatu syarikat dana bersama termasuk, dalam hal suatu syarikat berhad dengan jaminan, kepentingan seseorang anggota syarikat itu dan termasuklah suatu kepentingan dalam suatu perkongsian dana bersama dan suatu saham dalam suatu amanah saham dana bersama.

PENGGAL 2

DANA BERSAMA

SUBPENGGAL 1

DANA PERSENDIRIAN

Pemberitahuan oleh dana persendirian

28. Suatu dana persendirian berhak untuk menjalankan perniagaan atau mengaturkan atau mentadbirkan hal ehwalnya dengan memberikan notis bertulis kepada Lembaga dengan menyatakan butir-butir ruang lingkup dan jenis perniagaannya.

Dana persendirian hendaklah menyerahkan memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain

29. (1) Suatu dana persendirian hendaklah menyerahkan memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain yang berhubungan dengan dana persendirian itu yang berupa memperihalkan perniagaan dan hal ehwal dana persendirian itu kepada Lembaga.

(2) Memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah diserahkan oleh suatu dana persendirian melalui entiti berlesen yang hendaklah berpuas hati dengan semunasabahnya bahawa—

- (a) memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain yang diserahkan itu merujuk kepada suatu dana persendirian sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Bahagian ini; dan
- (b) tidak terdapat unsur fraud dalam penubuhan dana persendirian itu.

(3) Sesuatu memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain yang diserahkan oleh suatu dana persendirian hendaklah disifatkan sebagai suatu prospektus setakat yang memorandum maklumat itu adalah berhubungan dengan liabiliti dana persendirian itu bagi apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau yang mengelirukan atau yang daripadanya terdapat suatu peninggalan material.

(4) Apabila Lembaga menerima memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah mencatatkan butir-butir mengenainya dalam daftar yang disenggarakan menurut Penggal 5 Bahagian ini.

Pengetepian liabiliti kerana kesilapan atau peninggalan dalam memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain

30. Jika sesuatu memorandum maklumat atau apa-apa dokumen tawaran yang lain diserahkan oleh dana persendirian kepada Lembaga di bawah seksyen 29, baik Lembaga mahupun mana-mana pegawainya atau pekerjanya tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerugian yang dialami oleh mana-mana orang oleh sebab apa-apa jua jenis kesilapan, pernyataan silap atau peninggalan yang terdapat dalamnya.

SUBPENGAL 2

DANA AWAM

Dana awam hendaklah didaftarkan

31. (1) Tiada dana awam boleh menjalankan perniagaan atau mengaturkan atau mentadbirkan hal ehwalnya melainkan jika pendaftarannya telah dibenarkan di bawah perenggan 33(1)(a).

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada dana awam yang dicadangkan boleh menjalankan perniagaan atau mengaturkan atau mentadbirkan hal ehwalnya melainkan jika penerimaan bersyarat telah dibenarkan di bawah perenggan 33(1)(b).

(3) Suatu dana awam yang dicadangkan yang baginya suatu penerimaan bersyarat telah dibenarkan di bawah perenggan 33(1)(b) tidak boleh menjalankan perniagaan atau mengaturkan atau mentadbirkan hal ehwalnya tanpa mendapatkan persetujuan bertulis daripada Lembaga terlebih dahulu.

Permohonan oleh dana awam

32. (1) Sesuatu permohonan kepada Lembaga di bawah subseksyen 31(1) atau subseksyen 31(2) hendaklah disertai dengan yang berikut:

- (a) pernyataan yang menyatakan ruang lingkup dan jenis perniagaan yang hendak dijalankan oleh pemohon dalam atau dari dalam Labuan;
- (b) surat cara yang melaluinya pemohon ditubuhkan atau apa-apa bukti lain yang dikehendaki oleh Lembaga supaya Lembaga berpuas hati bahawa pemohon ditubuhkan dengan sah di bawah undang-undang Malaysia yang berhubungan dengan Labuan atau di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf;
- (c) pernyataan mengenai yang berikut:
 - (i) alamat tempat perniagaan pemohon dan alamatnya untuk penyampaian berhubungan dengan Labuan;
 - (ii) nama dan alamat orang di Labuan yang dibenarkan untuk mewakili pemohon dan untuk menerima penyampaian bagi pihaknya;
 - (iii) alamat tempat perniagaan pemohon di luar Labuan; dan
 - (iv) nama, alamat, dan pengalaman yang berkaitan pengarah dana;
- (d) perisytiharan yang ditandatangani oleh pengarah bagi dana yang memohon tentang hal sulit dan rahsia;

(e) jika ada, salinan prospektus, sama ada dalam bentuk draf atau muktamad, bagi dana awam itu.

(2) Dana awam atau dana awam yang dicadangkan itu hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(3) Jika apa-apa perubahan dibuat atau berlaku berkenaan dengan apa-apa maklumat di bawah subseksyen (1) yang ditentukan oleh Lembaga, pemohon, apabila pendaftaran atau penerimaan bersyarat dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas perubahan itu berlaku memfailkan suatu notis yang menyatakan jenis perubahan itu dengan Lembaga.

Kuasa untuk membenarkan atau enggan membenarkan pendaftaran dana awam

33. (1) Lembaga boleh, membenarkan atau enggan membenarkan—

(a) pendaftaran sesuatu dana awam; atau

(b) penerimaan bersyarat sesuatu dana awam yang dicadangkan.

(2) Sesuatu kebenaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, batasan atau sekatan.

(3) Sesuatu penerimaan bersyarat yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(b) hendaklah sah dan berkesan selama suatu tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh penerimaan bersyarat itu dibenarkan.

(4) Sesuatu penerimaan bersyarat boleh diperbaharui bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga bulan apabila permohonan dibuat kepada Lembaga dan disertai dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki oleh Lembaga.

(5) Walaupun penerimaan bersyarat telah dibenarkan di bawah perenggan (1)(b) kepada suatu dana awam yang dicadangkan, Lembaga boleh membenarkan pendaftaran dana awam yang dicadangkan itu sebagai suatu dana awam di bawah perenggan (1)(a).

Tatacara pendaftaran

34. (1) Jika Lembaga membenarkan pendaftaran sesuatu dana awam di bawah perenggan 33(1)(a), Lembaga hendaklah—

- (a) mendaftarkan dana awam itu dalam daftar yang disenggarakan di bawah Penggal 5 Bahagian ini; dan
- (b) mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada dana awam itu.

(2) Jika Lembaga membenarkan penerimaan bersyarat di bawah perenggan 33(1)(b), penaja dana awam yang dicadangkan itu hendaklah, sebelum habis tempoh penerimaan bersyarat itu atau tempoh diperbaharui penerimaan bersyarat itu menghantar serah kepada Lembaga—

- (a) penerimaan bersyarat daripada Lembaga;
- (b) bukti yang memuaskan hati Lembaga bahawa dana awam yang dicadangkan itu telah ditubuhkan dengan sah di Labuan atau mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf; dan
- (c) maklumat yang disebut dalam subseksyen 32(1).

(3) Jika Lembaga berpuas hati bahawa dana awam yang dicadangkan yang disebut dalam subseksyen (2) telah mematuhi kehendak subseksyen itu, Lembaga boleh membenarkan pendaftaran dana awam itu.

(4) Jika Lembaga membenarkan pendaftaran di bawah subseksyen (3), Lembaga boleh mendaftarkan dana awam itu dalam daftar yang disenggarakan di bawah Penggal 5 Bahagian ini dan mengeluarkan perakuan pendaftaran.

Prospektus yang berhubungan dengan dana awam

35. (1) Tiada dana awam berdaftar boleh, di dalam atau di luar Labuan, membuat suatu tawaran sekuriti melainkan jika sebelum tawaran itu dibuat, dana awam berdaftar itu telah menyerahkan suatu prospektus kepada Lembaga mengikut kehendak prospektus di bawah seksyen 11.

(2) Bagi mengelak keraguan, liabiliti sivil dan jenayah bagi pernyataan silap dalam prospektus yang diperuntukkan di bawah Bahagian II hendaklah terpakai juga bagi prospektus yang diserahkan di bawah seksyen ini.

Hak pelabur

36. (1) Jika sesuatu dana awam berdaftar menerbitkan suatu prospektus atau apa-apa pindaan kepada prospektus itu yang mengandungi apa-apa salah nyataan yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang dikehendaki supaya dizahirkan di bawah subseksyen 11(5), seseorang yang membeli mana-mana sekuriti menurut prospektus itu atau pindaan kepada prospektus itu disifatkan telah bergantung pada salah nyataan itu dan hendaklah mempunyai hak yang diperuntukkan dalam subseksyen (2).

(2) Seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) boleh memilih untuk menggunakan hak tindakan—

(a) bagi pembatalan pembelian itu; atau

(b) bagi ganti rugi,

bersesama dan berasingan terhadap dana itu dan tiap-tiap orang yang, walaupun sedar tentang salah nyataan itu, menandatangani prospektus atau pindaan kepada prospektus itu dan menyetujui penerbitan dan penyerahannya atau menyebabkan prospektus atau pindaan prospektus itu ditandatangani atau diterbitkan dan difailkan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “salah nyataan” ertinya—

(a) apa-apa pernyataan yang tidak benar atau mengelirukan mengenai apa-apa perkara yang dikehendaki supaya dizahirkan yang disebut dalam subseksyen (1); atau

(b) sesuatu peninggalan untuk menzahirkan mana-mana perkara sedemikian.

(4) Tiada seorang pun bertanggunggan di bawah seksyen ini jika dia membuktikan bahawa pembeli itu membeli syer yang ditawarkan oleh prospektus itu atau pindaan kepada prospektus itu dengan mengetahui tentang salah nyataan itu.

(5) Hak untuk bertindak bagi mendapatkan pembatalan atau ganti rugi yang diberikan oleh subseksyen (2) adalah sebagai tambahan kepada apa-apa hak lain yang dipunyai oleh pihak yang terkilan itu di sisi undang-undang.

Batasan

37. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, suatu tindakan di bawah subseksyen 36(2) tidak boleh dimulakan selepas—

- (a) satu ratus lapan puluh hari dari hari pihak yang terkilan itu mula-mula mengetahui tentang salah nyataan itu; atau
- (b) satu tahun dari tarikh transaksi pembelian yang membangkitkan kausa tindakan itu,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

Perakuan pematuhan

38. Tiap-tiap dana awam berdaftar yang menjalankan perniagaan di luar Labuan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf hendaklah, pada tiap-tiap tahun, dalam tempoh sembilan puluh hari dari berakhirnya tahun kewangannya, menyerahkan kepada Lembaga suatu perakuan pematuhan atau suatu dokumen yang bersamaan dengannya tidak kira dengan apa jua nama dipanggil daripada pihak berkuasa berwibawa yang bertanggungjawab bagi pengawalseliaan dan penyeliaan penjalanan perniagaannya di dalam negara atau bidang kuasa diiktiraf itu.

Dana awam asing boleh diuruskan atau ditadbirkan di Labuan

39. Sesuatu dana awam yang didaftarkan dengan sah di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf tidak perlu didaftarkan sebagai dana awam di bawah seksyen 33 asalkan dana awam itu ditadbirkan atau diuruskan di Labuan oleh seorang pentadbir dana, penjaga, pemegang amanah atau pengurus dana, yang dilesenkan, didaftarkan atau berkelayakan di bawah Bahagian ini.

PENGAGAL 3

PELESENAN

SUBPENGAGAL 1

PENGURUS DANA DAN PENTADBIR DANA

Pelesenan pengurus dana

40. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan sebagai pengurus dana suatu dana awam melainkan jika orang itu ialah syarikat Labuan yang telah diberi lesen untuk bertindak sebagai pengurus dana di bawah seksyen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), orang yang berikut boleh menjalankan perniagaan sebagai pengurus dana suatu dana awam:

(a) orang yang masih dan terus menjadi pengurus yang berkecayak dan diberi kuasa bagi dana bersama di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf dan telah menerima kebenaran bertulis Lembaga untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus dana awam; dan

(b) pemegang lesen bank.

(3) Pengurus dana yang menjalankan aktiviti pengurusan dana berhubung dengan dana persendirian sahaja tidak dikehendaki untuk dilesenkan di bawah Bahagian ini.

Pelesenan pentadbir dana

41. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan sebagai pentadbir dana suatu dana awam melainkan jika orang itu ialah syarikat Labuan atau syarikat amanah Labuan dan telah diberi lesen untuk bertindak sebagai pentadbir dana di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), orang yang berikut boleh menjalankan perniagaan sebagai pentadbir dana suatu dana awam:

(a) pemegang lesen bank;

(b) syarikat amanah Labuan;

- (c) pemegang lesen sekuriti di bawah Bahagian IV;
- (d) syarikat pengurusan yang dilesenkan di bawah Bahagian VIII; dan
- (e) orang yang masih dan terus menjadi pentadbir dana yang berkelayakan dan diberi kuasa bagi dana bersama di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf dan telah menerima kebenaran bertulis Lembaga untuk menjalankan perniagaan sebagai pentadbir dana bagi dana awam.

(3) Pentadbir dana yang menjalankan aktiviti pentadbiran dana berhubungan dengan dana persendirian sahaja tidak dikehendaki untuk dilesenkan di bawah Bahagian ini.

Permohonan bagi lesen pengurus dana

42. Sesuatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus dana suatu dana awam hendaklah—

- (a) dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (b) disertai dengan—
 - (i) butir-butir sumber kewangan dan manusia dan kemudahan pentadbiran yang ada pada pemohon bagi penjalanan perniagaannya dengan berwibawa dan cekap;
 - (ii) pernyataan mengenai yang berikut:
 - (aa) alamat tempat perniagaan pemohon dan alamatnya untuk penyampaian berhubungan dengan Labuan;
 - (bb) nama dan alamat seseorang di Labuan yang diberi kuasa untuk mewakili pemohon dan untuk menerima penyampaian bagi pihaknya; dan
 - (cc) alamat tempat perniagaan pemohon di luar Labuan; dan
 - (iii) apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga bagi maksud menentukan permohonan itu.

Permohonan bagi lesen pentadbir dana

43. Sesuatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pentadbir dana suatu dana awam hendaklah—

- (a) dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (b) disertai dengan apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga bagi maksud menentukan permohonan itu.

Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen

44. (1) Apabila diterima sesuatu permohonan, Lembaga boleh memberikan atau enggan memberikan lesen.

(2) Pemberian lesen boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, batasan atau sekatan.

(3) Kecuali dengan persetujuan bertulis Lembaga, tiada perubahan boleh dibuat berkenaan dengan identiti, tempat tinggal, domisil, pemunyaan atau pemegangan syer pengurus dana atau pentadbir dana dalam tempoh kuat kuasa lesen itu.

(4) Lembaga tidak boleh memberikan—

- (a) lesen kepada pengurus dana suatu dana awam; atau
- (b) lesen kepada pentadbir dana suatu dana awam,

melainkan jika Lembaga berpuas hati bahawa pemohon itu ialah orang yang layak dan sesuai untuk terlibat dalam perniagaan pengurusan dana atau pentadbiran dana bagi dana bersama.

SUBPENGAL 2

PEMEGANG AMANAH ATAU PENJAGA

Kelayakan pemegang amanah atau penjaga dana awam

45. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan sebagai pemegang amanah suatu dana awam melainkan jika orang itu ialah suatu syarikat amanah Labuan.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan sebagai penjaga suatu dana awam melainkan jika orang itu ialah pemegang lesen bank atau syarikat amanah Labuan.

(3) Seksyen ini tidak terpakai bagi seseorang yang masih dan terus menjadi pemegang amanah atau penjaga yang berkelayakan dan diberi kuasa bagi dana awam di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf dan telah menerima kebenaran bertulis daripada Lembaga untuk menjalankan perniagaan sebagai pemegang amanah atau penjaga suatu dana awam.

SUBPENGAL 3

PEMBERIAN LESEN ATAU PENDAFTARAN

Lesen atau pendaftaran

46. Sesuatu lesen yang diberikan atau pendaftaran yang dibenarkan di bawah Bahagian ini hendaklah—

- (a) mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan;
- (b) terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan; dan
- (c) boleh diterima dalam semua mahkamah sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalamnya.

PENGAL 4

KEWAJIPAN

Kewajipan pengurus dana dan pentadbir dana bagi dana awam

47. Pengurus dana atau pentadbir dana suatu dana awam dan pegawainya hendaklah, dalam menjalankan kuasa dan kewajipan mereka—

- (a) bertindak dengan jujur;
- (b) menggunakan tahap cermat dan wajar sebagaimana yang boleh dijangkakan dengan munasabah pada seseorang dalam jawatan itu;

- (c) bertindak demi kebaikan kepentingan pelabur dalam dana awam dan, jika terdapat percanggahan antara kepentingan pelabur dengan kepentingannya sendiri, memberi keutamaan kepada kepentingan pelabur;
- (d) melayan pelabur yang memegang kepentingan daripada kelas yang sama secara sama rata dan peserta yang memegang kepentingan daripada kelas yang berlainan secara adil;
- (e) tidak menggunakan maklumat yang diperoleh melalui jawatannya sebagai pengurus dana atau pentadbir dana atau pegawainya untuk —
 - (i) mendapatkan kelebihan yang tidak patut bagi diri mereka atau orang lain; atau
 - (ii) menyebabkan kemudaratan kepada pelabur dalam dana awam;
- (f) memastikan bahawa semua pembayaran daripada harta dana awam itu dibuat mengikut dokumen konstituen dana awam itu, Akta ini dan mana-mana peraturan;
- (g) melaporkan kepada Lembaga, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas dia sedar akan apa-apa pelanggaran —
 - (i) Akta ini dan mana-mana peraturan; atau
 - (ii) dokumen konstituen dana awam itu yang menyebabkan, atau berkemungkinan akan menyebabkan, kesan yang memudaratkan secara material pada kepentingan pelabur; dan
- (h) mengambil tindakan berhati-hati yang munasabah untuk membuat dan menyimpan rekod yang mencukupi mengenai semua perkara, transaksi dan urusan niaga, termasuklah rekod perakaunan.

Kewajipan pengurus dana, pentadbir dana, pemegang amanah atau penjaga dan pengarah di bawah undang-undang yang terpakai

48. Kewajipan pengurus dana, pentadbir dana, pemegang amanah atau penjaga dan pengarah mereka yang dikenakan ke atas mereka di bawah Penggal ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan kewajipan yang selainnya dikenakan ke atas mereka oleh mana-mana undang-undang yang terpakai.

Kewajipan khusus pengurus dana bagi dana awam

49. (1) Pengurus dana suatu dana awam hendaklah—

- (a) memastikan bahawa suatu perjanjian bertulis dibuat dengan setiap pelanggan sebelum transaksi dijalankan bagi pihak pelanggan;
- (b) memahami objektif pelaburan, arahan, profil risiko dan sekatan pelaburan setiap pelanggan, jika berkenaan, yang hendaklah dinilai semula dan dikemaskinikan sekurang-kurangnya setiap tahun;
- (c) bersikap wajar dan teliti dalam, dan ada asas yang munasabah dan mencukupi bagi, menyediakan dasar pelaburan atau syor pelaburan;
- (d) mendapatkan kelulusan setiap pelanggan mengenai dasar pelaburan atau syor pelaburan sebelum melaksanakannya;
- (e) memberikan maklumat lengkap dan tepat kepada setiap pelanggan supaya dapat membuat keputusan pelaburan yang berdasarkan maklumat apabila meluluskan dasar pelaburan atau syor pelaburan itu;
- (f) mengelakkan apa-apa salah nyataan dalam mana-mana dasar pelaburan atau syor pelaburan; dan
- (g) memastikan bahawa terdapat wang dan harta yang cukup dalam akaun pelanggan untuk menjalankan transaksi.

(2) Sesuatu perjanjian bertulis yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah merangkumi antara lain, perkara yang berikut:

- (a) objektif pelaburan, arahan, profil risiko dan sekatan pelaburan pelanggan;
- (b) pemberitahuan mengenai apa-apa perubahan penting pada dasar pelaburan atau syor pelaburan;
- (c) kaedah dan cara membuat laporan kepada pelanggan;
- (d) pemberikuasaan jelas mengenai pengurusan menurut budi bicara;

- (e) kekerapan laporan bertulis mengenai prestasi dan kajian semula wang atau harta pelanggan yang dibandingkan dengan penanda aras yang sesuai;
- (f) amaun fi dan caj yang kena dibayar oleh pelanggan;
- (g) niat pengurus dana untuk menerima, atau amalan penerimaan, komisen mudah;
- (h) butir-butir mengenai pengaturan penjagaan; dan
- (i) apa-apa perkara lain yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(3) Seseorang pengurus dana yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya

Kewajipan untuk mengasingkan aset pelanggan

50. (1) Pengurus dana bagi dana awam hendaklah memastikan bahawa setiap aset pelanggan didepositkan ke dalam akaun amanah dan disenggarakan oleh seorang penjaga atau pemegang amanah atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak lewat daripada hari berniaga bank yang berikutnya atau apa-apa hari lain yang ditentukan oleh Lembaga, berikutan hari yang pengurus dana menerima aset pelanggan itu.

(2) Jika aset pelanggan yang dikehendaki supaya didepositkan ke dalam suatu akaun amanah oleh seksyen ini diterima oleh pengurus dana di suatu tempat di luar Malaysia, pengurus dana itu boleh mendepositkan aset sedemikian ke dalam suatu akaun amanah yang disenggarakan di tempat itu.

(3) Akaun amanah yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah sentiasa disimpan berasingan daripada akaun pengurus dana, dan hendaklah ditandakan sedemikian dalam buku pengurus dana berhubungan dengan setiap akaun pelanggan, supaya wang, harta atau balasan berharga lain itu tidak pada bila-bila masa pun menjadi sebahagian daripada atau bercampur dengan aset am pengurus dana, dan semua pelaburan yang dibuat oleh syarikat

sebagai pemegang amanah hendaklah ditentukan sedemikian rupa supaya amanah yang berkaitan dengan pelaburan itu dapat dikenal pasti dengan mudah pada bila-bila masa.

(4) Aset pelanggan yang dipegang dalam suatu akaun amanah tidak boleh digunakan bagi pembayaran hutang pengurus dana atau tidak boleh dibayar atau diambil bagi pelaksanaan di bawah suatu perintah atau proses mahkamah bagi pembayaran hutang pengurus dana.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghapuskan atau menjejaskan apa-apa tuntutan atau lien sah yang dipunyai oleh mana-mana orang terhadap atau ke atas apa-apa aset pelanggan yang dipegang dalam akaun amanah atau terhadap atau ke atas apa-apa aset pelanggan yang diterima bagi pembelian atau daripada penjualan sekuriti sebelum aset itu didepositkan ke dalam akaun amanah.

(6) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan pengurus dana dan penjaga atau pemegang amanah untuk bertindak bebas daripada satu sama lain

51. (1) Pengurus dana dan penjaga atau pemegang amanah suatu dana awam hendaklah—

- (a) orang yang berlainan dan bertindak bebas daripada satu sama lain;
- (b) bukan suatu perbadanan berkaitan bagi orang yang satu lagi itu; dan
- (c) tidak mempunyai pengaruh eksekutif atau pegawai lain yang sama.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Daftar

52. (1) Lembaga boleh menyimpan daftar yang berasingan bagi—

- (a) dana persendirian;
- (b) dana awam; dan
- (c) pengurus dana dan pentadbir dana bagi dana awam.

(2) Daftar yang disebut dalam subseksyen (1) boleh mengandungi—

- (a) maklumat yang dikehendaki di bawah seksyen 29, 32, 42 dan 43 berkenaan dengan setiap orang yang telah diberi lesen atau dibenarkan didaftarkan atau telah menerima kebenaran bertulis di bawah Akta ini;
- (b) tarikh lesen, pendaftaran atau kebenaran bertulis itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (c) tarikh lesen atau pendaftaran atau kebenaran bertulis itu dibatalkan.

(3) Daftar yang disimpan di bawah seksyen ini hendaklah mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Lembaga.

(4) Lembaga boleh mengeluarkan kepada mana-mana orang, atas permintaan orang itu, suatu perakuan pematuhan mengikut apa-apa bentuk, apabila dibayar apa-apa fi, sebagaimana yang ditetapkan.

(5) Tiada seorang pun yang menjalankan apa-apa kuasa atau menunaikan apa-apa kewajipan di bawah Bahagian ini boleh, dengan disedarinya, mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam mana-mana orang yang telah diberi lesen, yang telah didaftarkan, atau diberi kebenaran bertulis di bawah Bahagian ini.

Akaun dan audit

53. (1) Tiap-tiap dana awam berdaftar hendaklah—

- (a) menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan akaun dan rekod dan hendaklah, selepas berakhirnya setiap tahun kewangan menyebabkan supaya disediakan suatu penyata akaun bagi tahun kewangan itu yang hendaklah termasuk suatu kunci kira-kira dan suatu akaun pendapatan dan perbelanjaan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum yang terpakai di Malaysia atau di mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf;
- (b) menyimpan apa-apa rekod perakaunan dan penyata kewangan atau salinan-salinan benarnya di tempat perniagaannya di Labuan dan menjadikannya tersedia untuk diperiksa oleh Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga;
- (c) menyimpan di tempat perniagaannya di Labuan dan menjadikannya tersedia untuk Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga apa-apa rekod, penyata, dokumen atau maklumat lain yang ditetapkan secara bertulis oleh Lembaga;
- (d) dalam tempoh tiga bulan dari berakhirnya setiap tahun kewangan mengemukakan kepada seorang juruaudit penyata kewangan yang disebut dalam perenggan (a) dan apa-apa rekod dan maklumat lain yang dikehendaki bagi pengauditan mengikut prinsip pengauditan yang diterima umum yang terpakai di Malaysia atau mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf; dan
- (e) mengadakan atau menjadikan tersedia untuk diperiksa oleh semua pelabur dana itu penyata kewangan yang disebut dalam perenggan (a) berserta dengan laporan juruaudit mengenainya.

(2) Rekod perakaunan dan penyata kewangan yang dikehendaki disimpan mengikut subseksyen (1) boleh disimpan dalam apa-apa mata wang dan dalam apa-apa bahasa, tetapi jika rekod perakaunan dan penyata kewangan itu disimpan dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, suatu terjemahan ke dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, yang ditentukan mengikut cara yang memuaskan hati Lembaga, hendaklah disimpan oleh dana awam itu bersekali dengan rekod perakaunan dan penyata kewangan itu.

BAHAGIAN IV

PERANTARA PASARAN

PENGAL 1

PERMULAAN

Tafsiran

54. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain “pemegang lesen sekuriti” ertinya seseorang, yang untuk mendapatkan balasan bernilai, memberikan nasihat pelaburan atau perkhidmatan pentadbiran berkenaan dengan sekuriti bagi maksud pelaburan, termasuklah berurus niaga sekuriti atau apa-apa aktiviti lain yang ditentukan oleh Lembaga.

PENGAL 2

PEMANG LESEN SEKURITI

Pemegang lesen sekuriti

55. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan sebagai seorang pemegang lesen sekuriti melainkan jika orang itu ialah suatu syarikat Labuan yang telah diberi lesen untuk bertindak sebagai pemegang lesen sekuriti di bawah seksyen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), orang yang berikut boleh menjalankan perniagaan sebagai pemegang lesen sekuriti:

- (a) pengurus dana yang disebut dalam subseksyen 40(1) dan (2); dan
- (b) pemegang lesen bank.

Permohonan bagi lesen

56. (1) Sesuatu permohonan kepada Lembaga di bawah subseksyen 55(1) untuk dilesenkan sebagai pemegang lesen sekuriti di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Lembaga oleh atau bagi pihak pemohon.

(2) Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pemegang lesen sekuriti hendaklah—

- (a) dibuat mengikut apa-apa bentuk yang dinyatakan oleh Lembaga; dan

(b) disertai oleh—

- (i) apa-apa fi permohonan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan;
- (ii) butir-butir mengenai sumber kewangan dan manusia dan kemudahan pentadbiran yang ada bagi pemohon untuk penjalanan perniagaannya dengan berwibawa dan cekap;
- (iii) suatu pernyataan mengenai yang berikut;
 - (aa) alamat tempat perniagaan pemohon dan alamatnya bagi penyampaian berhubung dengan Labuan;
 - (bb) nama dan alamat seseorang di Labuan yang diberi kuasa untuk mewakili pemohon dan menerima penyampaian bagi pihaknya; dan
 - (cc) alamat tempat perniagaan pemohon di luar Labuan;
- (iv) suatu pernyataan yang membawa maksud bahawa pemohon telah mengisytiharkan pematuhan kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [*Akta 613*] dan hendaklah memastikan bahawa ia akan mengemaskinikan dasar dan tatacaranya secara berkala untuk mematuhi kehendaknya; dan
- (v) apa-apa maklumat atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Lembaga dengan munasabah bagi maksud menentukan permohonan itu.

Kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen

57. (1) Apabila diterima sesuatu permohonan di bawah seksyen 56, Lembaga boleh membenarkan atau menolak permohonan itu.

(2) Pemberian lesen di bawah Bahagian ini boleh dijadikan tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, batasan atau sekatan.

(3) Kecuali dengan persetujuan bertulis Lembaga, tiada perubahan boleh dibuat berkenaan dengan identiti, tempat tinggal, domisil, pemunyaan atau pemegangan syer pemegang lesen sekuriti dalam tempoh kuat kuasa lesen itu.

Lesen

58. Sesuatu lesen yang diberikan di bawah Bahagian ini hendaklah—

- (a) mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan;
- (b) menyatakan apa-apa terma, syarat, sekatan atau batasan;
- (c) berkuat kuasa sehingga lesen itu dibatalkan; dan
- (d) boleh diterima dalam semua mahkamah sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya.

BAHAGIAN V

SYARIKAT AMANAH LABUAN

PENGAL 1

PERMULAAN

Tafsiran

59. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“harta pusaka” ertinya apa-apa harta, sama ada harta tanah atau harta diri, yang dikomitkan kepada pentadbiran atau pengurusan suatu syarikat amanah Labuan sebagai wasi, pentadbir, pemegang amanah, penerima, jawatankuasa, penjaga atau ejen;

“syarikat amanah diurus Labuan” ertinya seseorang yang menjalankan perniagaan syarikat amanah apabila perniagaan itu diuruskan oleh satu lagi syarikat amanah Labuan menurut peruntukan Pengal 3 Bahagian ini;

“pembuat amanah” ertinya—

- (a) seseorang yang mengadakan harta amanah atau membuat pemberian berwasiat atas amanah atau kepada suatu amanah, tetapi tidak termasuk seseorang yang membuat sumbangan kepada suatu amanah saham dan diperihalkan sedemikian dalam suatu surat cara amanah; dan;

- (b) jika terdapat lebih daripada seorang pembuat amanah yang dinamakan dalam surat cara amanah itu, pembuat amanah yang dinamakan itu mestilah orang berkaitan;

“perniagaan syarikat amanah” ertinya—

- (a) menubuhkan atau menggunakan pejabat pemindahan syer atau pejabat pendaftaran syer;
- (b) mentadbirkan, menguruskan atau selainnya mengurusniagakan harta sebagai ejen, wakil diri di sisi undang-undang atau pemegang amanah, sama ada melalui pekhidmat atau ejen atau selainnya;
- (c) menyenggarakan ejen bagi maksud mencari atau mendapatkan perniagaan, sama ada ejen itu bermastautin secara berterusan di Labuan atau tidak;
- (d) menyenggarakan pejabat, agensi atau cawangan, sama ada pejabat, agensi atau cawangan itu digunakan juga bagi apa-apa maksud oleh suatu entiti lain atau tidak;
- (e) mengadakan—
- (i) perkhidmatan pengurusan dan perakaunan kepada; atau
 - (ii) pengarah, setiausaha dan pejabat berdaftar bagi,
- syarikat Labuan yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 dan syarikat Labuan asing yang didaftarkan di bawah Akta itu;
- (f) memperbadankan atau mendaftarkan syarikat di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 dan secara amnya bertindak sebagai ejen penyerahan bagi apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya diserahkan oleh sesuatu syarikat atau seseorang di bawah Akta itu; dan
- (g) menyediakan apa-apa perkhidmatan lain yang diluluskan oleh Lembaga dari semasa ke semasa, kepada atau bagi pihak mana-mana orang;

“surat cara amanah” ertinya suatu surat cara bertulis yang melaluinya suatu amanah diwujudkan dan termasuklah suatu akuan amanah satu pihak dan suatu surat cara yang mengubah terma amanah itu.

Lesen dikehendaki untuk menjalankan perniagaan syarikat amanah di Labuan

60. Tiada seorang pun boleh menjalankan atau membuat transaksi atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan atau mentransaksikan apa-apa perniagaan syarikat amanah melainkan jika—

- (a) orang itu diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 dan orang itu dilesenkan untuk berbuat demikian di bawah Akta ini; atau
- (b) orang itu dilesenkan sebagai suatu syarikat amanah diurus Labuan.

Pendaftaran syarikat amanah

61. (1) Tertakluk kepada seksyen 60, seseorang yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 boleh memohon kepada Lembaga, dalam borang yang ditentukan, bagi lesen untuk menjalankan perniagaan syarikat amanah di Labuan.

(2) Seseorang pemohon boleh memohon kepada Lembaga bagi lesen di bawah subseksyen (1) dengan memenuhi kriteria yang berikut:

- (a) pemohon telah menyumbangkan sekurang-kurangnya jumlah yang setara dengan satu ratus lima puluh ribu ringgit dalam apa-apa mata wang asing kepada modal atau dana kerja syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing itu;
- (b) pemohon itu sama ada—
 - (i) telah mendapatkan, atau akan mendapatkan suatu polisi insurans tanggung rugi profesional dengan perlindungan yang tidak kurang daripada satu juta ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang lain yang ditentukan oleh Lembaga; atau
 - (ii) telah mendepositkan dengan Lembaga cagaran yang bernilai satu ratus ribu ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang lain yang ditentukan oleh Lembaga;
- (c) pemohon itu dapat menunaikan obligasinya, termasuk liabilitinya kepada pemegang syernya; dan

- (d) pengarah dan pegawai pemohon yang bertanggungjawab bagi pengurusan syarikat amanah Labuan di Labuan, adalah orang yang layak dan sesuai.
- (3) Sesuatu syarikat amanah Labuan hendaklah mempunyai—
 - (a) sekurang-kurangnya dua pegawai amanah, seorang daripadanya hendaklah ditempatkan di Labuan; dan
 - (b) tempat perniagaan di Labuan.

Terma dan syarat lesen

62. (1) Lembaga boleh meluluskan permohonan bagi lesen sebagai syarikat amanah Labuan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat, jika ada, yang difikirkannya patut.

(2) Tiap-tiap syarikat amanah Labuan hendaklah menyerahkan suatu notis dalam borang yang ditentukan kepada Lembaga mengenai—

- (a) apa-apa perubahan kepada tempat perniagaannya di Labuan; dan
- (b) apa-apa pertukaran pegawai amanahnya,

dalam masa tujuh hari dari tarikh berkuatkuasanya perubahan atau pertukaran yang dinyatakan itu.

(3) Tiap-tiap syarikat amanah Labuan hendaklah sentiasa ditanggung rugi di bawah suatu polisi insurans tanggung rugi profesional dengan perlindungan yang tidak kurang daripada satu juta ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh Lembaga sepanjang syarikat itu beroperasi sebagai suatu syarikat amanah Labuan.

(4) Tiada syarikat amanah Labuan boleh membuka apa-apa pejabat atau memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari di luar Labuan tanpa mendapatkan persetujuan bertulis Lembaga terlebih dahulu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penerusan sementara bagi penggulangan

63. Walau apa pun mana-mana peruntukan yang berlawanan, Lembaga boleh memberi kuasa syarikat amanah Labuan secara bertulis untuk menjalankan perniagaan sehingga apa-apa takat dan bagi apa-apa jangka masa yang ditentukan dalam pemberikuasaan itu hanya bagi maksud untuk membolehkan syarikat amanah Labuan itu menggulungkan hal ehwalnya berbangkit daripada pembatalan lesennya.

PENGAL 2

KUASA SYARIKAT AMANAH LABUAN

Penzahiran kepentingan berhubung dengan syarikat amanah Labuan

64. Tiap-tiap syarikat amanah Labuan yang dengan apa-apa jua cara mempunyai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepentingan dalam sesuatu kontrak atau kontrak dicadangkan atau menjadi pihak yang satu lagi dalam sesuatu transaksi yang syarikat itu bertindak atas sifat fidusiari sama ada sebagai pemegang amanah atau selainnya, hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan dengan munasabah, memberikan butir-butir mengenai kepentingannya kepada pelanggan yang berkenaan dan Lembaga.

Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai wasi

65. Jika sesuatu syarikat amanah Labuan dilantik sama ada syarikat itu sahaja atau bersesama dengan mana-mana orang lain sebagai wasi dalam wasiat terakhir seseorang pewasiat atau dalam suatu kodisil kepada wasiat itu, tidak kira bila wasiat atau kodisil itu telah dibuat, syarikat amanah Labuan itu boleh bertindak sebagai wasi dan boleh memohon untuk mendapatkan probet bagi wasiat itu dan apa-apa kodisil kepadanya, dan boleh melakukan dan menunaikan semua tindakan dan kewajipan sebagai wasi dengan sepenuhnya dan seberkesannya seperti mana-mana wasi lain.

Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pentadbir

66. (1) Dalam apa-apa hal yang seseorang boleh memohon untuk mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka seseorang yang telah mati, sama ada dengan atau tanpa wasiat terlampir, orang itu boleh—

- (a) menyertai suatu syarikat amanah Labuan dalam permohonan untuk mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka itu bagi dirinya sendiri dan syarikat amanah Labuan itu secara bersejajanya; atau
- (b) memberi kuasa syarikat amanah Labuan untuk memohon bagi mendapatkan pemberian surat kuasa mentadbir harta pusaka itu.

(2) Jika pentadbiran sesuatu harta pusaka, sama ada dengan atau tanpa wasiat terlampir, diberikan kepada suatu syarikat amanah Labuan sama ada syarikat itu sahaja atau bersejajanya dengan mana-mana orang lain, syarikat amanah Labuan itu boleh melakukan dan menunaikan semua tindakan dan kewajipan yang dipunyai oleh jawatan sebagai pentadbir atau pentadbir bersejajanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, walaupun ia diperbadankan.

Kuasa tambahan syarikat amanah Labuan

67. Suatu syarikat amanah Labuan boleh dilantik sebagai ejen atau pemegang amanah di bawah apa-apa penyelesaian atau surat cara lain yang mewujudkan suatu amanah, atau untuk melaksanakan apa-apa amanah atau kewajipan yang dibenarkan, oleh Akta ini atau oleh memorandum atau perkara persatuannya atau oleh mana-mana surat cara yang memperbadankan syarikat amanah Labuan itu, untuk diusahakan, dan boleh dilantik sedemikian, tidak kira bila penyelesaian atau surat cara yang mewujudkan amanah itu atau mengenakan kewajipan itu telah dibuat, dan sama ada sebagai pemegang amanah asal, pemegang amanah baru atau pemegang amanah tambahan, dan boleh melakukan dan menunaikan semua tindakan dan kewajipan seorang pemegang amanah dengan sepenuhnya dan seberkesannya seperti mana-mana pemegang amanah lain.

Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal

68. (1) Suatu syarikat amanah Labuan boleh dilantik atau terus bertindak sebagai pemegang amanah tunggal walaupun ada diperuntukkan oleh terma surat cara yang mewujudkan amanah itu atau mana-mana kuasa atau selainnya bahawa hendaklah ada lebih daripada satu pemegang amanah untuk melaksanakan amanah itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu syarikat amanah Labuan tidak boleh dilantik atau tidak berhak untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal dalam apa-apa hal yang surat cara yang mewujudkan amanah atau kuasa itu dengan nyata—

- (a) melarang pelantikan suatu syarikat amanah Labuan;
- (b) memperuntukkan bahawa hendaklah ada pemegang amanah lain sebagai tambahan kepada suatu syarikat amanah Labuan; atau
- (c) memperuntukkan bahawa suatu syarikat amanah Labuan tidak boleh dilantik untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal.

Kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pemegang amanah bersama dengan pemegang amanah lain

69. (1) Suatu syarikat amanah Labuan boleh bertindak sebagai pemegang amanah, wasi atau ejen bersesama dengan syarikat amanah Labuan atau orang lain jika—

- (a) surat cara yang di bawahnya syarikat amanah itu bertindak memperuntukkan sedemikian;
- (b) syarikat amanah itu diberi kuasa atau dikehendaki untuk berbuat demikian oleh undang-undang; atau
- (c) Mahkamah memerintahkan sedemikian.

(2) Suatu syarikat amanah Labuan tidaklah bertanggungjawab bagi pecah amanah atau kerugian yang diakibatkan oleh apa-apa tindakan atau peninggalan pemegang amanah, wasi atau ejen bersama yang dengannya syarikat amanah itu bertindak, melainkan jika syarikat amanah Labuan itu sendiri telah terlibat secara aktif dalam, atau bersetuju dengan, pecah amanah itu.

Pewakilan kepada syarikat amanah Labuan

70. (1) Menjadi sah bagi mana-mana wasi, pentadbir, pemegang amanah atau ejen untuk mewakili, melalui surat ikatan atau secara bertulis kepada suatu syarikat amanah Labuan sama ada syarikat itu sahaja atau bersesama dengan mana-mana syarikat atau orang lain, sebagai wakilnya, segala amanah dan kuasa sebagaimana yang diwakilkan olehnya dengan sah.

(2) Semua tindakan yang dilakukan oleh syarikat amanah Labuan itu sebagai penerima wakilan sedemikian hendaklah, terhadap mana-mana orang yang berurusan dengan syarikat amanah Labuan itu tanpa notis mengenai pembatalan kuasa sedemikian oleh wasi, pentadbir, pemegang amanah atau ejen itu, menjadi sah dan berkuat kuasa walaupun terdapat pembatalan sedemikian.

PENGGAL 3

SYARIKAT AMANAH DIURUS LABUAN

Pelesenan syarikat amanah diurus Labuan

71. (1) Orang yang berikut boleh dilesenkan sebagai syarikat amanah diurus Labuan melainkan jika orang itu merupakan—

- (a) syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing; atau
- (b) syarikat asing yang dilesenkan, didaftarkan atau diluluskan untuk menjalankan perniagaan syarikat amanah dalam bidang kuasa lain.

(2) Lembaga boleh memberikan atau enggan memberikan lesen kepada orang itu sebagai syarikat amanah diurus Labuan dan mengenakan apa-apa terma dan syarat ke atas lesen itu sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(3) Sesuatu permohonan bagi lesen di bawah Bahagian ini hendaklah disertai oleh—

- (a) pengemukakan perjanjian pengurusan terperinci yang dicadangkan antara pemohon dengan syarikat amanah Labuan;
- (b) pengemukakan salinan diperakui perakuan pemerbadanan atau dokumen konstituen pemohon; dan

- (c) pengemukaan surat mengenai kedudukan baik atau apa-apa dokumen lain daripada jenis yang sama daripada pihak berkuasa yang berkenaan di negara asal pemohon, jika berkenaan.

Terma dan syarat lesen sebagai syarikat amanah diurus Labuan

72. (1) Sebelum memulakan perniagaan sebagai suatu syarikat amanah diurus Labuan, tiap-tiap syarikat amanah diurus Labuan hendaklah melantik suatu syarikat amanah Labuan sebagai pengurus amanah diurus Labuan baginya untuk melaksanakan perniagaan syarikat amanahnya.

(2) Tiap-tiap syarikat amanah diurus Labuan hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa syarikat amanah Labuan itu masih dan terus dilesenkan sebagai suatu syarikat amanah Labuan di bawah Akta ini.

(3) Untuk mengelakkan keraguan, kecuali bagi seksyen 61 dan 62 dan Penggal 4 Bahagian ini, semua peruntukan yang terpakai bagi suatu syarikat amanah Labuan di bawah Akta ini hendaklah juga terpakai bagi suatu syarikat amanah diurus Labuan.

(4) Jika, selepas pelantikannya sebagai pengurus amanah diurus Labuan bagi suatu syarikat amanah diurus Labuan, lesen pengurus amanah diurus Labuan itu dibatalkan di bawah seksyen 168, syarikat amanah diurus itu hendaklah melantik seorang pengurus amanah diurus yang baru dalam tempoh empat minggu yang berikutan tarikh lesen syarikat amanah diurus Labuan itu dibatalkan, dan jika tidak berbuat demikian lesen syarikat amanah diurus itu hendaklah dibatalkan secara automatik oleh Lembaga.

PENGGAL 4

SYARIKAT AMANAH PERSENDIRIAN LABUAN

Pengertian “orang berkaitan”

73. Bagi maksud Penggal 4—

- (a) suatu “amanah persendirian” ertinya suatu amanah yang setiap benefisiarinya ialah orang berkaitan berhubungan dengan pembuat amanah itu;

- (b) seseorang ialah orang berkaitan berkenaan dengan mana-mana perhubungan yang berikut:
- (i) isteri atau suaminya;
 - (ii) anak-anaknya dan isteri atau suami mereka;
 - (iii) ibu bapanya, termasuk ibu bapa tiri;
 - (iv) datuk atau neneknya dan datuk atau nenek isteri atau suaminya;
 - (v) ibu bapa mertuanya, termasuk ibu bapa mertua tiri;
 - (vi) adik lelaki atau abang, adik lelaki atau abang tirinya, adik perempuan atau kakaknya, adik perempuan atau kakak tirinya dan isteri atau suami mereka;
 - (vii) adik lelaki atau abang isteri atau suaminya, adik lelaki atau abang tiri isteri atau suaminya, adik perempuan atau kakak isteri atau suaminya, adik perempuan atau kakak tiri isteri atau suaminya dan isteri atau suami dan anak-anak mereka;
 - (viii) adik lelaki atau abang ibu bapanya, adik lelaki atau abang tiri ibu bapanya, adik perempuan atau kakak ibu bapanya, adik perempuan atau kakak tiri ibu bapanya dan isteri atau suami mereka;
 - (ix) anak-anak adik lelaki atau abang, adik lelaki atau abang tiri, adik perempuan atau kakak atau adik perempuan atau kakak tiri ibu bapanya, yang ada atau pada masa hadapan, termasuk anak tiri dan isteri atau suami mereka; dan
 - (x) anak-anak adik lelaki atau abangnya, adik lelaki atau abang tirinya, adik perempuan atau kakaknya, adik perempuan atau kakak tirinya, yang ada atau pada masa hadapan, termasuk anak tiri dan isteri atau suami mereka;
- (c) bagi mana-mana hubungan yang dinyatakan dalam perenggan (b) yang boleh wujud dengan sepemendaan atau perhubungan sedarah, hubungan sama itu boleh wujud dengan pengangkutan.

Pendaftaran sebagai syarikat amanah persendirian Labuan

74. (1) Tiada orang boleh didaftarkan sebagai suatu syarikat amanah persendirian melainkan jika orang itu merupakan—

- (a) suatu syarikat Labuan; atau
- (b) suatu syarikat Labuan asing.

(2) Seseorang pemohon boleh memohon kepada Lembaga, dalam borang yang ditentukan bagi pendaftaran sebagai suatu syarikat amanah persendirian Labuan di Labuan dengan memenuhi kriteria yang berikut:

- (a) pemohon memuaskan hati Lembaga bahawa pemohon akan mengadakan perkhidmatan syarikat amanah hanya bagi suatu amanah persendirian atau amanah-amanah persendirian yang diwujudkan atau yang akan diwujudkan oleh atau atas arahan pembuat amanah atau seorang individu atau individu-individu yang ialah orang berkaitan dengan pembuat amanah yang diperihalkan dalam surat cara amanah;
- (b) pengemukaan salinan diperakui surat cara amanah yang disempurnakan dan apa-apa surat cara amanah yang disempurnakan selepas itu;
- (c) pengemukaan surat aku janji bahawa ia tidak akan menjalankan apa-apa perniagaan syarikat amanah selain yang berkenaan dengan amanah persendirian atau amanah-amanah persendirian; dan
- (d) ia hendaklah melantik suatu syarikat amanah Labuan sebagai ejennya.

(3) Lembaga boleh enggan mendaftarkan pemohon sebagai suatu syarikat amanah persendirian Labuan jika Lembaga mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemohon itu berkemungkinan menjalankan perniagaan mengikut cara yang memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan benefisiari mana-mana amanah persendirian yang berkenaan dengannya pemohon memberikan perkhidmatan.

(4) Lembaga boleh, sebagaimana yang difikirkannya perlu, mengenakan, mengubah atau membatalkan apa-apa terma atau syarat pada mana-mana pendaftaran di bawah Penggal ini dengan menyatakannya secara bertulis.

Terma dan syarat pendaftaran sebagai syarikat amanah persendirian Labuan

75. (1) Sesuatu syarikat amanah persendirian Labuan hendaklah, pada setiap masa, memastikan bahawa—

- (a) ia mematuhi perenggan 74(2)(a); dan
- (b) ejennya ialah suatu syarikat amanah Labuan yang dilesenkan di bawah Bahagian ini.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), suatu syarikat amanah persendirian Labuan tidak boleh didaftarkan di bawah Penggal ini dalam apa-apa tempoh yang ia sedang melanggar subseksyen (1).

(3) Jika, selepas pelantikannya sebagai ejen syarikat amanah persendirian Labuan, lesen ejen itu dibatalkan, subseksyen (2) tidaklah terpakai dan syarikat amanah persendirian Labuan itu hendaklah terus berdaftar bagi tempoh tiga puluh hari yang berikutan tarikh lesen ejen itu dibatalkan.

Kewajipan ejen syarikat amanah persendirian Labuan

76. (1) Suatu syarikat amanah Labuan tidak boleh bertindak sebagai ejen suatu syarikat amanah persendirian Labuan melainkan jika ejen itu telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memuaskan hatinya bahawa syarikat amanah persendirian Labuan itu—

(a) mematuhi perenggan 74(2)(a); atau

(b) jika syarikat amanah persendirian Labuan itu tidak pada masa itu menjalankan perniagaan amanah persendirian, bahawa syarikat amanah persendirian Labuan itu akan, apabila bermulanya perniagaan amanah persendiriannya, mematuhi perenggan 74(2)(a).

(2) Ejen syarikat amanah persendirian Labuan hendaklah secara berkala mengambil segala langkah yang munasabah untuk memuaskan hatinya bahawa syarikat amanah persendirian Labuan itu terus mematuhi perenggan 74(2)(a).

(3) Kekerapan ejen itu mengkaji semula pematuhan oleh syarikat amanah persendirian Labuan itu terhadap perenggan 74(2)(a) hendaklah ditentukan oleh ejen itu berdasarkan penilaiannya mengenai risiko syarikat amanah persendirian Labuan itu tidak mematuhi seksyen itu.

(4) Ejen itu hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa salinan paling terkini rekod yang berikut berkenaan dengan setiap syarikat amanah persendirian Labuan yang baginya dia bertindak sebagai ejen disimpan di pejabatnya di Labuan pada setiap masa:

(a) surat cara amanah dan apa-apa surat ikatan atau dokumen yang mengubah terma amanah itu, bagi setiap amanah yang berkenaan; dan

(b) dokumentasi dan maklumat lain yang padanya dia telah bergantung untuk memuaskan hatinya bahawa syarikat amanah persendirian Labuan itu mematuhi perenggan 74(2)(a).

(5) Jika pada bila-bila masa ejen suatu syarikat amanah persendirian Labuan berpendapat bahawa syarikat amanah persendirian Labuan itu tidak mematuhi perenggan 74(2)(a), ejen itu hendaklah dengan segera memberitahu Lembaga secara bertulis mengenai pendapatnya itu.

Kuasa Lembaga

77. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam apa-apa surat cara amanah, jika Lembaga berpuas hati bahawa demi kepentingan suatu amanah persendirian adalah perlu bagi semua atau mana-mana amanah yang baginya syarikat amanah persendirian Labuan itu bertindak sebagai pemegang amanah dipindahkan kepada pemegang amanah yang baru untuk ditadbirkan oleh pemegang amanah itu, Lembaga boleh mempetisyen mahkamah bagi maksud itu.

(2) Bila mana Lembaga mengambil tindakan menurut subseksyen (1), mahkamah boleh, selepas mendengar representasi daripada Lembaga atau mana-mana orang lain yang ternyata kepada mahkamah sebagai terjejas, memerintahkan pemindahan mana-mana amanah sedemikian kepada pemegang amanah yang baru, dan membuat apa-apa perintah tambahan atau sampingan atau memberikan apa-apa arahan yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(3) Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, Lembaga hendaklah mempunyai *locus standi* atau hak di sisi undang-undang untuk membuat kehadiran, memulakan dan menjalankan prosiding menurut subseksyen (1).

(4) Lembaga boleh menuntut kos guaman yang dilakukan dalam perjalanan kuasanya di bawah subseksyen (1) daripada orang yang berkenaan atau syarikat amanah persendirian Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Ketidakpakaian peruntukan Bahagian ini

78. Peruntukan Penggal 1, 2, 3 dan 5 Bahagian ini tidaklah terpakai bagi syarikat amanah persendirian Labuan melainkan jika diperuntukkan selainnya di bawah Bahagian ini.

PENGGAL 5

PELBAGAI

Syarikat amanah Labuan tertakluk kepada kawalan yang sama seperti mana-mana wasi lain

79. Jika suatu syarikat amanah Labuan telah dilantik sebagai wasi, pentadbir, pemegang amanah, ejen atau wakil, syarikat itu hendaklah tertakluk dari semua aspek kepada kawalan yang sama dan kepada pemecatan atau penyekatan daripada bertindak, dan secara amnya kepada bidang kuasa mahkamah, mengikut cara yang sama seperti mana-mana wasi, pentadbir, pemegang amanah, ejen atau wakil lain.

Afidavit pegawai

80. Dalam semua hal yang suatu syarikat amanah Labuan dikehendaki atau diberi kuasa untuk membuat apa-apa affidavit, perisytiharan atau pernyataan, syarikat itu boleh berbuat demikian melalui mana-mana pegawainya yang dilantik bagi maksud itu.

Pemeriksaan buku dan akaun syarikat amanah Labuan

81. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) memuaskan hati Mahkamah bahawa dia mempunyai kepentingan di bawah apa-apa amanah yang pada masa ini berada di bawah kawalan atau pengurusan suatu syarikat amanah Labuan; dan
- (b) membantah terhadap sesuatu tindakan atau keputusan syarikat amanah Labuan itu berdasarkan apa-apa ketidakteraturan atau kelakuan salah syarikat amanah Labuan itu semasa melakukan tindakan itu atau membuat keputusan itu,

boleh memohon kepada Mahkamah supaya apa-apa catatan dalam buku dan akaun syarikat amanah Labuan itu yang berhubungan dengan tindakan atau keputusan itu diperiksa.

(2) Jika Mahkamah menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah boleh melantik seorang juruaudit untuk memeriksa catatan dalam buku dan akaun syarikat amanah Labuan itu dan juruaudit itu hendaklah melaporkan dapatannya kepada Mahkamah.

(3) Jika dibuktikan melalui dapatan juruaudit itu bahawa telah berlaku ketidakteraturan atau kelakuan salah oleh syarikat amanah Labuan itu, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut.

(4) Bagi maksud seksyen ini, juruaudit tidak termasuk mana-mana juruaudit dalaman syarikat amanah Labuan itu.

Memegang simpan rekod

82. (1) Suatu syarikat amanah Labuan hendaklah menyenggarakan apa-apa rekod yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini bagi suatu tempoh tidak kurang daripada enam tahun dari tarikh akaun itu ditutup atau transaksi itu disempurnakan atau ditamatkan.

(2) Mana-mana syarikat amanah Labuan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Wang yang dibayar kepada syarikat amanah Labuan hendaklah dipegang atas amanah

83. (1) Apa-apa wang, harta atau balasan bernilai lain yang dibayar atau diberikan atau dipegang oleh suatu syarikat amanah Labuan atas sifat fidusiarinya hendaklah sentiasa disimpan berasingan daripada wang, harta atau balasan bernilai syarikat amanah Labuan itu, dan hendaklah ditandakan sedemikian dalam buku syarikat amanah Labuan berhubungan dengan setiap amanah tertentu supaya sentiasa boleh dibezakan daripada mana-mana yang lain dalam daftar dan buku akaun lain yang disimpan oleh syarikat amanah Labuan itu, supaya tidak sekali-kali wang, harta atau balasan bernilai itu menjadi sebahagian daripada atau bercampur dengan aset am syarikat amanah Labuan itu, dan semua pelaburan yang dibuat oleh syarikat itu sebagai pemegang amanah hendaklah ditetapkan sedemikian supaya amanah yang kepadanya pelaburan itu tergolong boleh dikenal pasti dengan mudah pada bila-bila masa.

(2) Mana-mana syarikat amanah Labuan yang tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) dan tiap-tiap pegawai syarikat amanah Labuan itu yang ingkar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Komisen, fi, caj dan perbelanjaan yang dilevikan oleh syarikat amanah Labuan

84. (1) Sesuatu syarikat amanah Labuan hendaklah berhak —

- (a) jika syarikat amanah itu memegang harta pusaka bagi pihak mana-mana orang, menerima daripada harta pusaka itu suatu komisen, sebagai tambahan kepada semua wang yang dibelanjakan dengan sepatutnya oleh syarikat amanah Labuan itu dan fi yang kena dibayar kepadanya dan yang boleh dikenakan terhadap harta pusaka itu; dan
- (b) dalam semua hal lain, meleviskan fi, caj dan perbelanjaan berkenaan dengan apa-apa kerja yang dilaksanakan oleh syarikat amanah Labuan itu untuk atau bagi pihak mana-mana orang.

(2) Jika Mahkamah berpendapat bahawa apa-apa komisen, fi, caj atau perbelanjaan yang dilevikan berkenaan dengan mana-mana harta pusaka atau berkenaan dengan apa-apa kerja yang dilaksanakan oleh syarikat amanah Labuan itu adalah keterlaluan, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang, yang bagi pihaknya harta pusaka itu dipegang, atau yang bagi pihaknya kerja itu dilaksanakan, mengkaji semula komisen, fi, caj atau perbelanjaan itu, dan boleh mengurangkannya jika difikirkannya patut.

(3) Komisen, fi, caj atau perbelanjaan yang berhak diterima oleh suatu syarikat amanah Labuan di bawah seksyen ini tidak boleh dalam apa-apa cara pun terjejas atau dikurangkan oleh sebab mana-mana orang lain mungkin berhak kepada suatu komisen, fi, caj atau perbelanjaan berkenaan dengan kerja yang dilaksanakan itu.

(4) Suatu syarikat amanah Labuan hendaklah mempunyai hak untuk berkongsi komisen, fi, caj atau perbelanjaan yang ia berhak kepadanya di bawah seksyen ini dengan mana-mana orang lain.

Terjemahan akaun dan rekod

85. Jika apa-apa akaun atau rekod lain dikehendaki disimpan di bawah Akta ini tidak disimpan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, pengarah syarikat amanah Labuan itu hendaklah menyebabkan suatu terjemahan benar akaun dan rekod itu dibuat dari semasa ke semasa pada lat-lat tempoh yang tidak melebihi tujuh hari dan hendaklah menyebabkan terjemahan itu disimpan bersama dengan akaun dan rekod asal.

BAHAGIAN VI

PERBANKAN LABUAN

PENGGAL 1

PERMULAAN

Tafsiran

86. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“lesen bank” ertinya lesen yang diberikan menurut suatu permohonan di bawah seksyen 88 dan seksyen 89, mengikut kehendak konteks;

“perniagaan kredit bangunan” ertinya perniagaan memberikan apa-apa kemudahan kredit kepada mana-mana orang bagi maksud nyata untuk—

(a) membeli harta tak alih;

(b) pembinaan, pembinaan semula atau pengubahsuaian apa-apa bangunan atau struktur lain,

bagi maksud kediaman, komersial atau industri;

“wang modal” ertinya modal berbayar dan rizab;

“surat cara terbitan komoditi” termasuklah, setakat yang surat cara itu bukan suatu surat cara kewangan terbitan, komoditi hadapan, komoditi ke hadapan, komoditi swap, komoditi opsyen atau surat cara komoditi lain yang mempunyai ciri yang sama, yang boleh secara munasabahnya diselesaikan dengan wang tunai atau dengan sekuriti atau surat cara terbitan lain;

“kemudahan kredit” ertinya—

- (a) apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan lain dalam apa-apa jua bentuk atau dengan apa-apa jua nama dipanggil, yang dengan pemberiannya orang yang kepadanya pendahuluan, pinjaman atau kemudahan lain itu diberikan mempunyai akses, secara langsung atau tidak langsung, kepada wang orang yang memberikannya; atau
- (b) apa-apa jua liabiliti yang ditanggung bagi pihak mana-mana orang;

“perniagaan tanda kredit” ertinya apa-apa perniagaan yang suatu tanda, iaitu suatu cek, kad, baucar, setem, buku kecil, kupon, borang atau dokumen atau benda lain diberikan atau dikeluarkan kepada seseorang, yang disebut sebagai “pelanggan”, oleh orang yang menjalankan perniagaan itu, yang disebut sebagai “pengeluar”, yang dengannya pengeluar itu mengaku janji—

- (a) bahawa atas pengemukaan tanda itu, sama ada apa-apa tindakan lain juga dikehendaki atau tidak, pengeluar akan membekalkan wang tunai, barangan atau perkhidmatan atas kredit; atau
- (b) bahawa jika, apabila dikemukakan tanda itu kepada pihak ketiga, sama ada apa-apa tindakan lain juga dikehendaki atau tidak, pihak ketiga itu membekalkan wang tunai, barangan atau perkhidmatan, pengeluar itu akan membayar pihak ketiga itu bagi pihak mereka, sama ada dengan memotong apa-apa diskaun atau komisen atau tidak, dan sebagai balasannya pembayaran hendaklah dibuat selepas itu kepada pengeluar oleh pelanggan itu.

dan bagi maksud takrif ini, penggunaan sesuatu tanda untuk mengendalikan sesuatu mesin yang disediakan oleh pengeluar atau oleh suatu pihak ketiga hendaklah dikira sebagai pengemukaan tanda itu kepada orang yang menyediakan mesin itu;

“deposit” ertinya suatu jumlah wang yang diterima atau dibayar atas terma—

- (a) yang di bawahnya wang itu akan dibayar balik, dengan atau tanpa bunga atau pada suatu premium atau diskaun;
- (b) yang di bawahnya wang itu boleh dibayar balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan apa-apa balasan wang atau yang mempunyai nilai wang,

dan pembayaran balik itu yang sama ada atas tuntutan atau pada masa atau dalam hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat pembayaran dan orang yang menerimanya, tanpa mengira sama ada transaksi itu diperihalkan sebagai suatu pinjaman, pendahuluan, pelaburan, simpanan, jualan atau jualan dan pembelian semula, tetapi tidaklah termasuk wang yang dibayar secara *bona fide*—

- (A) melalui pendahuluan atau bayaran sebahagian di bawah suatu kontrak jualan, sewaan atau penyediaan harta atau perkhidmatan lain, dan boleh dibayar balik hanya sekiranya harta atau perkhidmatan itu tidak atau tidak pada hakikatnya dijual, disewakan atau selainnya disediakan;
- (B) melalui jaminan bagi pelaksanaan sesuatu kontrak atau melalui jaminan berkenaan dengan apa-apa kerugian yang mungkin diakibatkan oleh ketidaksiaksanaan sesuatu kontrak;
- (C) tanpa menjejaskan perenggan (B), melalui jaminan bagi penghantarserahan atau pemulangan apa-apa harta, sama ada dalam keadaan tertentu atau selainnya; dan
- (D) dalam apa-apa hal keadaan lain, atau kepada atau oleh mana-mana orang lain, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

“surat cara kewangan terbitan” ertinya kontrak hadapan, ke hadapan, swap, atau opsiyen, atau surat cara kewangan lain yang sama cirinya tetapi tidaklah termasuk—

- (a) semua yang terdapat dalam kunci kira-kira sebagai belum terima dan boleh dibayar, termasuk yang belum terima dan boleh dibayar yang memperoleh nilainya atau secara kontrak menghendaki pengaliran wang daripada harga apa-apa sekuriti atau indeks lain, seperti sekuriti bersandarkan gadai janji, obligasi berdasarkan bunga semata-mata dan berdasarkan prinsipal semata-mata, dan surat cara hutang berindeks; dan

- (b) ciri opsyen yang terdapat dalam kunci kira-kira sebagai belum terima dan boleh dibayar, seperti ciri penukaran dan peruntukan panggilan yang terdapat dalam bon boleh tukar;

“surat cara terbitan” ertinya surat cara yang nilainya bergantung pada nilai indeks atau aset sandaran seperti mata wang, sekuriti, komoditi atau surat cara terbitan lain dan termasuklah surat cara kewangan terbitan dan surat cara terbitan komoditi;

“perniagaan pembiayaan pembangunan” ertinya perniagaan menyediakan modal atau kemudahan kredit lain atas terma yang akan menghendaknya digunakan bagi pembangunan industri, pertanian, komersial atau pembangunan ekonomi lain; dan bagi maksud takrif ini, “pembangunan” termasuklah permulaan apa-apa usaha baru industri, pertanian, komersial atau usaha ekonomi lain atau perluasan atau pembaikan apa-apa usaha sedemikian yang sedia ada;

“perniagaan pemfaktoran” ertinya perniagaan memperoleh hutang yang kena dibayar kepada mana-mana orang;

“perniagaan perbankan Labuan” ertinya—

- (a) perniagaan menerima deposit untuk akaun semasa, akaun deposit, akaun simpanan atau apa-apa akaun lain yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) perniagaan perbankan pelaburan Labuan;
- (c) perniagaan kewangan Labuan;
- (d) perniagaan perbankan Islam Labuan;
- (e) apa-apa perniagaan lain yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri,

dalam apa-apa mata wang (termasuk ringgit jika dibenarkan oleh Akta Kawalan Pertukaran 1953 atau mana-mana undang-undang berkaitan yang lain yang berkuat kuasa);

“perniagaan kewangan Labuan” ertinya—

- (a) perniagaan kredit bangunan;
- (b) perniagaan tanda kredit;

- (c) perniagaan pembiayaan pembangunan;
- (d) perniagaan pemajakan;
- (e) perniagaan pempfaktoran;
- (f) perniagaan broker wang;
- (g) perniagaan kewangan Islam Labuan; atau
- (h) apa-apa perniagaan lain yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri,

dalam apa-apa mata wang (termasuk ringgit jika dibenarkan oleh Akta Pertukaran Kawalan 1953 atau mana-mana undang-undang berkaitan yang lain yang berkuat kuasa);

“perniagaan perbankan pelaburan Labuan” ertinya—

- (a) perniagaan memberikan kemudahan kredit;
- (b) perniagaan memberikan khidmat perundingan dan nasihat yang berhubungan dengan perkara-perkara korporat dan pelaburan termasuk mengurus niaga sekuriti atau pembuatan dan pengurusan pelaburan bagi pihak mana-mana orang;
- (c) perniagaan menjalankan transaksi pertukaran asing, swap kadar faedah, urus niaga surat cara terbitan atau surat cara kewangan terbitan atau mana-mana aktiviti pengurusan risiko serupa itu yang lain;
- (d) perniagaan perbankan pelaburan Islam Labuan;
- (e) perniagaan kewangan Labuan; atau
- (f) apa-apa perniagaan lain yang ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri,

“perniagaan perbankan Islam Labuan” ertinya perniagaan perbankan Islam yang dijalankan oleh orang yang dilesenkan untuk berbuat demikian di bawah Bahagian VI Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009;

“perniagaan kewangan Islam Labuan” ertinya perniagaan kewangan Islam yang dijalankan oleh orang yang dilesenkan untuk berbuat demikian di bawah Bahagian VI Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009;

“perniagaan perbankan pelaburan Islam Labuan” ertinya perniagaan perbankan pelaburan Islam yang dijalankan oleh orang yang dilesenkan untuk berbuat demikian di bawah Bahagian VI Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009;

“perniagaan pemajakan” ertinya perniagaan pemajakan atau pensubpajakan harta atas sewaan bagi maksud penggunaan harta sedemikian oleh penyewa tanpa mengira sama ada pemajakan itu adalah dengan atau tanpa opsyen untuk membeli harta itu, termasuk carter kapal, dan bagi maksud takrif ini, “harta” termasuklah apa-apa loji, mesin, kelengkapan atau barang lain yang terlekap atau akan dilekapkan pada tanah dan “carter kapal” ertinya carter *bareboat* sahaja dan tidak termasuk pengangkutan penumpang atau kargo melalui laut atau carter kapal dalam pelayaran atau berdasarkan masa;

“bank Malaysia” ertinya bank berlesen sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 atau bank Islam sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank Islam 1983;

“perniagaan broker wang” ertinya perniagaan pengaturan transaksi antara pembeli dengan penjual dalam pasaran wang atau pertukaran asing sebagai perantara yang fi broker dibayar atau akan dibayar sebagai balasannya, tetapi tidak termasuk pembelian atau penjualan ringgit atau mata wang asing sebagai prinsipal dalam pasaran sedemikian;

“sistem pembayaran” ertinya apa-apa sistem perkiraan bagi pemindahan, penjelasan atau penyelesaian wang atau sekuriti, tetapi tidak termasuk —

- (a) sistem pembayaran yang ditubuhkan atau dikendalikan oleh Bank Negara atau dikendalikan bagi pihak Bank Negara, di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009;
- (b) pusat penjelasan yang ditakrifkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (c) sistem pembayaran dalaman yang dikendalikan oleh seseorang semata-mata bagi maksud pentadbirannya sendiri yang tidak memindahkan, menjelaskan atau menyelesaikan wang atau sekuriti bagi pihak ketiga; dan
- (d) sistem yang semata-mata memudahkan permulaan arahan pembayaran;

“modal berbayar”, berhubung dengan pemohon di bawah seksyen 88, 89 dan 90 atau pemegang lesen bank, ertinya jumlah wang yang disumbangkan oleh pesertanya untuk ia menjalankan perniagaan tetapi tidak termasuk kemudahan kredit yang diberikan kepadanya oleh pesertanya.

PENGGAL 2

PELESENAN

Perniagaan perbankan Labuan, perniagaan perbankan pelaburan Labuan dan perniagaan kewangan Labuan hendaklah dijalankan hanya di bawah lesen

87. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan perbankan Labuan, perniagaan perbankan pelaburan Labuan atau perniagaan kewangan Labuan melainkan jika—

- (a) orang itu ialah syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing; atau
- (b) orang itu ialah bank Malaysia,

dan memegang lesen sah untuk menjalankan perniagaan sedemikian.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan

88. (1) Suatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh atau bagi pihak pemohon kepada Lembaga.

(2) Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan oleh syarikat Labuan hendaklah disertai dengan yang berikut:

- (a) dokumen konstituen pemohon yang disahkan sewajarnya oleh pegawai pemohon mengikut apa-apa cara yang boleh diterima oleh Lembaga; dan
- (b) suatu pernyataan mengenai yang berikut:
 - (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon itu;
 - (ii) perniagaan utama pemohon dan tempat perniagaan utama pemohon; dan
 - (iii) nama dan alamat pengarah pemohon dan peserta yang setiapnya memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon atau lebih;
- (c) suatu pernyataan mengenai nama, alamat, kelayakan, pengalaman bekerja dan jawatan yang dicadangkan bagi semua pegawai yang akan bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan perbankan Labuan pemohon;
- (d) suatu pindaan yang dicadangkan terhadap dokumen konstituen pemohon yang kesannya ialah bahawa tujuan tunggal dan eksklusif syarikat Labuan itu adalah untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan;
- (e) jika pemohon—
 - (i) ialah suatu syarikat Labuan yang merupakan subsidiari sesuatu syarikat pemegang, suatu salinan kunci kira-kira yang diaudit mengenai perniagaan syarikat pemegangnya bagi setiap tiga tahun kewangan sebaik sebelum tarikh permohonan itu;
 - (ii) ialah suatu syarikat Labuan yang bukan subsidiari mana-mana perbadanan, suatu salinan kunci kira-kira yang diaudit mengenai perniagaan pesertanya yang setiapnya memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon atau lebih bagi setiap tiga tahun kewangan sebaik sebelum tarikh permohonan itu;
- (f) suatu jaminan yang didapatkan dan suatu aku janji yang diberikan oleh pemohon berkenaan dengan perniagaan perbankan Labuannya, mengikut apa-apa cara dan apa-apa

bentuk yang boleh diterima oleh Lembaga, dan jaminan serta aku janji itu hendaklah memperuntukkan, antara lain, bahawa—

- (i) pemohon hendaklah mematuhi obligasi kewangan dan kehendak yang dikenakan di bawah Akta ini dan hendaklah menjelaskan liabiliti pemohon berkenaan dengan perniagaan perbankan Labuannya;
- (ii) tiada peserta pemohon yang memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon atau lebih boleh ditukar tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga;
- (iii) tiap-tiap pengarah atau pegawai prinsipal pemohon yang bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan perbankan Labuan pemohon hendaklah orang yang layak dan sesuai dan pelantikan pengarah atau pegawai prinsipal itu hendaklah dibuat hanya selepas berunding dengan Lembaga.

(3) Sesuatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan oleh suatu syarikat Labuan yang dicadangkan yang hendak diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 (“syarikat Labuan dicadangkan”) hendaklah disertai dengan yang berikut:

- (a) dokumen konstituennya yang dicadangkan yang disahkan dengan sewajarnya oleh mana-mana pegawainya mengikut apa-apa cara yang boleh diterima oleh Lembaga;
- (b) suatu pernyataan mengenai yang berikut:
 - (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan yang dicadangkan bagi pemohon;
 - (ii) perniagaan utama yang dicadangkan dan tempat perniagaan utama yang dicadangkan bagi pemohon; dan
 - (iii) nama dan alamat pengarah yang dicadangkan bagi pemohon dan peserta yang dicadangkan yang setiapnya memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon atau lebih;
- (c) suatu pernyataan mengenai nama, alamat, kelayakan, pengalaman bekerja dan jawatan yang dicadangkan bagi semua pegawai yang akan bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan perbankan Labuan pemohon;

- (d) suatu salinan kunci kira-kira yang diaudit mengenai perniagaan peserta yang dicadangkan yang setiapnya akan memegang sepuluh peratus modal berbayarnya atau lebih bagi setiap tiga tahun kewangan sebaik sebelum tarikh permohonan itu; dan
- (e) suatu pernyataan mengenai suatu jaminan yang didapatkan dan suatu aku janji yang diberikan oleh pesertanya yang dicadangkan bahawa mereka akan menyebabkan syarikat Labuan yang dicadangkan itu, apabila diperbadankan, untuk mendapatkan jaminan dan memberikan suatu aku janji sebagaimana yang disebut dalam perenggan (2)(f).

(4) Sesuatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan oleh suatu syarikat Labuan asing hendaklah disertai dengan yang berikut:

- (a) dokumen konstituennya yang disahkan dengan sewajarnya oleh mana-mana pegawainya mengikut apa-apa cara yang boleh diterima oleh Lembaga;
- (b) suatu pernyataan mengenai yang berikut:
 - (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon;
 - (ii) perniagaan utama dan tempat perniagaan utama pemohon; dan
 - (iii) nama dan alamat pengarah pemohon dan peserta yang setiapnya memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon atau lebih;
- (c) suatu pindaan yang dicadangkan terhadap dokumen konstituen pemohon yang kesannya ialah bahawa tujuan tunggal dan eksklusif syarikat Labuan asing itu adalah untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan;
- (d) suatu salinan kunci kira-kira yang diaudit mengenai perniagaan pemohon bagi setiap tiga tahun kewangan sebaik sebelum tarikh permohonan itu;
- (e) suatu aku janji yang diberikan oleh pemohon berkenaan dengan perniagaan perbankan Labuannya, mengikut apa-apa cara dan apa-apa bentuk yang boleh diterima oleh

Lembaga, dan aku janji itu hendaklah memperuntukkan, antara lain, bahawa—

- (i) pemohon hendaklah mematuhi obligasi kewangan dan kehendak yang dikenakan di bawah Akta ini dan hendaklah menjelaskan liabiliti pemohon berkenaan dengan perniagaan perbankan Labuannya;
- (ii) jika pemohon ialah suatu syarikat Labuan asing, bahawa ia hendaklah dengan segera memberitahu Lembaga tentang apa-apa pertukaran dalam pesertanya yang memegang sepuluh peratus modal berbayarnya atau lebih;
- (iii) tiap-tiap pengarah atau pegawai prinsipal pemohon yang bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan perbankan Labuannya hendaklah orang yang layak dan sesuai dan pelantikan pengarah atau pegawai prinsipal itu hendaklah dibuat hanya selepas berunding dengan Lembaga.

(5) Suatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan oleh suatu syarikat asing yang berkehendakkan untuk didaftarkan sebagai suatu syarikat Labuan asing di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 (“Syarikat Labuan asing yang dicadangkan”) hendaklah disertai dengan yang berikut:

- (a) dokumen konstituen yang di bawahnya syarikat Labuan asing itu hendak ditubuhkan, yang disahkan sewajarnya oleh mana-mana pegawainya yang dicadangkan mengikut apa-apa cara yang boleh diterima oleh Lembaga;
- (b) suatu salinan kunci kira-kira yang diaudit bagi setiap tiga tahun kewangan sebaik sebelum tarikh permohonan itu;
- (c) suatu pernyataan mengenai—
 - (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan syarikat asing itu;
 - (ii) perniagaan utama dan tempat perniagaan utama syarikat asing itu;

- (iii) nama dan alamat pengarah syarikat asing itu;
- (iv) nama dan alamat peserta syarikat asing itu yang setiapnya memegang sepuluh peratus modal berbayar syarikat asing itu atau lebih;
- (v) nama, alamat, kelayakan, pengalaman bekerja dan jawatan yang dicadangkan bagi semua pegawai syarikat Labuan asing yang dicadangkan itu yang akan bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan perbankan Labuannya; dan

(d) suatu aku janji yang diberikan oleh syarikat asing itu sebagaimana yang disebut dalam perenggan (4)(e).

(6) Sesuatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan oleh bank Malaysia hendaklah disertai dengan yang berikut:

- (a) dokumen konstituen pemohon yang disahkan dengan sewajarnya oleh pegawai pemohon mengikut apa-apa cara yang boleh diterima oleh Lembaga; dan
- (b) suatu salinan kunci kira-kira yang diaudit mengenai perniagaan pemohon bagi setiap tiga tahun kewangan sebaik sebelum tarikh permohonan itu;
- (c) suatu pernyataan mengenai yang berikut:
 - (i) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon;
 - (ii) perniagaan utama dan tempat perniagaan utama pemohon; dan
 - (iii) nama dan alamat pengarah pemohon dan peserta yang setiapnya memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon atau lebih; dan
- (d) suatu pernyataan mengenai nama, alamat, kelayakan, pengalaman bekerja dan jawatan yang dicadangkan bagi semua pegawai yang akan bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan perbankan Labuan pemohon.

Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan pelaburan Labuan

89. Suatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan pelaburan Labuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh atau bagi pihak pemohon kepada Lembaga dan peruntukan seksyen 88 berhubungan dengan perniagaan perbankan Labuan hendaklah juga terpakai baginya kecuali “perniagaan perbankan Labuan” hendaklah dibaca sebagai “perniagaan perbankan pelaburan Labuan”.

Permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan kewangan Labuan

90. Suatu permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan kewangan Labuan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Lembaga oleh atau bagi pihak pemohon dan hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen, pernyataan dan maklumat yang ditentukan oleh Lembaga.

Maklumat tambahan

91. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, selepas diterima sesuatu permohonan di bawah seksyen 88, 89 atau 90 dan sebelum suatu penentuan dibuat, secara lisan atau secara bertulis, menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat tambahan secara lisan atau bertulis, atau untuk memberikan apa-apa dokumen tambahan, sebagaimana yang didapati perlu oleh Lembaga bagi maksud menentukan kesesuaian pemohon untuk lesen.

Pemberian lesen oleh Lembaga

92. (1) Apabila diterima suatu permohonan bagi lesen di bawah seksyen 88, 89 atau 90 dan selepas diberi semua maklumat dan dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga di bawah seksyen-seksyen itu, Lembaga boleh meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat, atau menolak permohonan itu.

(2) Jika Lembaga menolak permohonan itu, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai penolakan itu.

(3) Jika Lembaga meluluskan permohonan bagi lesen di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah mengeluarkan lesen kepada pemohon apabila pemohon memenuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah permohonan untuk lesen itu.

(4) Lesen yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah terus berkuat kuasa sehinggalah lesen itu diserahkan balik atau dibatalkan mengikut Akta ini.

(5) Tiada pemohon boleh diberi suatu lesen bank di bawah seksyen ini tanpa persetujuan bertulis Lembaga jika wang modalnya adalah kurang daripada sepuluh juta ringgit atau amaun yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing dalam bentuk tunai atau apa-apa amaun yang ditentukan secara bertulis oleh Lembaga.

(6) Lembaga boleh, selepas berunding dengan Menteri, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen bank, mengubah terma dan syarat sedia ada atau mengenakan apa-apa terma dan syarat tambahan, berkenaan dengan lesen bank, dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kehendak untuk menggunakan, dan sekatan mengenai penggunaan, perkataan “bank Labuan berlesen”, dsb.

93. (1) Pemegang lesen bank hendaklah pada setiap masa menampal atau mengecat, atau memastikan supaya sentiasa ditampal atau dicatkan, pada suatu tempat yang mudah dilihat di luar setiap pejabatnya dan supaya boleh dibaca dengan mudah, nama, nombor lesennya dan perkataan “bank Labuan berlesen” atau “bank pelaburan Labuan berlesen”, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pemegang lesen bank hendaklah, dalam apa-apa kepala bil, borang tercetak, kertas surat, notis, iklan, atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan daripada pejabatnya dan dalam perjalanan perniagaannya, mencetak dengan cara mudah dilihat nama, nombor lesennya dan perkataan “bank Labuan berlesen” atau “bank pelaburan Labuan berlesen” mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Tiada seorang pun, yang bukan pemegang lesen bank, boleh, tanpa persetujuan bertulis Lembaga, memakai atau menggunakan perkataan “bank Labuan berlesen”, “bank pelaburan Labuan berlesen” atau apa-apa terbitan perkataan sedemikian dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan orang itu menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan pelaburan Labuan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, sebagai tambahan, boleh dikenakan denda harian tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Pengekalan nisbah kecukupan modal

94. (1) Tiada pemegang lesen bank boleh menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan pelaburan Labuan jika wang modalnya adalah kurang daripada amaun yang ditentukan secara bertulis oleh Lembaga.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen bank hendaklah mengekalkan pada setiap masa, apa-apa nisbah kecukupan modal, yang ditentukan secara bertulis oleh Lembaga dari semasa ke semasa dan tiada pemegang lesen bank boleh menjalankan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan pelaburan Labuan jika nisbah kecukupan modal yang ditentukan itu tidak dipatuhi, kecuali dengan kelulusan Lembaga.

(3) Pemegang lesen bank hendaklah pada setiap masa mengekalkan wang modalnya untuk mencerminkan nisbah modal dibeban risiko sebagaimana yang ditentukan secara bertulis oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(4) Lembaga boleh mengarahkan pemegang lesen bank untuk mengambil langkah yang wajar untuk membetulkan apa-apa kekurangan dalam nisbah yang ditentukan itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Pindaan atau pengubahan dokumen konstituen pemegang lesen bank

95. (1) Tiap-tiap pemegang lesen bank yang merupakan suatu syarikat Labuan hendaklah, sebelum membuat apa-apa pindaan atau pengubahan kepada mana-mana dokumen konstituennya, memberi Lembaga butir-butir bertulis tentang pindaan atau pengubahan yang dicadangkan itu untuk kelulusan Lembaga.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen bank yang merupakan suatu syarikat Labuan asing atau suatu bank Malaysia hendaklah dalam tempoh tiga bulan selepas dibuat apa-apa pindaan atau pengubahan kepada dokumen konstituennya, memberi Lembaga butir-butir bertulis mengenai pindaan atau pengubahan sedemikian yang disahkan dengan sewajarnya oleh seorang pengarah pemegang lesen bank itu mengikut cara yang boleh diterima oleh Lembaga.

(3) Tiada pemegang lesen bank boleh membuat apa-apa pindaan atau pengubahan kepada dokumen konstituennya yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis.

(4) Tiada peserta pemegang lesen bank yang memegang lima belas peratus modal berbayar pemegang lesen bank itu atau lebih boleh ditukar tanpa kelulusan bertulis Lembaga terlebih dahulu dan, jika pemegang lesen bank ialah suatu syarikat Labuan asing, pemegang lesen bank itu hendaklah dengan segera memberitahu Lembaga mengenai apa-apa pertukaran pesertanya yang memegang lima belas peratus modal berbayarnya atau lebih.

Lembaga hendaklah menyiarkan senarai bank Labuan dan bank pelaburan Labuan

96. Lembaga hendaklah menyiarkan tiap-tiap tahun tidak lewat daripada 31 Mac setiap tahun suatu senarai mengenai semua bank Labuan dan bank pelaburan Labuan yang sedia ada setakat 31 Disember tahun sebelumnya dan nombor lesen mereka dalam *Warta*, dan jika apa-apa lesen dikeluarkan, dibatalkan atau diserahkan balik, selepas penyiaran sedemikian, Lembaga hendaklah menyebabkan disiarkan suatu senarai yang telah diubah mengenai semua bank Labuan dan bank pelaburan Labuan yang sedia ada dan nombor lesen mereka dalam *Warta* dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

PENGGAL 3

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN BANK

Pejabat dan subsidiari

97. Pemegang lesen bank yang merupakan suatu syarikat Labuan boleh, tertakluk kepada persetujuan bertulis Lembaga terlebih dahulu, membuka apa-apa pejabat selain tempat perniagaan utamanya di Labuan, atau memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari.

Larangan mengenai akaun tertentu

98. (1) Tiada pemegang lesen bank boleh menerima apa-apa wang atas deposit atau pinjaman yang boleh dibayar balik atas tuntutan melalui cek, draf, perintah atau apa-apa surat cara lain yang dikeluarkan oleh pendeposit daripada pemegang lesen bank.

(2) Tiap-tiap pemegang lesen bank hendaklah menjalankan siasatan dengan usaha sewajarnya sebelum membuka apa-apa akaun bagi seseorang pelanggan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh sebagai tambahan, dikenakan denda harian tidak melebihi sepuluh ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Penyata kewangan, statistik dan maklumat hendaklah dikemukakan kepada Lembaga

99. Pemegang lesen bank hendaklah mematuhi kehendak berkenaan dengan penyata kewangan, statistik dan maklumat kepada Lembaga sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

PENGAL 4

PERUNTUKAN AM

Pembayaran daripada akaun si mati

100. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang, pemegang lesen bank boleh, tanpa mengemukakan surat kuasa probet atau surat kuasa pentadbiran, membayar apa-apa jumlah wang yang tidak melebihi jumlah yang bersamaan dengan lima ribu ringgit yang terdapat pada kredit si mati kepada mana-mana orang yang mengemukakan bukti yang memuaskan mengenai—

(a) kematian si mati itu; dan

(b) haknya di bawah undang-undang terhadap jumlah wang yang terdapat pada kredit si mati.

(2) Pemegang lesen bank tidak boleh membuat apa-apa pembayaran di bawah subseksyen (1) jika pemegang lesen bank itu telah menerima tuntutan lain terhadap apa-apa wang yang terdapat pada kredit si mati.

(3) Pemegang lesen atau pengarah atau pegawainya tidaklah bertanggungjawab berkenaan dengan apa-apa tuntutan oleh mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa pembayaran yang dibuat mengikut seksyen ini tetapi orang itu boleh mendapatkan balik jumlah wang yang kena dibayar kepadanya secara sah daripada orang yang kepadanya pembayaran itu telah dibuat.

BAHAGIAN VII

INSURANS LABUAN

PENGGAL I

PERMULAAN

Tafsiran

101. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“perniagaan insurans domestik” ertinya perniagaan insurans yang hal perkara kontraknya ialah—

- (a) harta yang pada masa kontrak itu dibuat terletak di Malaysia atau dalam transit ke atau dari Malaysia;
- (b) kapal atau pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia dan segala liabiliti yang berbangkit daripada pengendalian kapal atau pesawat udara itu;
- (c) nyawa atau apa-apa kontingensi yang berhubungan dengan mana-mana orang yang, pada masa kontrak itu dibuat, ialah seorang pemastautin; atau
- (d) apa-apa jenis risiko berkenaan dengan mana-mana orang yang, pada masa kontrak itu dibuat, ialah seorang pemastautin;

“perniagaan insurans am” ertinya perniagaan insurans yang bukan perniagaan insurans nyawa tetapi termasuk insurans kemalangan, perubatan, pembedahan dan perbelanjaan hospital yang berhubungan dengan mana-mana orang;

“perniagaan insurans” ertinya perniagaan melaksanakan dan menjalankan kontrak—

- (a) yang melindungi orang terhadap kerugian atau kemungkinan kerugian berkenaan dengan risiko yang kepadanya orang itu mungkin terdedah; atau
- (b) untuk membayar sejumlah wang atau benda lain yang bernilai apabila berlaku sesuatu kejadian,

dan termasuklah perniagaan insurans semula;

“lesen insurans” ertinya lesen yang diberikan di bawah Bahagian ini;

“pengambil insurans” ertinya orang yang dilindungi oleh suatu polisi insurans;

“penanggung insurans” ertinya orang yang menjalankan perniagaan insurans;

“penanggung insurans Labuan” ertinya orang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan insurans Labuan;

“perniagaan insurans kaptif Labuan” ertinya perniagaan insurans Labuan yang pengambil insuransnya ialah suatu perbadanan berkaitan atau perbadanan sekutu bagi penanggung insurans Labuan itu atau yang pengambil insurans itu ialah mana-mana orang lain yang berkenaan dengannya penanggung insurans Labuan itu telah dibenarkan oleh Lembaga untuk memberikan insurans atau insurans semula;

“broker insurans Labuan” ertinya seseorang yang—

- (a) mengaturkan perniagaan insurans Labuan bagi pihak bakal pemunya polisi atau pemunya polisi yang sedia ada;
- (b) mengaturkan perniagaan insurans semula Labuan bagi pihak mana-mana penanggung insurans yang ingin mendapatkan insurans semula; atau
- (c) menganalisis hal keadaan kewangan seseorang lain dan menyediakan pelan untuk memenuhi keperluan dan objektif kewangan orang itu, sama ada fi dikenakan berhubung dengannya atau tidak;

“perniagaan insurans Labuan” ertinya perniagaan insurans yang bukan perniagaan insurans domestik dan yang diurusniagakan dalam mata wang asing, dan termasuklah perniagaan takaful dan takaful semula, perniagaan insurans kaptif Labuan dan apa-apa perniagaan insurans Labuan yang lain yang diluluskan oleh Lembaga;

“pengurus insurans Labuan” ertinya seseorang yang dilesenkan untuk memberikan khidmat pengurusan atau pentadbiran yang berhubung dengan perniagaan insurans Labuan tetapi tidaklah termasuk pengurus pengunderaitan Labuan;

“pengurus pengunderaitan Labuan” ertinya seseorang, yang bukannya pekerja *bona fide*, yang dilesenkan untuk memberikan khidmat pengunderaitan, termasuklah pentadbiran perniagaan, kepada seorang penanggung insurans Labuan atau lebih;

“perniagaan insurans nyawa” ertinya perniagaan insurans yang berkaitan dengan apa-apa polisi yang dengannya pembayaran wang polisi diinsuranskan berasaskan kematian atau berlakunya apa-apa kontingensi yang bergantung pada tamatnya atau berterusannya nyawa manusia dan termasuklah apa-apa perluasan perlindungan sampingan dan insurans semula perniagaan sedemikian;

“penanggung insurans Malaysia” ertinya penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 atau Akta Takaful 1984;

“pendapatan premium bersih”, berhubung dengan suatu tahun kewangan, ertinya premium yang boleh diterima di bawah kontrak insurans atau insurans semula selepas ditolak apa-apa premium yang kena dibayar bagi insurans semula yang diatitkan berkenaan dengan kontrak insurans atau insurans semula itu;

“polisi” ertinya polisi insurans dan termasuklah nota perlindungan atau apa-apa kontrak insurans bertulis sama ada atau tidak terkandung dalam atau didalilkan oleh suatu surat cara dalam bentuk polisi insurans; dan apa-apa sebutan mengenai polisi penanggung insurans termasuklah sebutan mengenai mana-mana polisi yang berkenaan dengannya penanggung insurans itu mempunyai apa-apa liabiliti, sama ada atau tidak polisi itu dikeluarkan oleh penanggung insurans itu atau liabiliti itu dipindahkan kepada penanggung insurans itu daripada penanggung insurans yang lain;

“pemunya polisi” ertinya mana-mana orang yang mengambil sesuatu polisi;

“perniagaan insurans semula” ertinya suatu perniagaan yang dengannya penanggung insurans semula menanggung sebahagian daripada liabiliti di bawah kontrak insurans asal penanggung insurans yang lain atau penanggung insurans semula yang lain;

“penanggung insurans semula” ertinya seseorang yang menjalankan atau mengurusniagakan atau mengemukakan dirinya sebagai sedang menjalankan atau mengurusniagakan perniagaan insurans semula;

“dana kerja” ertinya—

- (a) berhubungan dengan syarikat Labuan, modal berbayar yang tidak tercatat oleh kerugian; dan
- (b) berhubungan dengan syarikat Labuan asing atau cawangan penanggung insurans Malaysia, lebih aset berbanding liabiliti yang hendaklah dikekalkan dalam buku pejabatnya di Labuan.

(2) Jika lima belas peratus syer mengundi atau lebih sesuatu perbadanan dipegang oleh suatu perbadanan yang lain, perbadanan yang mula-mula disebut itu hendaklah disifatkan sebagai perbadanan sekutu bagi perbadanan yang satu lagi itu, dan apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai “perbadanan sekutu” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perbadanan yang mula-mula disebut itu atau perbadanan yang satu lagi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

PENGGAL 2

PELESENAN PERNIAGAAN INSURANS LABUAN DAN AKTIVITI BERKAITAN INSURANS LABUAN

Pelesenan perniagaan insurans Labuan dan aktiviti berkaitan insurans Labuan

102. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengurusniagakan atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan atau mengurusniagakan apa-apa perniagaan insurans Labuan melainkan jika orang itu ialah—

- (a) syarikat Labuan;
- (b) syarikat Labuan asing; atau
- (c) cawangan suatu penanggung insurans Malaysia,

dan memegang lesen insurans yang sah.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan atau mengurusniagakan atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan atau mengurusniagakan apa-apa perniagaan sebagai pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan atau broker insurans Labuan atau mana-mana aktiviti berkaitan insurans Labuan yang lain melainkan jika orang itu memegang lesen insurans yang sah.

(3) Kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Lembaga terlebih dahulu, seseorang yang bukan pemegang lesen insurans tidak boleh memakai atau menggunakan perkataan “penanggung insurans Labuan”, “pengurus insurans Labuan”, “pengurus pengunderaitan Labuan”, “broker insurans Labuan” atau apa-apa terbitan daripada perkataan itu dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan orang itu menjalankan perniagaan insurans Labuan atau aktiviti berkaitan insurans Labuan.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi pemegang lesen bank sebagaimana yang ditakrifkan dalam Bahagian VI, yang mengagihkan produk insurans bagi penanggung insurans Labuan tertakluk kepada kelulusan bertulis daripada Lembaga terlebih dahulu.

Permohonan bagi lesen insurans untuk menjalankan perniagaan insurans Labuan

103. (1) Tiap-tiap pemohon bagi lesen insurans untuk menjalankan perniagaan insurans Labuan hendaklah memuaskan hati Menteri bahawa—

(a) pemohon ialah, atau akan menjadi, suatu syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia;

(b) dana kerja pemohon—

(i) dalam hal apabila pemohon bercadang untuk menjalankan sama ada perniagaan insurans nyawa atau perniagaan insurans am, adalah sekurang-kurangnya tujuh juta lima ratus ribu ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

- (ii) dalam hal apabila pemohon bercadang untuk menjalankan perniagaan insurans semula semata-mata, adalah sekurang-kurangnya sepuluh juta ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga; atau
 - (iii) dalam hal apabila pemohon bercadang untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif Labuan semata-mata, adalah sekurang-kurangnya tiga ratus ribu ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
- (c) jumlah wang yang ditentukan dalam perenggan (b) tersimpan dalam akaun pemohon itu dengan suatu bank di Labuan, sebagaimana yang dibuktikan dengan perakuan bank itu, pada masa permohonan itu dibuat;
- (d) orang yang mengawal, pengarah dan pegawai prinsipal pemohon ialah orang yang layak dan sesuai untuk mempunyai kaitan dengan penanggung insurans Labuan;
- (e) pemohon sama ada—
- (i) telah mewujudkan, atau akan mewujudkan, pengurusannya di Labuan dengan pengetahuan dan kepakaran yang mencukupi tentang perniagaan insurans Labuan yang hendak dijalankan; atau
 - (ii) telah melantik, atau akan melantik, seorang pengurus pengunderaitan Labuan atau pengurus insurans Labuan berlesen di Labuan dengan pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi tentang perniagaan insurans Labuan yang hendak dijalankan, kecuali berkenaan dengan pemohon yang memohon untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif Labuan, hanya seorang pengurus pengunderaitan Labuan sahaja boleh dilantik; dan
- (f) pemohon akan menjadi anggota persatuan penanggung insurans Labuan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(b), Lembaga boleh, setelah mengambil kira takat dan banyaknya perniagaan insurans Labuan yang dicadangkan hendak dijalankan oleh pemohon, menentukan amaun dana kerja yang lebih rendah, tertakluk kepada pemohon memberikan jaminan yang mencukupi atas apa-apa terma dan syarat yang boleh diterima oleh Lembaga bagi perbezaan amaun itu.

(3) Tiap-tiap permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan insurans Labuan hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Lembaga;
- (b) menyatakan sama ada perniagaan insurans Labuan itu adalah berhubungan dengan perniagaan insurans nyawa atau perniagaan insurans am;
- (c) menyatakan jenis perniagaan insurans Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang hendak dijalankan di bawah lesen insurans; dan
- (d) menyatakan perancangan perniagaan pemohon; dan
- (e) disertai dengan—
 - (i) suatu salinan—
 - (aa) dokumen konstituen pemohon yang disahkan dengan sewajarnya oleh pengarah atau pegawai pemohon;
 - (bb) ketetapan lembaga dan mesyuarat agung pemohon, jika ada, yang disahkan dengan sewajarnya oleh pengarah atau pegawai pemohon, yang memberi kuasa pemohon untuk memohon suatu lesen insurans;
 - (cc) perakuan pemerbadanan atau pendaftaran pemohon, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diperakui oleh pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan di tempat penubuhan atau asal pemohon; dan
 - (dd) kecuali berhubungan dengan suatu permohonan untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif Labuan, suatu surat kesedaran daripada pihak berkuasa penyeliaan negara asal pemohon atau apa-apa pihak berkuasa yang ditentukan oleh Lembaga;

- (ii) suatu salinan akaun tahunan pemohon yang telah diaudit bagi tiga tahun berturut-turut sebaik sebelum permohonan itu, jika berkenaan;
- (iii) suatu pernyataan mengenai—
 - (aa) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon;
 - (bb) nama, alamat, kelayakan dan pengalaman pengarah dan pegawai yang bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan hal ehwal pemohon; dan
 - (cc) nama dan alamat setiap anggota yang memegang lima belas peratus syer mengundi pemohon atau lebih;
- (iv) suatu perisytiharan oleh pemohon mengenai kejujuran pengarah dan pegawai pemohon yang akan terlibat dengan pengurusan penanggung insurans Labuan yang dicadangkan itu; dan
- (v) dalam hal sesuatu permohonan oleh suatu syarikat Labuan, suatu jaminan yang didapatkan dan suatu aku janji yang diberikan, dan dalam hal permohonan oleh suatu syarikat Labuan asing atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia, suatu aku janji yang diberikan, oleh pemohon berkenaan dengan perniagaan insurans Labuannya, mengikut apa-apa cara dan apa-apa bentuk yang boleh diterima oleh Lembaga, dan jaminan serta aku janji itu hendaklah membuat peruntukan, antara lain, bahawa—
 - (aa) pemohon hendaklah mematuhi obligasi kewangan dan kehendak yang dikenakan di bawah Akta ini dan hendaklah menjelaskan liabiliti pemohon berkenaan dengan perniagaan insurans Labuannya;
 - (bb) jika pemohon ialah suatu syarikat Labuan, tiada peserta pemohon yang memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon atau lebih boleh ditukar tanpa mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga dan, jika pemohon ialah suatu syarikat Labuan asing, bahawa ia akan

dengan segera memberitahu Lembaga tentang apa-apa pertukaran pesertanya yang memegang sepuluh peratus modal berbayarnya atau lebih; dan

(cc) tiap-tiap pengarah atau pegawai prinsipal pemohon yang bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan insurans Labuannya hendaklah orang yang layak dan sesuai dan pelantikan pengarah atau pegawai prinsipal itu akan hanya dibuat selepas berunding dengan Lembaga.

(4) Perenggan (3)(e)(v) tidaklah terpakai bagi permohonan untuk menjalankan perniagaan insurans kaptif Labuan jika pemunya polisi ialah perbadanan berkaitan atau perbadanan sekutu penanggung insurans itu.

(5) Lembaga boleh menghendaki daripada pemohon apa-apa maklumat atau dokumen lain yang ditentukan oleh Lembaga bagi maksud menentukan permohonan itu.

(6) Perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (5) boleh berbeza antara pemohon, atau kelas, kategori atau perihalan pemohon yang berlainan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh dibuat berhubung dengan seseorang yang belum lagi ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 tetapi akan ditubuhkan sedemikian sekiranya orang itu mendapat lesen insurans, dan sekiranya sedemikian kehendak subseksyen (1) boleh diubah oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkan sesuai.

Permohonan bagi lesen insurans untuk menjalankan aktiviti berkaitan insurans Labuan

104. (1) Tiap-tiap pemohon bagi lesen insurans untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan atau broker insurans Labuan hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa—

(a) orang yang mengawal, pengarah dan pegawai prinsipal pemohon ialah orang yang layak dan sesuai;

- (b) pemohon berupaya mengekalkan wang yang cukup dalam perniagaannya untuk menampung perbelanjaan operasi dan pengurusannya di Labuan selama sekurang-kurangnya enam bulan;
- (c) berkenaan dengan pemohon bagi lesen insurans untuk menjalankan perniagaan pengurus insurans Labuan atau pengurus pengunderaitan Labuan—
 - (i) pemohon itu telah mewujudkan, atau mengaku janji akan mewujudkan, pengurusannya di Labuan dengan pengetahuan dan kepakaran yang mencukupi tentang perniagaan insurans Labuan yang hendak dijalankan; atau
 - (ii) pemohon telah melantik, atau mengaku janji akan melantik, seorang pengurus insurans Labuan atau pengurus pengunderaitan Labuan berlesen di Labuan dengan pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi tentang perniagaan insurans Labuan yang hendak dijalankan;
- (d) berkenaan dengan pemohon bagi lesen insurans untuk menjalankan perniagaan broker insurans Labuan—
 - (i) pemohon telah mewujudkan, atau mengaku janji akan mewujudkan, pengurusannya di Labuan dengan pengetahuan dan kepakaran yang mencukupi tentang perniagaan insurans Labuan yang hendak dijalankan; atau
 - (ii) pemohon telah melantik, atau mengaku janji akan melantik, seorang pengurus insurans Labuan berlesen di Labuan dengan pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi tentang perniagaan insurans Labuan yang hendak dijalankan;
- (e) pemohon sama ada telah mendapatkan atau mengaku janji akan mendapatkan apa-apa polisi insurans tanggung rugi profesional yang tidak kurang daripada dua juta lima ratus ribu ringgit atau yang setara dengannya dalam apa-apa mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang lain yang ditentukan oleh Lembaga, dan terus ditanggung rugi di bawah polisi itu sepanjang operasinya di Labuan;

- (f) pemohon memegang apa-apa kelayakan yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (g) pemohon mengaku janji akan menjadi anggota persatuan penanggung insurans Labuan.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan atau broker insurans Labuan hendaklah—

- (a) dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Lembaga;
- (b) menyatakan jenis perniagaan yang hendak dijalankan di bawah lesen insurans itu; dan
- (c) disertai dengan—
 - (i) suatu salinan—
 - (aa) dokumen konstituen pemohon yang disahkan dengan sewajarnya oleh pengarah atau pegawai pemohon;
 - (bb) ketetapan lembaga dan mesyuarat agung pemohon, jika ada, yang disahkan dengan sewajarnya oleh pengarah atau pegawai pemohon, yang memberi kuasa pemohon untuk memohon suatu lesen insurans;
 - (cc) perakuan pemerbadanan atau pendaftaran pemohon, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diperakui oleh pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan di tempat penubuhan atau asal pemohon; dan
 - (dd) suatu surat kesedaran daripada pihak berkuasa penyeliaan negara asal pemohon atau apa-apa pihak berkuasa yang ditentukan oleh Lembaga;
 - (ii) suatu salinan akaun tahunan pemohon yang telah diaudit bagi tiga tahun berturut-turut sebaik sebelum permohonan itu, jika berkenaan;

- (iii) suatu pernyataan mengenai—
 - (aa) nama, tempat dan tarikh penubuhan pemohon;
 - (bb) nama, alamat, kelayakan dan pengalaman pengarah dan pegawai yang bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan hal ehwal pemohon; dan
 - (cc) nama dan alamat setiap anggota yang memegang lima belas peratus syer mengundi pemohon atau lebih;
- (iv) suatu perisytiharan oleh pemohon mengenai kejujuran pengarah dan pegawai pemohon yang akan terlibat dalam pengurusan pengurus insurans Labuan yang dicadangkan, pengurus pengunderaitan Labuan yang dicadangkan atau broker insurans Labuan yang dicadangkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (v) dalam hal sesuatu permohonan oleh suatu syarikat Labuan, suatu jaminan yang didapatkan dan suatu aku janji yang diberikan, dan, dalam hal permohonan oleh suatu syarikat Labuan asing atau cawangan suatu penanggung insurans Malaysia, suatu aku janji yang diberikan, oleh pemohon berkenaan dengan perniagaan pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan atau broker insurans Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut apa-apa cara dan apa-apa bentuk yang boleh diterima oleh Lembaga, dan jaminan serta aku janji itu hendaklah membuat peruntukan, antara lain, bahawa—
 - (aa) pemohon akan mematuhi obligasi kewangan dan kehendak yang dikenakan di bawah Akta ini dan akan menjelaskan liabiliti pemohon berkenaan dengan perniagaan pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan atau broker insurans Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (bb) jika pemohon ialah suatu syarikat Labuan, tiada peserta pemohon yang memegang sepuluh peratus modal berbayar pemohon

atau lebih boleh ditukar tanpa mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga dan, jika pemohon ialah suatu syarikat Labuan asing, bahawa ia akan dengan segera memberitahu Lembaga tentang apa-apa pertukaran pesertanya yang memegang sepuluh peratus modal berbayarnya atau lebih; dan

(cc) tiap-tiap pengarah atau pegawai prinsipal pemohon yang bertanggungjawab bagi pengurusan perniagaan pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan atau broker insurans Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah orang yang layak dan sesuai dan pelantikan pengarah atau pegawai prinsipal itu akan hanya dibuat selepas berunding dengan Lembaga.

(3) Lembaga boleh menghendaki daripada pemohon apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga bagi maksud menentukan permohonan itu.

(4) Perkara-perkara yang ditentukan di bawah subseksyen (3) boleh berbeza antara pemohon, atau kelas, kategori atau perihalan pemohon yang berlainan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Pemberian lesen insurans

105. (1) Apabila diterima permohonan bagi lesen insurans, Lembaga boleh meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat, atau menolak permohonan itu.

(2) Jika Lembaga menolak permohonan itu, Lembaga hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai penolakan itu.

(3) Jika Lembaga meluluskan lesen insurans itu di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah mengeluarkan lesen insurans kepada pemohon.

(4) Lembaga boleh menentukan jenis aktiviti yang boleh dijalankan oleh pemegang lesen insurans dalam lesen insurans itu.

(5) Seorang pemohon yang terkilan dengan keputusan Lembaga di bawah subseksyen (1) untuk menolak permohonannya, boleh dalam tempoh tiga puluh hari selepas keputusan itu diberitahu kepadanya, merayu kepada Menteri secara bertulis.

(6) Pemegang lesen insurans hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan di bawah lesen yang diberikan di bawah subseksyen (1) selama tempoh lesen itu berkuat kuasa.

(7) Lesen yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga lesen itu diserahkan balik atau dibatalkan mengikut Akta ini.

(8) Lembaga boleh, selepas berunding dengan Menteri, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen insurans itu mengubah terma dan syarat yang sedia ada atau mengenakan apa-apa terma dan syarat tambahan, berkenaan dengan suatu lesen insurans, dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penyiaran senarai semua pemegang lesen insurans

106. Lembaga hendaklah menyiarkan pada tiap-tiap tahun tidak lewat daripada 31 Mac setiap tahun suatu senarai semua pemegang lesen insurans yang sedia ada pada 31 Disember tahun yang sebelumnya dan nombor lesen mereka dalam *Warta*, dan jika apa-apa lesen dikeluarkan, dibatalkan atau diserahkan balik, selepas penyiaran itu, Lembaga hendaklah menyebabkan suatu senarai yang telah diubah mengenai semua pemegang lesen insurans yang sedia ada dan nombor lesen mereka disiarkan dalam *Warta* dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

Penerusan kehendak pelesenan

107. (1) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan yang merupakan suatu syarikat Labuan hendaklah sebelum membuat apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana dokumen konstituennya, atau sebelum apa-apa pertukaran orang yang mengawal, pengarah atau pegawai prinsipalnya, memberikan butir-butir secara bertulis kepada Lembaga mengenai pindaan, perubahan atau pertukaran yang dicadangkan itu, untuk kelulusan Lembaga.

(2) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan yang merupakan suatu syarikat Labuan asing hendaklah, sebelum membuat apa-apa pertukaran pegawai prinsipalnya, memberikan butir-butir secara bertulis kepada Lembaga mengenai apa-apa pertukaran yang dicadangkan itu untuk kelulusan Lembaga.

(3) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan yang merupakan suatu syarikat Labuan asing atau suatu cawangan penanggung insurans Malaysia hendaklah memberitahu secara bertulis dalam tempoh tiga bulan selepas membuat apa-apa pindaan atau perubahan kepada mana-mana dokumen konstituennya, atau apa-apa pertukaran orang yang mengawal atau pengarahnya dan memberikan butir-butir bertulis kepada Lembaga mengenai pindaan, perubahan atau pertukaran itu yang disahkan dengan sewajarnya oleh seorang pengarah penanggung insurans Labuan itu mengikut cara yang boleh diterima oleh Lembaga.

(4) Tiap-tiap pemegang lesen insurans hendaklah dengan sertamerta memberitahu Lembaga mengenai apa-apa pindaan atau perubahan kepada apa-apa maklumat yang telah diberikan kepada Lembaga berkaitan dengan permohonan bagi lesen insurans itu.

(5) Tiada penanggung insurans Labuan boleh membuat apa-apa pindaan atau perubahan kepada dokumen konstituennya yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis.

(6) Jika penanggung insurans Labuan itu ialah suatu syarikat Labuan, tiada peserta penanggung insurans Labuan itu yang memegang lima belas peratus modal berbayar pemohon atau lebih boleh ditukar tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga dan, jika penanggung insurans Labuan itu ialah suatu syarikat Labuan asing, penanggung insurans itu hendaklah dengan segera memberitahu Lembaga mengenai apa-apa pertukaran pesertanya yang memegang lima belas peratus modal berbayarnya atau lebih.

PENGGAL 3

KEHENDAK KEWANGAN DAN KEWAJIPAN DAN SEKATAN TERHADAP PEMEGANG LESEN INSURANS

Pelantikan aktuari

108. Tiap-tiap penanggung insurans Labuan yang menjalankan perniagaan insurans nyawa hendaklah melantik seorang aktuari tiap-tiap tahun dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

Margin kesolvenan

109. Tiap-tiap penanggung insurans Labuan, termasuk seorang pemegang lesen insurans yang menjalankan perniagaan insurans kaptif Labuan, hendaklah memastikan bahawa nilai boleh terhasil asetnya melebihi amaun liabilitinya dengan suatu margin dalam suatu amaun atau yang dikira mengikut apa-apa cara yang ditentukan secara bertulis oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Akaun berasingan hendaklah disimpan oleh penanggung insurans Labuan

110. (1) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan hendaklah menyimpan akaun dan wang berkenaan dengan perniagaan insurans Labuannya berasingan daripada wangnya yang lain.

(2) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan yang menjalankan kedua-dua perniagaan insurans nyawa dan perniagaan insurans am hendaklah menyimpan akaun dan wang yang berkenaan dengan perniagaan insurans nyawanya berasingan daripada akaun dan wang yang berkenaan dengan perniagaan insurans amnya.

(3) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan yang merupakan suatu cawangan penanggung insurans Malaysia hendaklah menyimpan akaun berkenaan dengan perniagaan insurans Labuannya berasingan daripada akaun yang berkenaan dengan perniagaan insurans domestiknya yang dijalankan di Labuan.

Pengemukaan penyata kewangan

111. Tiap-tiap penanggung insurans Labuan hendaklah mematuhi kehendak yang berkenaan dengan pengemukaan penyata kewangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Subsidiari dan pejabat pemegang lesen insurans

112. Pemegang lesen insurans yang merupakan suatu syarikat Labuan boleh, tertakluk kepada persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga, membuka apa-apa pejabat selain tempat perniagaan utamanya di Labuan, atau memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari.

Sekatan terhadap perniagaan oleh penanggung insurans Labuan

113. (1) Tiada penanggung insurans Labuan boleh menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan di Labuan atau di tempat lain dari pejabatnya di Labuan selain perniagaan insurans Labuannya atau aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan atau bagi maksud perniagaan insurans Labuan sedemikian.

(2) Walau apa pun takrif “perniagaan insurans Labuan” dan walau apa pun subseksyen (1), sesuatu penanggung insurans Labuan boleh menjalankan insurans semula perniagaan insurans domestik, termasuk insurans semula perniagaan insurans domestik yang diurusniagakan dalam mata wang Malaysia dan apa-apa perniagaan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Tiada penanggung insurans Labuan boleh bertindak bagi pihak penanggung insurans Labuan yang lain sebagai pengurus insurans Labuan atau pengurus pengunderaitan Labuan melainkan jika penanggung insurans yang mula-mula disebut itu telah diberi suatu lesen insurans untuk menjalankan perniagaan sebagai pengurus insurans Labuan atau pengurus pengunderaitan Labuan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sekatan terhadap dan kewajipan pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan dan broker insurans Labuan

114. (1) Tiada pengurus insurans Labuan berlesen boleh memberikan apa-apa khidmat selain khidmat pentadbiran dan tiada pengurus pengunderaitan Labuan berlesen boleh memberikan apa-apa khidmat selain khidmat pengunderaitan.

(2) Tiada pengurus pengunderaitan Labuan berlesen boleh memberikan khidmat pengunderaitan dalam atau dari Labuan kepada mana-mana orang yang tidak dilesenkan di bawah Akta ini atau kepada mana-mana perniagaan yang dijalankan oleh penanggung insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1996 atau oleh pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984.

(3) Tiada broker insurans Labuan berlesen boleh bertindak sebagai broker berkenaan dengan perniagaan insurans domestik, tetapi broker insurans Labuan berlesen boleh mengendalikan insurans semula perniagaan insurans domestik, termasuk insurans semula perniagaan insurans domestik yang diurusniagakan dalam mata wang Malaysia.

(4) Tiap-tiap pengurus insurans Labuan berlesen atau pengurus pengunderaitan Labuan berlesen yang bertindak bagi pihak penanggung insurans Labuan hendaklah menyenggarakan wangnya berasingan daripada wang penanggung insurans Labuan itu dan tidak boleh menggunakan wang penanggung insurans Labuan itu untuk menjelaskan apa-apa perbelanjaan atau liabilitinya selain berkenaan dengan perniagaan insurans Labuan itu.

Senarai penanggung insurans Labuan hendaklah diberikan oleh pengurus insurans Labuan dan pengurus pengunderaitan Labuan

115. Tiap-tiap pengurus insurans Labuan berlesen dan pengurus pengunderaitan Labuan berlesen hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari berakhirnya tahun kewangannya, mengemukakan kepada Lembaga, mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Lembaga, suatu senarai semua penanggung insurans Labuan yang diberi khidmat pentadbiran oleh pengurus insurans Labuan berlesen itu atau khidmat pengunderaitan oleh pengurus pengunderaitan Labuan berlesen itu.

Penjalanan perniagaan

- 116.** (1) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan hendaklah—
- (a) menjalankan perniagaannya dengan usaha wajar dan cermat mengikut prinsip insurans yang baik;
 - (b) mengikut standard perakaunan antarabangsa yang diterima umum atau apa-apa standard lain yang diluluskan oleh Lembaga;
 - (c) mendaftarkan semua aset atas namanya, atau atas nama penjaga atau penama bagi penanggung insurans Labuan jika aset diperoleh atas nama penjaga atau penama itu, dan dalam hal syer pembawa, memegang syer pembawa itu dalam jagaan selamat; dan

- (d) menunjukkan dengan jelas pada kepala suratnya, alat tulis dan dokumen lain yang mengandungi namanya bahawa penanggung insurans itu dilesenkan di bawah Akta ini, berserta dengan nombor lesen insuransnya.

(2) Tiada penanggung insurans Labuan boleh mengiklankan atau menyiarkan, dalam apa-apa bentuk, maklumat yang tidak benar atau yang mungkin mengelirukan seorang lain berhubung dengan undang-undang bertulis yang terpakai bagi penanggung insurans Labuan dan perniagaan dan aktiviti berkaitannya atau status kewangan penanggung insurans Labuan itu atau pelan insurans atau insurans semula atau apa-apa perkara lain berkenaan dengan perniagaan insurans Labuannya.

(3) Perenggan (1)(a) dan (d) dan subseksyen (2) hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu bagi pengurus insurans Labuan berlesen, pengurus pengunderaitan Labuan berlesen dan broker insurans Labuan berlesen.

PENGGAL 4

PEMBAYARAN WANG POLISI DI BAWAH POLISI NYAWA DAN POLISI KEMALANGAN DIRI

Pemakaian Penggal ini

117. Dalam Penggal ini, sebutan mengenai polisi ialah suatu sebutan mengenai polisi nyawa, termasuk polisi nyawa di bawah seksyen 23 Akta Undang-Undang Sivil 1956 [*Akta 67*], dan suatu polisi kemalangan diri yang diambil oleh pemunya polisi atas nyawanya sendiri yang memperuntukkan pembayaran wang polisi apabila dia mati.

Kuasa untuk membuat penamaan

118. (1) Seseorang pemunya polisi yang telah mencapai umur lapan belas tahun boleh menamakan seorang yang benar untuk menerima wang polisi yang kena dibayar apabila dia mati di bawah polisi itu dengan memberitahu penanggung insurans Labuan itu secara bertulis mengenai nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor perakuan kelahiran dan alamat penama pada masa polisi itu dikeluarkan.

(2) Jika suatu penamaan dibuat selepas polisi itu dikeluarkan, pemunya polisi hendaklah mengemukakan polisi itu berserta dengan butir-butir mengenai penama yang disebut dalam subseksyen (1) bagi pengendorsan penanggung insurans Labuan itu mengenai penamaan atas polisi itu.

(3) Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disaksikan oleh seseorang yang sempurna akal yang telah mencapai umur lapan belas tahun dan bukan seorang penama yang dinamakan di bawah subseksyen itu.

(4) Penanggung insurans Labuan—

(a) hendaklah memaparkan dengan jelas dalam borang penamaan suatu notis bahawa pemunya polisi hendaklah menyerahkan faedah polisi itu kepada penamanya jika niatnya ialah supaya penamanya, selain suami atau isterinya, anaknya atau ibu atau bapanya, menerima faedah polisi itu secara benefisial dan tidak sebagai wasi;

(b) hendaklah merekodkan penamaan itu dan butir-butir penama dalam daftar polisinya; dan

(c) hendaklah mendaftarkan dalam daftar polisinya penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan penamaan itu hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh penamaan itu didaftarkan.

(5) Kegagalan untuk mematuhi subseksyen (4) akan menjejaskan kesahan penamaan itu melainkan jika dibuktikan selainnya bahawa pemberitahuan yang perlu mengenai penamaan itu telah dibuat oleh pemunya polisi dan diberikan kepada penanggung insurans Labuan untuk pengendorsan pada polisi itu.

(6) Sesuatu penamaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh dibuat bagi faedah seseorang atau beberapa orang dan jika orang yang dinamakan itu lebih daripada seorang, pemunya polisi boleh mengarahkan supaya bahagian yang ditentukan dibayar kepada orang yang dinamakan dan dalam ketiadaan arahan daripada pemunya polisi, penanggung insurans Labuan hendaklah membayar bahagian yang sama banyak kepada orang itu.

Pembatalan penamaan

119. (1) Sesuatu penamaan, termasuk sesuatu penamaan yang baginya seksyen 121 terpakai, hendaklah dibatalkan—

- (a) apabila penama mati, atau jika terdapat lebih daripada seorang penama, apabila kesemua penama mati, semasa hayat pemunya polisi;
- (b) melalui suatu notis bertulis yang diberikan oleh pemunya polisi; atau
- (c) dengan apa-apa penamaan terkemudian.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), sesuatu penamaan tidak boleh dibatalkan melalui wasiat atau melalui apa-apa tindakan, kejadian atau cara lain.

(3) Jika terdapat lebih daripada satu penama dan salah satu penama itu mati terdahulu daripada pemunya polisi, jika tiada apa-apa penamaan terkemudian oleh pemunya polisi bagi melupuskan bahagian penama yang mati itu, penanggung insurans Labuan itu hendaklah membayar bahagian penama yang mati itu kepada penama yang masih hidup mengikut nisbah bahagian mereka masing-masing.

Pembayaran wang polisi

120. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seseorang pemunya polisi mati setelah membuat suatu penamaan, penanggung insurans Labuan hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu mengikut arahan penamaan itu apabila diterima suatu tuntutan daripada penama dan tuntutan itu disertakan dengan bukti kematian pemunya polisi.

(2) Jika seseorang penama tidak menuntut wang polisi dalam tempoh dua bulan selepas penanggung insurans Labuan menyedari tentang kematian pemunya polisi, penanggung insurans Labuan itu hendaklah memberitahu penama secara bertulis di alamatnya yang terakhir diketahui mengenai haknya untuk menuntut wang polisi itu.

(3) Jika seseorang penama tidak menuntut wang polisi dalam tempoh dua belas bulan selepas pemberitahuan di bawah subseksyen (2), seksyen 124 hendaklah terpakai seolah-olah tiada penamaan telah dibuat.

(4) Jika seseorang penama, selain penama di bawah seksyen 121, mati selepas kematian pemunya polisi tetapi sebelum apa-apa wang polisi telah dibayar kepadanya sebagai penama, seksyen 119 atau seksyen 124 hendaklah terpakai bagi polisi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemegang amanah bagi wang polisi

121. (1) Sesuatu penamaan oleh pemunya polisi, selain pemunya polisi yang beragama Islam, hendaklah mewujudkan suatu amanah bagi faedah penama wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi, jika—

- (a) penama ialah suami atau isteri atau anaknya; atau
- (b) apabila tidak ada suami atau isteri atau anak yang masih hidup pada masa penamaan itu, penama ialah ibu atau bapanya.

(2) Sesuatu pembayaran di bawah subseksyen (1) tidaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang mati atau tertakluk kepada hutangnya.

(3) Pemunya polisi, melalui polisi itu, atau melalui suatu notis bertulis kepada penanggung insurans Labuan, boleh melantik pemegang amanah bagi wang polisi itu dan jika tidak ada pemegang amanah—

- (a) penama yang berwibawa untuk berkontrak; atau
- (b) jika penama tidak berwibawa untuk berkontrak, ibu atau bapa penama yang tidak berwibawa itu dan jika tidak ada ibu atau bapa yang masih hidup, Pemegang Amanah Raya,

hendaklah menjadi pemegang amanah bagi wang polisi itu dan penerimaan seseorang pemegang amanah hendaklah menjadi pelepasan kepada penanggung insurans Labuan bagi segala liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang telah dibayar kepada pemegang amanah itu.

(4) Seseorang pemunya polisi tidak boleh membuat urusan mengenai sesuatu polisi yang baginya subseksyen (1) terpakai dengan membatalkan sesuatu penamaan di bawah polisi itu, dengan mengubah atau menyerahkan balik polisi itu, atau dengan menyerahkan atau menyandarkan polisi itu sebagai cagaran, tanpa persetujuan bertulis pemegang amanah.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan seseorang pemiutang pemunya polisi daripada memohon kepada mahkamah untuk suatu perisytiharan bahawa seksyen ini, keseluruhannya atau sebahagiannya, tidak terpakai bagi mana-mana polisi tertentu atas alasan bahawa premium di bawah polisi itu telah dibayar untuk menipu pemiutang itu.

Penama selain penama di bawah seksyen 121

122. (1) Seseorang penama, selain penama di bawah seksyen 121, hendaklah menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi itu sebagai wasi dan tidak semata-mata sebagai benefisiari dan apa-apa pembayaran kepada penama hendaklah menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemunya polisi yang telah mati dan tertakluk kepada hutangnya dan penanggung insurans Labuan hendaklah dilepaskan daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang dibayar.

(2) Subseksyen (1) terpakai bagi penama pemunya polisi yang beragama Islam yang, apabila menerima wang polisi itu, hendaklah membahagikan wang polisi itu mengikut prinsip syariah.

Wang polisi yang diserahkan atau disandarkan

123. (1) Walaupun terdapat penamaan di bawah seksyen 118 atau pewujudan suatu amanah di bawah subseksyen 121(1), jika wang polisi itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, telah disandarkan sebagai cagaran atau diserahkan kepada seseorang, tuntutan orang yang berhak di bawah cagaran itu atau penerima serah hak itu hendaklah diberi keutamaan mengatasi tuntutan penama itu dan, tertakluk kepada pemeliharaan hak di bawah cagaran atau serah hak itu, penanggung insurans Labuan hendaklah membayar baki wang polisi kepada penama itu.

(2) Jika terdapat lebih daripada seorang yang berhak di bawah cagaran atau serah hak itu, hak orang yang berhak di bawah cagaran atau serah hak itu masing-masing hendaklah mengikut

susunan keutamaan yang menurut keutamaan tarikh cagaran atau serah hak itu diwujudkan, dengan kedua-dua cagaran dan serah hak itu dikira sebagai satu kelas bagi maksud ini.

Pembayaran wang polisi jika tidak ada penamaan

124. (1) Jika pemunya polisi sesuatu polisi mati tanpa membuat sesuatu penamaan, tertakluk kepada seksyen 123, penanggung insurans Labuan hendaklah membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu kepada pemohon yang mengemukakan Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), penanggung insurans Labuan boleh membayar kepada suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa pemunya polisi mengikut susunan keutamaan itu dan jika terdapat lebih daripada seorang isteri, anak atau ibu atau bapa, dalam bahagian yang sama kepada setiap orang dalam kelas itu dan jika tiada suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa dan—

- (a) jika wang polisi tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau nilai yang setara dengannya dalam mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang lain yang lebih banyak sebagaimana yang ditentukan, penanggung insurans Labuan boleh membayar semua wang polisi itu tanpa menghendaki Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian—
 - (i) kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans Labuan sebagai berhak dan berkemungkinan akan diberi Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian; atau
 - (ii) kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans Labuan sebagai berhak secara benefisial kepada harta pusaka pemunya polisi yang telah mati itu; atau
- (b) jika wang polisi itu adalah lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau nilai yang setara dengannya dalam mata wang asing, atau apa-apa amaun atau jenis mata wang lain yang lebih banyak sebagaimana yang ditentukan, penanggung insurans Labuan boleh membayar kepada orang yang disebut dalam subperenggan (a)(i) atau (ii) amaun yang disebut dalam perenggan itu dan tertakluk kepada subseksyen (6), membayar kepada orang itu baki wang polisi itu apabila Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian dikemukakan.

(3) Dalam seksyen ini, sebutan mengenai wang polisi ialah sebutan mengenai amaun agregat wang polisi berkenaan dengan semua polisi pemunya polisi dengan penanggung insurans Labuan itu jika tidak ada penamaan.

(4) Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian yang diberikan atau yang mempunyai kuat kuasa seolah-olah telah diberikan, berkenaan dengan harta pusaka diri yang meliputi wang polisi itu, oleh mahkamah di Malaysia atau suatu pihak berkuasa yang berwibawa di luar Malaysia, atau salinan terperakunya hendaklah menjadi bukti yang mencukupi kepada penanggung insurans Labuan itu untuk membayar wang polisi itu kepada orang yang kepadanya pemberian itu dibuat.

(5) Penanggung insurans Labuan boleh menerima Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian atau apa-apa dokumen lain yang mempunyai kuat kuasa yang sama, yang diberikan oleh suatu mahkamah di Malaysia atau suatu pihak berkuasa yang berwibawa di luar Malaysia, sebagai bukti yang mencukupi untuk membayar wang polisi pemunya polisi yang mati itu kepada orang yang kepadanya pemberian itu telah dibuat, dengan syarat bahawa Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian atau dokumen lain yang mempunyai kuat kuasa yang sama itu telah didaftarkan dengan sewajarnya di mahkamah di Malaysia dan dimeteraikan mengikut Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [*Akta 97*].

(6) Jika, setelah tamat tempoh dua belas bulan selepas pembayaran di bawah perenggan (2)(b) dibuat oleh seseorang penanggung insurans Labuan, baki wang polisi itu masih kena dibayar dan tiada tuntutan telah dibuat oleh seseorang yang memegang Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian, penanggung insurans Labuan hendaklah membayar baki wang polisi itu kepada orang yang menerima pembayaran mula-mula wang polisi itu.

(7) Wang polisi yang dibayar di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan telah dibayar sewajarnya dan penanggung insurans Labuan hendaklah dilepaskan daripada liabiliti berkenaan dengan wang polisi yang telah dibayar sedemikian walaupun tidak ada atau terdapat ketidaksahan, atau apa-apa kecacatan dalam, Pemberian Probet atau Surat Kuasa Pentadbiran atau Perintah Pembahagian atau apa-apa dokumen lain yang mempunyai kuat kuasa yang sama.

(8) Seseorang yang kepadanya suatu pembayaran boleh dibuat di bawah seksyen ini hendaklah memberikan suatu resit yang hendaklah disifatkan sebagai resit yang sah.

Pembayaran kepada orang yang tidak berwibawa untuk berkontrak

125. Jika seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun, atau yang diperakui oleh seorang pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam sebagai tidak sempurna akal dan tiada jawatankuasa harta pusaknya telah dilantik, atau menjadi tidak berupaya, oleh sebab kelemahan akal atau tubuh, untuk menguruskan dirinya dan harta serta hal ehwalnya, penanggung insurans Labuan—

(a) dalam hal seorang penama di bawah subseksyen 121(1)—

(i) jika wang polisi itu ialah sepuluh ribu ringgit atau nilai yang setara dengannya dalam mata wang asing atau kurang daripada itu atau apa-apa amaun atau jenis mata wang lain sebagaimana yang ditentukan, boleh membayar kepada seseorang yang memuaskan hati penanggung insurans Labuan bahawa dia akan menggunakan wang polisi itu untuk saraan dan faedah penama di bawah subseksyen 121(1), atau seseorang yang kepadanya wang polisi kena dibayar di bawah subseksyen 124(2) atau (6), tertakluk kepada pelaksanaan aku janji oleh orang itu bahawa wang polisi itu akan digunakan semata-mata untuk saraan dan faedah penama itu; dan

(ii) jika wang polisi adalah lebih daripada amaun yang dinyatakan dalam perenggan (a), hendaklah membayar kepada Pemegang Amanah Raya atau suatu syarikat amanah yang dinamakan oleh Pemegang Amanah Raya; atau

(b) dalam hal seseorang yang kepadanya wang polisi kena dibayar di bawah subseksyen 124(2) atau (6), hendaklah membayar kepada Pemegang Amanah Raya atau suatu syarikat amanah Labuan yang dinamakan oleh Pemegang Amanah Raya.

Pembahagian wang polisi dalam perjalanan biasa pentadbiran

126. Seseorang yang kepadanya wang polisi boleh dibayar di bawah seksyen 124 hendaklah menerima wang polisi itu sebagai wasi dan tidak semata-mata sebagai benefisiari dan hendaklah membahagikan wang polisi itu dalam perjalanan biasa pentadbiran harta pusaka si mati mengikut terma wasiat si mati, dan jika tiada wasiat sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai bagi pentadbiran, pembahagian dan pelupusan harta pusaknya kerana kematiannya tanpa wasiat.

Penggal ini mengatasi polisi dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain

127. (1) Penggal ini hendaklah mempunyai kuat kuasa berhubungan dengan sesuatu polisi yang berkuat kuasa pada atau selepas permulaan kuat kuasanya, dan berhubungan dengan suatu penamaan yang dibuat sebelum, pada atau selepas permulaan kuat kuasanya, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam polisi itu, dan tiada apa-apa jua yang terkandung dalam sesuatu polisi boleh mengurangkan, atau ditafsirkan sebagai mengurangkan mengikut apa-apa cara atau pada apa-apa takat, Penggal ini.

(2) Penggal ini hendaklah mempunyai kesan dan kuat kuasa sepenuhnya walau apa pun apa-apa jua yang tidak selaras dengan atau yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan probet, pentadbiran, pembahagian atau pelupusan harta pusaka si mati, atau dalam apa-apa rukun undang-undang, amalan atau adat yang berhubungan dengan perkara itu.

PENGGAL 5

PENGGULUNGAN

Penggulungan penanggung insurans Labuan

128. (1) Lembaga hendaklah menjadi pihak kepada apa-apa petisyen bagi penggulungan mana-mana penanggung insurans Labuan.

(2) Lembaga boleh mengemukakan petisyen bagi penggulangan penanggung insurans Labuan atau perniagaan insurans Labuannya atas alasan ketidakupayaannya menunaikan apa-apa liabilitinya atau apabila ia menggantung pembayaran kepada pemiutangnya.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) dan (2), mahkamah hendaklah mengambil kira kepentingan pemunya polisi, pelanggan lain dan pemiutang penanggung insurans Labuan.

(4) Dalam apa-apa penggulangan penanggung insurans Labuan, atau apabila penanggung insurans Labuan menjadi tidak solven, hendaklah dibayar daripada aset dalam kumpulan wang insurans atau kumpulan wang lain penanggung insurans Labuan mendahului segala hutang tidak bercagar lain—

- (a) pertamanya, kos dan perbelanjaan penggulangan itu, termasuk kos pelikuidasi atau penerima;
- (b) keduanya, semua upah atau gaji, sama ada atau tidak diperoleh keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai komisen, termasuklah apa-apa amaun yang kena dibayar sebagai elaun atau bayaran ganti di bawah apa-apa kontrak pekerjaan atau award atau perjanjian yang mengawal selia syarat-syarat pekerjaan, bagi mana-mana pekerja yang tidak melebihi satu ribu lima ratus ringgit atau nilai yang setara dalam mata wang asing atau apa-apa amaun atau jenis mata wang lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan olehnya kepada penanggung insurans Labuan itu dalam tempoh empat bulan sebelum bermulanya penggulangan itu;
- (c) ketiganya, semua amaun yang kena dibayar berkenaan dengan pampasan pekerja, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pampasan pekerja, yang terakru sebelum bermulanya penggulangan itu;
- (d) keempatnya, semua saraan yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja berkenaan dengan cuti rehat, atau dalam hal kematiannya kepada mana-mana orang lain yang berhak bagi pihaknya, yang terakru berkenaan dengan apa-apa tempoh sebelum bermulanya penggulangan itu;

- (e) kelimanya, semua amaun yang terhutang berkenaan dengan caruman yang kena dibayar dalam masa dua belas bulan yang berikut sebaik sebelum bermulanya penggulungan oleh penanggung insurans Labuan sebagai majikan mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kumpulan wang persaraan atau simpanan pekerja atau di bawah apa-apa skim persaraan atau faedah pencen yang merupakan suatu skim diluluskan di bawah mana-mana undang-undang persekutuan yang berhubungan dengan cukai pendapatan;
- (f) keenamnya, amaun semua cukai persekutuan yang ditaksirkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum tarikh permulaan penggulungan itu atau yang ditaksirkan pada bila-bila masa sebelum habis tempoh masa yang ditetapkan bagi membuktikan hutang;
- (g) ketujuhanya, semua liabiliti dan perbelanjaan yang boleh dikaitkan dengan perniagaan insurans Labuannya daripada kelas yang baginya kumpulan wang insurans tertentu itu diwujudkan; dan
- (h) kelapannya, selepas liabiliti dan perbelanjaan yang boleh dikaitkan dengan perniagaan insurans Labuan daripada kelas yang baginya kumpulan wang insurans tertentu yang disebut dalam perenggan (g) terpakai telah ditunaikan sepenuhnya, amaun yang dikehendaki untuk mencukupkan apa-apa kekurangan dalam kumpulan wang insurans yang lain.

(5) Hutang dalam setiap kelas yang ditentukan dalam subseksyen (4) hendaklah berperingkat mengikut susunan yang ditentukan dalam subseksyen itu tetapi hutang daripada jenis yang sama hendaklah berperingkat sama rata antara mereka sendiri, dan hendaklah dibayar dengan penuh, melainkan jika aset dalam kumpulan wang insurans penanggung insurans Labuan itu tidak mencukupi untuk menjelaskannya, dan dalam hal demikian ia hendaklah dikurangkan mengikut kadar yang sama rata antara mereka.

(6) Peruntukan seksyen ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa jua yang tidak selaras dengannya atau yang berlawanan dengannya dalam mana-mana undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN VIII

PENGURUSAN SYARIKAT

PENGAL 1

PERMULAAN

Tafsiran

129. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pengurusan syarikat” ertinya pemberian perkhidmatan pemprosesan perbendaharaan dan apa-apa perkhidmatan lain, dan kepada mana-mana orang, sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga;

“syarikat pengurusan” ertinya suatu syarikat Labuan yang diperbadankan atau syarikat Labuan asing yang didaftarkan di bawah Akta ini bagi maksud mengusahakan atau menawarkan untuk mengusahakan perniagaan pengurusan syarikat.

Daftar syarikat pengurusan

130. (1) Lembaga boleh menyimpan suatu daftar semua syarikat pengurusan yang dilesenkan di bawah Bahagian ini.

(2) Daftar yang disimpan di bawah subseksyen (1) hendaklah menunjukkan—

(a) maklumat yang dikehendaki di bawah perenggan 131(2)(c) berkenaan dengan setiap syarikat pengurusan yang dilesenkan di bawah Bahagian ini;

(b) tarikh pemberian lesen itu; dan

(c) jika lesen itu dibatalkan, tarikh pembatalannya.

(3) Daftar itu hendaklah mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Lembaga.

Permohonan bagi lesen

131. (1) Tiada seorang pun, kecuali suatu syarikat Labuan yang diperbadankan, atau suatu syarikat Labuan asing yang didaftarkan, di bawah Akta Syarikat Labuan 1990, boleh memohon kepada Lembaga bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan pengurusan syarikat.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah—

(a) dibuat mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga; dan

(b) disertai dengan—

(i) apa-apa fi permohonan yang ditetapkan;

(ii) suatu pernyataan mengenai sumber kewangan dan manusia dan kemudahan pentadbiran yang ada pada pemohon untuk penjalanan perniagaannya dengan berwibawa dan cekap; dan

(iii) apa-apa dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Lembaga dengan munasabah bagi maksud menimbangkan permohonan itu;

(c) mengandungi—

(i) alamat tempat perniagaan pemohon dan alamat penyampaian di Labuan;

(ii) nama dan alamat seseorang yang bermastautin di Labuan yang diberi kuasa untuk mewakili pemohon dan untuk menerima penyampaian bagi pihaknya; dan

(iii) alamat mana-mana tempat perniagaan yang pemohon mungkin ada di luar Labuan.

(3) Jika apa-apa maklumat yang disebut dalam perenggan (2)(c) diubah pada bila-bila masa selepas dikemukakan, pemohon, selepas diberi lesen di bawah Bahagian ini, hendaklah memberikan butir-butir perubahan itu secara bertulis kepada Lembaga dalam tempoh satu bulan dari tarikh lesen itu diberikan atau dalam tempoh satu bulan selepas perubahan itu dibuat, mengikut mana-mana yang terkemudian.

Pemberian lesen

132. (1) Lembaga boleh memberikan atau enggan memberikan lesen kepada mana-mana pemohon.

(2) Lembaga tidak boleh memberikan lesen melainkan jika dia berpuas hati bahawa pemohon—

- (a) mempunyai reputasi yang cukup baik untuk menjalankan perniagaan pengurusan syarikat;
- (b) mempunyai atau tersedia baginya pengetahuan, kepakaran, sumber dan kemudahan yang mencukupi yang diperlukan untuk pengurusan atau pentadbiran perniagaannya dengan sepatutnya;
- (c) mempunyai sumber kewangan yang cukup yang boleh digunakannya untuk membolehkannya menjalankan perniagaannya dengan berkesan dan menjelaskan liabilitinya; dan
- (d) akan dapat mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Lembaga hendaklah menolak sesuatu permohonan jika diputuskannya bahawa sesuatu lesen tidak patut diberikan demi kepentingan awam.

(4) Sesuatu lesen boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, sekatan atau batasan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(5) Sesuatu lesen hendaklah—

- (a) dalam apa-apa bentuk yang ditentukan;
- (b) diterima dalam semua mahkamah sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalamnya; dan
- (c) terus berkuat kuasa sehingga lesen itu dibatalkan.

(6) Jika Lembaga memberikan suatu lesen kepada seseorang pemohon, Lembaga hendaklah mengeluarkan suatu lesen kepada pemohon apabila dibayar fi lesen itu sebagaimana yang ditetapkan.

(7) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini hendaklah mengandungi tarikh lesen itu diberikan.

BAHAGIAN IX

BURSA

PENGGAL 1

PERMULAAN

Tafsiran

133. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hari perniagaan” ertinya suatu hari yang dalam mana-mana bahagiannya kemudahan bursa yang ditubuhkan menurut Bahagian ini disediakan kepada ejen perdagangan bagi maksud perdagangan atau yang mungkin disediakan jika tidak kerana pengantungan perdagangan yang diperintahkan oleh Lembaga di bawah seksyen 143;

“jawatankuasa” ertinya orang yang bertanggungjawab bagi semua perkara yang berhubungan dengan penyenaian, pelesenan, perdagangan dan perkara lain yang berhubungan dengan pasaran sekuriti;

“bursa” termasuklah suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan sebagai bursa sekuriti di bawah seksyen 134 dan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan yang ditubuhkan oleh Menteri di bawah seksyen 30 Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 [*Akta 579*] yang diluluskan dan diiktiraf sebaik sebelum tarikh kuat kuasa;

“penganjur penyenaian” ertinya orang yang dilesenkan oleh bursa yang ditubuhkan menurut Bahagian ini, menurut kaedah-kaedahnya untuk menjalankan fungsi sebagai penganjur penyenaian;

“setiausaha” ertinya setiausaha pada masa itu bagi bursa yang ditubuhkan menurut Bahagian ini dan termasuklah seseorang pemangku atau penolong setiausaha;

“pasaran sekuriti” ertinya suatu pasaran saham atau suatu tempat di mana, atau suatu kemudahan yang melaluinya—

- (a) tawaran untuk menjual, membeli atau bertukar sekuriti dibuat atau diterima secara berkala;
- (b) tawaran atau pelawaan yang dimaksudkan, atau yang mungkin dengan munasabahnya dijangkakan, akan menghasilkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pembuatan atau penerimaan tawaran untuk menjual, membeli atau menukar sekuriti, lazimnya dibuat; atau
- (c) maklumat mengenai harga yang dengannya atau balasan yang baginya orang atau kelas orang tertentu bercadang untuk menjual, membeli atau bertukar, atau mungkin dengan munasabah dijangkakan akan menjual, membeli atau bertukar, sekuriti lazimnya diberikan;

“ejen perdagangan“ ertinya orang yang dilesenkan dan dibenarkan untuk menjalankan perniagaan berurus niaga sekuriti menurut kaedah-kaedah bursa yang ditubuhkan menurut Bahagian ini.

PENGGAL 2

BURSA

Penubuhan bursa

134. Lembaga boleh meluluskan suatu syarikat Labuan untuk menjadi suatu bursa di Labuan mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

Undang-undang kecil bursa

135. Lembaga boleh menetapkan apa-apa undang-undang kecil yang suai manfaat atau perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan dan perkara yang berkaitan dengan mana-mana bursa.

Kaedah-kaedah bursa

136. Bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 boleh membuat kaedah-kaedah yang mengadakan peruntukan bagi—

- (a) syarat dan pentadbiran lesen yang dikeluarkan oleh bursa itu dan bagi pengawalseliaan am kelakuan ejen perdagangan dan penganjur penyenaraian berkaitan dengan perniagaan bursa itu;

- (b) kehendak kewangan, perakaunan, penyimpanan rekod, penzahiran dan kecukupan modal yang terpakai bagi ejen perdagangan dan penganjur penyenaiaan;
- (c) syarat yang di bawahnya sekuriti boleh disenaraikan untuk didagangkan dalam pasaran sekuriti yang dicadangkan akan dikendalikan oleh bursa itu;
- (d) syarat yang mengawal urus niaga sekuriti oleh ejen perdagangan dan penganjur penyenaiaan;
- (e) kelas atau kelas-kelas sekuriti yang boleh diurusniagakan oleh ejen perdagangan dan penganjur penyenaiaan atau disenaraikan pada bursa itu;
- (f) kerahsiaan berkenaan dengan maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal bursa itu dan mana-mana ejen perdagangan atau penganjur penyenaiaan berkaitan dengan perniagaan bursa itu;
- (g) timbang tara pertikaian yang berbangkit daripada atau yang berkaitan dengan mana-mana pasaran sekuriti yang dikendalikan oleh bursa itu;
- (h) penggantungan perdagangan pada dan pembatalan penyenaiaan mana-mana sekuriti yang disenaraikan pada bursa itu;
- (i) penjalanan perniagaan bursa itu dengan mengambil kira kepentingan awam dengan sewajarnya;
- (j) pasaran yang adil dan bebas bagi penyenaiaan dan perdagangan sekuriti; dan
- (k) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu atau wajar oleh bursa itu bagi pengawalseliaan, pengurusan dan pengawalan dengan sepatutnya dan cekap bursa itu dan pasaran sekuriti yang dikendalikan olehnya.

Fungsi pengawalseliaan bursa

137. (1) Sebagai tambahan kepada fungsinya yang lain, sesuatu bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 hendaklah mempunyai fungsi pengawalseliaan dan hendaklah—

- (a) memastikan bahawa ia menyeliaikan operasi pasaran dan kelakuan peserta pasaran dengan mencukupi;

- (b) memastikan kawalan dalaman yang mencukupi dan cekap;
- (c) memastikan peserta pasaran mengikut kaedah-kaedah kecukupan modal;
- (d) menyasat salah laku atau salah laku ketara oleh peserta pasaran dan wakil mereka yang mungkin menjejaskan dengan serius pelabur atau organisasi yang menyertai yang lain dan dengan segera melaporkan kepada Lembaga mengenai kejadian salah laku ini;
- (e) menyasat salah guna pasaran yang mungkin, termasuk urusan niaga orang dalam dan kelakuan berunsur fraud; dan
- (f) mengambil langkah tatatertib atau bersetuju dengan suatu penyelesaian selepas pendengaran awam.

(2) Jika suatu penyiasatan dijalankan oleh bursa itu, ia hendaklah, secara bertulis, dengan segera—

- (a) melaporkan kepada Lembaga mengenai jenis penyiasatan itu dan orang yang terlibat dalam penyiasatan itu; dan
- (b) memaklumkan Lembaga tentang status setiap penyiasatan itu pada apa-apa lat tempoh yang diminta oleh Lembaga.

(3) Apabila penyiasatan selesai, bursa itu hendaklah—

- (a) menghantar kepada Lembaga semua maklumat dalam milikannya yang berhubungan dengan apa-apa penyiasatan itu; dan
- (b) memaklumkan Lembaga mengenai hasil penyiasatan itu dan mengenai apa-apa langkah tatatertib atau tindakan lain yang diambil berbangkit daripada penyiasatan itu.

(4) Sesuatu bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 hendaklah memastikan bahawa peruntukan belanjawan yang mencukupi dibuat supaya fungsi pengawalseliaan yang disebut dalam subseksyen (1) dapat dijalankan dengan sepatutnya.

(5) Dalam seksyen ini “kawalan dalaman” ertinya sistem kawalan yang diadakan untuk menilai dan memastikan keberkesanan sesuatu bursa dalam penjalanan fungsi pengawalseliaannya dan “peserta pasaran” ertinya mana-mana peniaga pelaburan atau mana-mana orang lain yang telah diberi akses langsung kepada perdagangan di bursa itu.

Kuasa jawatankuasa

138. (1) Hal ehwal bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 hendaklah diuruskan oleh suatu jawatankuasa yang terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang yang mempunyai pengalaman yang berkaitan dalam perkara kewangan, komersial atau undang-undang yang daripadanya pengerusi dan seorang lain hendaklah dilantik oleh Menteri dan yang lainnya oleh Lembaga.

(2) Tertakluk kepada Bahagian ini, jawatankuasa itu hendaklah mempunyai kuasa penuh dalam semua perkara yang berhubungan dengan penyenaian, pelesenan, sekuriti atau urus niaga bursa itu dan perkara lain yang berhubungan dengannya.

(3) Tertakluk kepada seksyen 184, peruntukan Akta Syarikat Labuan 1990 hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, terpakai dari segala segi bagi orang yang membentuk jawatankuasa seolah-olah orang itu ialah pengarah bagi maksud Akta itu.

Berurus niaga sekuriti

139. (1) Tiada seorang pun selain ejen perdagangan boleh melibatkan diri dalam atau mengemukakan dirinya sebagai terlibat dalam perniagaan berurus niaga sekuriti di mana-mana bursa.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Daftar ejen perdagangan dan penganjur penyenaian

140. (1) Bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 hendaklah menyimpan suatu daftar ejen perdagangan dan penganjur penyenaian dan hendaklah mencatatkan dalamnya nama dan alamat ejen perdagangan dan penganjur penyenaian dan tarikh setiap ejen perdagangan dan penganjur penyenaian itu diterima masuk dan terhenti menjadi seorang ejen perdagangan atau penganjur penyenaian.

(2) Daftar ejen perdagangan dan penganjur penyenaian hendaklah tersedia untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar bursa itu pada waktu perniagaan.

(3) Mana-mana orang boleh menghendaki, dan jika dikehendaki, bursa yang berkenaan itu hendaklah dengan segera mengadakan, suatu salinan daftar atau mana-mana bahagiannya apabila dibayar fi yang ditentukan secara bertulis oleh bursa itu.

(4) Apa-apa pembayaran di bawah subseksyen (3) hendaklah dibuat kepada bursa itu.

Penyata kewangan bursa

141. Dalam tempoh enam bulan dari berakhirnya setiap tahun kewangan, sesuatu bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 hendaklah memfailkan dengan Lembaga suatu salinan, yang diperakui oleh setiausaha sebagai salinan benar, penyata kewangan bursa itu bagi tahun itu yang disediakan dan diaudit mengikut peruntukan Bahagian VI Akta Syarikat Labuan 1990.

Orang yang tidak disifatkan menjalankan perniagaan di Malaysia

142. Tiada seorang pun boleh disifatkan sebagai terlibat dalam atau menjalankan perdagangan atau perniagaan di Malaysia atau dengan pemastautin Malaysia bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis hanya oleh sebab bahawa—

- (a) sekuriti orang itu disenaraikan pada pasaran sekuriti yang dikendalikan oleh sesuatu bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134;
- (b) orang itu ialah seorang ejen perdagangan atau penganjur penyenaraian dan bahawa transaksi dibuat olehnya atau bagi pihaknya melalui kemudahan bursa itu; atau
- (c) orang itu mengusahakan aktiviti di Labuan yang bersampingan dengan perjalanan sepatutnya aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b).

Penggantungan perdagangan di bursa

143. (1) Lembaga boleh mengarahkan mana-mana bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 dengan notis bertulis untuk menggantung perdagangan, atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 138 boleh, selepas memberitahu

Lembaga, menggantung perdagangan, pada bursa itu sama ada pada keseluruhannya selama suatu tempoh yang tidak melebihi lima hari perniagaan berturut-turut atau berkenaan dengan sekuriti yang ditentukan selama apa-apa tempoh yang difikirkan patut oleh Lembaga jika Lembaga selepas berunding dengan jawatankuasa memutuskan bahawa perjalanan teratur perdagangan itu sedang atau mungkin terhalang oleh sebab *force majeure*, bencana alam, mogok atau sekat masuk, pemberontakan atau pergolakan politik yang lain atau krisis ekonomi atau kewangan, di mana-mana jua berlaku.

(2) Menurut subseksyen (1), penggantungan perdagangan hendaklah dijalankan mengikut kaedah-kaedah bursa yang berkenaan.

(3) Lembaga boleh, selepas berunding dengan jawatankuasa, mengarahkan sesuatu bursa untuk melanjutkan tempoh penggantungan perdagangan di bawah subseksyen (1) sama ada pada keseluruhannya bagi tempoh tambahan yang tidak melebihi lima hari perniagaan berturut-turut atau berhubung dengan sekuriti yang ditentukan selama apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya patut.

(4) Lembaga hendaklah dalam tempoh dua hari perniagaan memberikan notis bertulis mengenai pelanjutan itu kepada sesuatu bursa dengan menunjukkan dalamnya sebab bagi pelanjutan itu dan tempohnya dan notis sedemikian hendaklah berkuat kuasa apabila ia diserahkan kepada bursa itu.

(5) Lembaga hendaklah pada hari perniagaan yang mengikuti hari penghantarserahan notis kepada bursa di bawah seksyen ini dan jika diminta sedemikian oleh bursa itu memberi bursa itu peluang untuk didengar tentang perlunya apa-apa penggantungan perdagangan atau apa-apa pelanjutan penggantungan itu.

(6) Lembaga boleh membatalkan, menarik balik atau mengubahsuaikan apa-apa arahan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan (3) pada bila-bila masa sebelum habis tempoh penggantungan atau pelanjutannya itu.

Kuasa Menteri untuk menggantung perdagangan

144. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 143, jika Menteri berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, atau bahawa adalah suai manfaat bagi perlindungan

pelabur atau bagi pengawalseliaan sepatutnya sesuatu bursa untuk berbuat demikian, dia boleh, atas syor Lembaga, membuat perintah penggantungan yang berhubungan dengan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) fungsi sesuatu bursa atau jawatankuasanya;
- (b) fungsi mana-mana jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa yang disebut dalam perenggan (a); atau
- (c) fungsi pegawai prinsipal, tidak kira dengan apa jua nama dipanggil, yang bertanggungjawab bagi penjalanan perniagaan dan operasi sesuatu bursa atau mana-mana jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Selagi perintah penggantungan itu berkuat kuasa, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) tiada satu pun fungsi yang dengannya perintah itu adalah berhubungan boleh dilaksanakan oleh bursa atau jawatankuasa itu atau mana-mana jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa itu atau oleh mana-mana pegawai bursa atau jawatankuasa itu atau mana-mana jawatankuasa kecil itu;
- (b) apa-apa fungsi yang baginya perenggan (a) terpakai boleh dilaksanakan oleh mana-mana orang yang hendaklah ditentukan dalam perintah itu berhubung dengan fungsi itu; dan
- (c) orang atau badan yang disebut dalam perenggan (a) tidak boleh, dengan perbuatan atau peninggalan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempengaruhi cara fungsi yang disebut dalam perintah itu dilaksanakan melainkan jika orang yang disebut dalam perenggan (b) meminta bantuan orang atau badan itu.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (6), sesuatu perintah penggantungan hendaklah terus berkuat kuasa bagi apa-apa tempoh, yang merupakan tempoh yang tidak melebihi enam bulan, sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu.

(4) Sesuatu perintah penggantungan atau mana-mana pelanjutannya di bawah subseksyen (6) hendaklah berkuat kuasa apabila salinan perintah atau notis pelanjutan itu disampaikan di bawah

perenggan (7)(a) kepada bursa itu, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa yang dengannya perintah itu adalah berhubungan.

(5) Tanpa menjejaskan subseksyen (4), jika perintah penggantungan dibuat atau perintah itu dilanjutkan di bawah subseksyen (6), Lembaga hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyerahkan suatu salinan perintah itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, notis pelanjutannya, kepada pegawai prinsipal bursa itu, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa itu sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga dalam hal keadaan itu.

(6) Menteri boleh, atas syor Lembaga, melanjutkan tempoh yang dalamnya suatu perintah penggantungan terus berkuat kuasa bagi apa-apa tempoh lanjut yang setiapnya tidak boleh melebihi tiga bulan.

(7) Jika suatu perintah penggantungan dibuat atau dilanjutkan di bawah seksyen ini, Lembaga hendaklah—

- (a) dengan serta-merta menyampaikan suatu salinan perintah atau notis bertulis mengenai pelanjutan itu kepada bursa itu, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang dengannya perintah itu adalah berhubungan; dan
- (b) menyebabkan supaya perintah penggantungan atau notis pelanjutan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, disiarkan dalam *Warta*.

(8) Mana-mana orang yang melanggar perintah penggantungan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(9) Bagi maksud seksyen ini, “pegawai prinsipal” termasuklah seseorang, tidak kira dengan apa jua nama dipanggil, sama ada dia sendiri atau bersesama dengan seorang yang lain atau dengan lebih daripada seorang yang lain, bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan penyenaian, pelesenan, sekuriti atau urus niaga di bursa itu atau dalam jawatankuasa itu.

Kuasa Lembaga

145. (1) Bagi maksud Akta ini dan penjalanan sepatutnya perniagaan mana-mana bursa yang ditubuhkan di bawah seksyen 134 dan sebagai tambahan kepada mana-mana kuasa lain yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini, Lembaga boleh—

- (a) pada bila-bila masa menyiasat atau memeriksa mana-mana transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti yang dibuat oleh mana-mana orang sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk memastikan jika orang itu telah menggunakan cara atau amalan perdagangan yang tidak jujur, tidak adil atau tidak beretika sama ada cara itu atau amalan perdagangan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau pelanggaran mana-mana kaedah-kaedah atau selainnya;
- (b) menghendaki mana-mana orang supaya mengemukakan maklumat terperinci tentang apa-apa transaksi yang melibatkan pembelian atau penjualan sekuriti;
- (c) menghendaki pengemukaan, memeriksa dan membuat salinan atau cetakan atau mengambil cabutan daripada mana-mana dokumen, rekod atau benda yang berhubungan dengan—
 - (i) perniagaan atau hal ehwal sesuatu bursa;
 - (ii) apa-apa urusan niaga sekuriti;
 - (iii) apa-apa nasihat, laporan atau analisis berkenaan dengan sekuriti; atau
 - (iv) akaun atau rekod mana-mana orang yang terlibat atas apa-apa sifat dengan perkara yang disebut dalam subperenggan (i), (ii) atau (iii) dan apa-apa audit, atau laporan juruaudit berkenaan dengan, perkara yang sama; atau
- (d) apabila Lembaga mendapatinya perlu, memeriksa dengan cara pemeriksaan tempat, hal ehwal atau perniagaan mana-mana peserta pasaran, yang hendaklah termasuk penganjur penyenaaran dan ejen perdagangan, bagi maksud—
 - (i) menilai sama ada peserta pasaran itu menjalankan aktiviti dibenarkannya mengikut Akta ini, mana-

mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan mana-mana undang-undang yang terpakai yang lain;

- (ii) mengesahkan bahawa peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dipatuhi; dan
 - (iii) menjalankan fungsi Lembaga;
- (e) dengan kuasa suatu waran geledah yang dikeluarkan oleh mahkamah bagi maksud itu dan dengan atau tanpa bantuan mana-mana orang yang dikehendaki oleh Lembaga melainkan jika Lembaga mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa, oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan waran geledah itu, tujuan kemasukan itu mungkin akan terkecewa, dan dalam keadaan sedemikian tanpa waran—
- (i) memecah masuk dan menggeledah mana-mana premis, tempat atau barang yang terdapat di atau di dalamnya yang Lembaga mempunyai sebab untuk mengesyaki mungkin terdapat apa-apa dokumen, rekod atau benda yang pengemukaannya dikehendaki menurut kuasa seksyen ini tetapi tidak dikemukakan bagi mematuhi kehendak itu; atau
 - (ii) mengambil milikan atau melindungi daripada gangguan apa-apa dokumen, rekod atau benda yang pengemukaannya dikehendaki.

(2) Lembaga boleh secara bertulis memberi kuasa mana-mana orang lain untuk membantunya melaksanakan fungsi di bawah Akta ini.

(3) Seseorang yang—

- (a) tidak mematuhi kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1);
- (b) berupa sebagai mematuhi kehendak yang dibuat di bawah subseksyen (1), memberikan maklumat atau membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir material; atau
- (c) menghalang atau menggalang Lembaga atau orang lain dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah subseksyen (1),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini adalah sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, apa-apa kuasa lain yang diberikan oleh undang-undang.

PENGGAL 3

PASARAN PALSU ATAU YANG MENGELIRUKAN DAN URUS NIAGA ORANG DALAM

Pewujudan pasaran palsu atau yang mengelirukan

146. Sesiapa yang mewujudkan atau melakukan apa-apa jua dengan niat untuk mewujudkan keadaan perdagangan aktif dalam apa-apa sekuriti yang palsu atau mengelirukan atau keadaan yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran bagi, atau harga, apa-apa sekuriti sedemikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit.

Urus niaga orang dalam

147. Tertakluk kepada pembelaan yang ada di bawah Bahagian ini, mana-mana individu yang mempunyai maklumat sebagai orang dalam dan—

- (a) dia berurus niaga sekuriti yang merupakan sekuriti yang harganya terjejas berhubung dengan maklumat itu;
- (b) dia menggalakkan seseorang lain untuk berurus niaga sekuriti yang, sama ada orang lain itu mengetahuinya atau tidak ialah sekuriti yang harganya terjejas berhubung dengan maklumat itu; atau
- (c) dia mendedahkan maklumat itu selain dalam pelaksanaan yang sepatutnya fungsi pekerjaan, jawatan atau profesionnya, kepada orang lain,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit.

Pembelaan

148. (1) Seseorang individu tidak melakukan kesalahan urus niaga orang dalam kerana mengurus niaga sekuriti atau menggalakkan seseorang lain untuk melakukan sedemikian jika dia menunjukkan—

- (a) bahawa dia tidak pada masa itu menjangkakan urus niaga itu akan menghasilkan suatu keuntungan yang boleh dikaitkan dengan hakikat bahawa maklumat yang berkenaan ialah maklumat sensitif harga berhubung dengan sekuriti;
- (b) bahawa pada masa itu dia mempercayai atas alasan yang munasabah bahawa maklumat itu telah dizahirkan dengan sebegitu meluas sehingga dipasti bahawa tiada seorang pun yang mengambil bahagian dalam urus niaga sekuriti itu akan terjejas kerana tidak mempunyai maklumat itu;
- (c) bahawa dia akan melakukan apa yang telah dilakukannya walaupun jika dia tidak mempunyai maklumat itu.

(2) Seseorang individu tidak melakukan kesalahan urus niaga orang dalam berdasarkan penzahiran maklumat jika dia menunjukkan—

- (a) bahawa dia tidak pada masa itu menjangkakan mana-mana orang, disebabkan oleh penzahiran itu, akan mengurus niaga sekuriti; atau
- (b) bahawa, walaupun dia mempunyai jangkaan sedemikian pada masa itu, dia tidak menjangkakan urus niaga itu akan menghasilkan keuntungan yang boleh dikaitkan dengan hakikat bahawa maklumat itu ialah maklumat sensitif harga berhubung dengan sekuriti.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa sebutan mengenai keuntungan dalam Bahagian ini termasuklah pengelakan kerugian.

Berurus niaga sekuriti

149. Bagi maksud Penggal ini, seseorang berurus niaga sekuriti jika—

- (a) dia memperoleh atau melupuskan sekuriti, sama ada sebagai prinsipal atau ejen; atau

- (b) dia memperoleh, secara langsung atau tidak langsung, suatu pemerolehan atau pelupusan sekuriti tersenarai melalui seorang lain.

Mendapatkan pemerolehan atau pelupusan sekuriti

150. (1) Seseorang mendapat pemerolehan atau pelupusan sekuriti jika sekuriti itu diperoleh atau dilupuskan oleh seseorang yang merupakan, berhubung dengan pemerolehan atau pelupusan itu—

- (a) ejennya;
- (b) penamanya; atau
- (c) seseorang yang bertindak atas arahannya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terbatas tentang hal keadaan yang dalamnya seseorang boleh dikira sebagai mendapat sesuatu pemerolehan atau pelupusan sekuriti oleh seseorang lain.

(3) “Pemerolehan” atau “pelupusan” berhubung dengan sekuriti termasuk bersetuju untuk memperoleh atau melupuskan sekuriti atau membuat atau menamatkan sesuatu kontrak yang mewujudkan sekuriti, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Maklumat dalaman

151. “Maklumat dalaman” ertinya maklumat yang—

- (a) berhubung dengan sekuriti tertentu atau dengan penerbit sekuriti tertentu atau dengan penerbit-penerbit sekuriti tertentu dan yang tidak berhubung dengan sekuriti secara am atau dengan penerbit-penerbit sekuriti secara am;
- (b) khusus atau tepat;
- (c) belum disiarkan kepada awam; dan
- (d) sensitif harga.

“Sekuriti yang terjejas harga” dan “maklumat sensitif harga”

152. Sekuriti ialah sekuriti “terjejas harga” berhubung dengan maklumat dalaman, dan maklumat dalaman adalah “sensitif harga”

berhubung dengan sekuriti, jika dan hanya jika maklumat itu akan, jika disiarkan kepada awam, berkemungkinan mempunyai kesan yang besar ke atas harga atau nilai sekuriti itu.

Maklumat sebagai orang dalam

153. Seseorang individu mempunyai maklumat sebagai orang dalam jika dan hanya jika—

- (a) maklumat itu ialah, dan dia mengetahui maklumat itu ialah, maklumat dalaman; dan
- (b) dia mempunyai maklumat itu, dan mengetahui bahawa dia mempunyai maklumat itu, daripada sumber dalaman, iaitu—
 - (i) kerana menjadi pengarah, pekerja atau pemegang syer bagi penerbit sekuriti;
 - (ii) kerana mempunyai akses kepada maklumat itu melalui pekerjaan, jawatan atau profesionnya; atau
 - (iii) kerana sumber maklumatnya secara langsung atau tidak langsung merupakan orang yang mempunyai maklumat itu mengikut salah satu cara yang dinyatakan dalam subperenggan (i) atau (ii).

Takrif “disiarkan kepada awam”

154. (1) “Disiarkan kepada awam” hendaklah ditafsirkan mengikut subseksyen (2) dan (3), tetapi peruntukan itu tidaklah terbatas tentang pengertian ungkapan itu.

(2) Maklumat disiarkan kepada awam jika—

- (a) maklumat itu disiarkan mengikut kaedah-kaedah bursa bagi maksud memaklumkan pelabur dan penasihat profesional mereka;
- (b) maklumat itu terkandung dalam rekod yang menurut kuasa undang-undang adalah terbuka untuk pemeriksaan orang awam;
- (c) maklumat itu boleh diperolehi dengan mudah oleh seseorang yang berkemungkinan mengurus niaga apa-apa sekuriti, atau dengan mana-mana penerbit sekuriti, yang dengannya maklumat itu adalah berhubung; atau

(d) maklumat itu didapatkan daripada maklumat yang telah disiarkan kepada awam.

(3) Maklumat boleh dikira sebagai telah disiarkan kepada awam walaupun —

(a) maklumat itu boleh diperolehi hanya oleh orang yang menggunakan usaha wajar atau kepakaran;

(b) maklumat itu disampaikan kepada suatu bahagian orang awam dan bukan kepada semua orang awam secara amnya;

(c) maklumat itu boleh diperolehi hanya melalui pemerhatian;

(d) maklumat itu disampaikan hanya dengan pembayaran fi; atau

(e) maklumat itu disiarkan hanya di luar Labuan.

Kecualian

155. (1) Bagi mengelakkan keraguan, urusan niaga orang dalam tidak boleh dilakukan dalam hal keadaan yang berikut:

(a) suatu pemerolehan atau pelupusan sekuriti atau penyampaian maklumat yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan skim perkiraan, pembentukan semula dan pengambilalihan yang berhubungan dengan perbadanan;

(b) suatu pusat penjelasan yang memperoleh atau melupuskan sekuriti bagi maksud penyelesaian suatu kontrak pasaran atau berhubungan dengan apa-apa prosiding atau tindakan lain yang berhubungan dengan penyelesaian kontrak pasaran jika pemerolehan atau pelupusan sekuriti itu dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah pusat penjelasan;

(c) suatu bursa saham berhubungan dengan suatu penjualan atau pembelian sekuriti yang bursa saham itu bertindak atas arahan daripada suatu pusat penjelasan;

(d) penebusan unit bagi sesuatu skim pelaburan kolektif oleh pemegang amanah atau pengurus di bawah suatu surat ikatan amanah yang berhubungan dengan skim pelaburan kolektif itu mengikut waad pembelian balik

yang terkandung atau disifatkan terkandung dalam surat ikatan amanah itu pada harga yang dikehendaki oleh surat ikatan amanah itu supaya dikira, setakat yang boleh dilaksanakan dengan munasabah, dengan merujuk kepada nilai dasar aset itu ditolak—

- (i) apa-apa liabiliti bagi skim pelaburan kolektif yang dengannya unit itu adalah berhubungan; dan
 - (ii) apa-apa caj munasabah bagi pembelian saham itu;
- (e) memohon beli, atau membeli, sekuriti di bawah suatu perjanjian pengunderaitan atau perjanjian subpengunderaitan dan termasuk membuat perjanjian sedemikian atau menjual sekuriti yang dipohon beli, atau dibeli, di bawah perjanjian sedemikian;
- (f) penjualan atau pembelian sekuriti menurut kehendak yang dikenakan oleh Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan, atau apa-apa kehendak yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau perintah mahkamah; dan
- (g) penyampaian maklumat menurut kehendak yang dikenakan oleh Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana badan pengawalseliaan atau apa-apa kehendak yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau perintah mahkamah.

BAHAGIAN X

ORGANISASI KAWAL SELIA SENDIRI

Perisytiharan atau pengiktirafan organisasi kawal selia sendiri

156. (1) “Organisasi kawal selia sendiri” ertinya organisasi kawal selia sendiri yang tujuannya ialah untuk mengawal selia operasi anggotanya atau pengguna perkhidmatannya, standard amalannya dan kelakuan perniagaannya supaya dapat melindungi pelabur dan pengguna sekuriti atau perkhidmatan yang berkaitan dengan lebih baik dan termasuk apa-apa organisasi lain yang diisytiharkan atau diiktirafkan sedemikian oleh Lembaga;

(2) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan atau mengiktirafkan bahawa sesuatu perbadanan atau organisasi hendaklah menjadi suatu organisasi kawal selia sendiri berhubung dengan suatu sektor atau industri tertentu, atau mana-mana bahagiannya, jika Lembaga berpuas hati bahawa perbadanan atau organisasi itu—

- (a) mempunyai perlembagaan dan kaedah-kaedah dan dasar dalaman yang selaras dengan Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai bagi sektor atau industri itu, atau sebahagian daripadanya;
- (b) mempunyai kapasiti dan sumber kewangan dan pentadbiran yang perlu atau wajar untuk menjalankan fungsinya dan fungsi pengawalseliaan atau penyeliaan yang akan dilaksanakannya sebagai suatu organisasi kawal selia sendiri, termasuklah menguruskan pelanggaran undang-undang atau pelanggaran standard dan garis panduan yang terpakai;
- (c) tidak membeza-bezakan secara tidak munasabah seseorang dalam menawarkan akses kepada perkhidmatannya atau dalam menjalankan fungsinya sebagai organisasi kawal selia sendiri;
- (d) diuruskan atau dikawal oleh pegawai atau orang yang mengawal yang merupakan orang yang layak dan sesuai di bawah Akta ini; dan
- (e) memenuhi apa-apa kriteria yang ditentukan dalam kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh, melalui perkiraan bertulis, mewakili kuasa atau fungsi Lembaga kepada sesuatu organisasi kawal selia sendiri.

(4) Sesuatu perkiraan di bawah subseksyen (3), hendaklah mengadakan peruntukan bagi—

- (a) mana-mana kuasa atau fungsi yang diwakilkan kepada organisasi kawal selia sendiri oleh Lembaga di bawah subseksyen (3);
- (b) terma dan syarat yang atasnya kuasa atau fungsi itu telah diwakilkan dan boleh dijalankan oleh organisasi kawal selia sendiri;

- (c) orang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa atau fungsi yang diwakilkan itu bagi pihak organisasi kawal selia sendiri; dan
- (d) pengemukaan laporan berkala kepada Lembaga berkenaan dengan penjalanan kuasa atau fungsi yang diwakilkan oleh organisasi kawal selia sendiri.

Kaedah-kaedah organisasi kawal selia sendiri

157. (1) Sesuatu organisasi kawal selia sendiri boleh membuat kaedah-kaedah, yang selaras dengan Akta ini, apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga atau apa-apa undang-undang lain yang terpakai, berkenaan dengan perkara yang baginya organisasi kawal selia sendiri itu mempunyai fungsi pengawalseliaan atau penyeliaan, termasuklah fungsi yang diwakilkan kepadanya oleh Lembaga.

(2) Kaedah-kaedah yang dibuat oleh sesuatu organisasi kawal selia sendiri di bawah subseksyen (1), dan pindaan kepadanya, tidak mempunyai kuat kuasa melainkan jika diluluskan oleh Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah dikira telah memberikan kelulusan bagi maksud subseksyen (1) jika Lembaga tidak membantah terhadap kaedah-kaedah itu atau pindaan kepadanya dalam tempoh satu bulan selepas kaedah-kaedah atau pindaan itu dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan.

(4) Kaedah-kaedah sesuatu organisasi kawal selia sendiri boleh membuat peruntukan mengenai pemegangan syer dan hak mengundi dalam organisasi kawal selia sendiri itu demi kepentingan anggota organisasi kawal selia sendiri, pengguna, pelabur dan pengguna perkhidmatan mereka.

Sekatan terhadap membuat keputusan

158. Sesuatu organisasi kawal selia sendiri tidak boleh membuat keputusan di bawah kaedah-kaedahnya yang memudaratkan hak seseorang melainkan jika—

- (a) organisasi kawal selia sendiri itu telah memberi orang itu peluang untuk membuat representasi mengenai perkara itu; atau

- (b) organisasi kawal selia sendiri itu berpendapat, atas alasan munasabah, bahawa apa-apa kelengahan dalam membuat keputusan itu akan menjejaskan secara mudarat suatu kelas pengguna, pelabur atau anggota sektor atau industri itu sebagaimana yang terpakai.

Obligasi pegawai dan obligasi yang berhubungan dengan pegawai organisasi kawal selia sendiri

159. Sesuatu organisasi kawal selia sendiri hendaklah memberitahu Lembaga, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga, dengan secepat yang dapat dilaksanakan sebelum atau selepas seseorang dilantik sebagai pegawai organisasi kawal selia sendiri itu.

Kuasa untuk memberikan arahan kepada organisasi kawal selia sendiri

160. (1) Lembaga boleh, selepas memberi peluang yang munasabah kepada sesuatu organisasi kawal selia sendiri untuk membuat representasi mengenai perkara itu, memberikan suatu arahan bertulis kepada organisasi kawal selia sendiri itu—

- (a) menggantung, selama tempoh yang ditentukan dalam arahan itu, suatu peruntukan tertentu dalam perlembagaan atau kaedah-kaedahnya;
- (b) menghendaki, tertakluk kepada Akta Syarikat Labuan 1990 atau mana-mana undang-undang lain, pindaan perlembagaannya sebagaimana yang ditentukan dalam arahan itu supaya menjadikannya mematuhi Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat oleh Lembaga;
- (c) menghendaki pindaan kaedah-kaedahnya sebagaimana yang ditentukan dalam arahan itu supaya menjadikannya mematuhi Akta yang berkenaan; atau
- (d) bagi pelaksanaan atau penguatkuasaan perlembagaannya atau kaedah-kaedahnya.

(2) Jika Lembaga mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) seseorang pegawai sesuatu organisasi kawal selia sendiri bukan seseorang yang layak dan sesuai di bawah Akta ini; atau

- (b) pelantikan seseorang tertentu atau penerusan jawatannya sebagai seorang pegawai sesuatu organisasi kawal selia sendiri berkemungkinan memudaratkan organisasi kawal selia sendiri itu atau menjejaskan secara mudarat kepentingan pelabur dan pengguna perkhidmatan kewangan atau kepentingan anggota sektor atau industri yang berkenaan,

Lembaga boleh, selepas memberi peluang yang munasabah kepada pegawai dan organisasi kawal selia sendiri itu untuk membuat representasi, mengarahkan organisasi kawal selia sendiri itu untuk tidak melantik pegawai itu, atau menyingkirkannya daripada jawatannya.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidak boleh membataskan arahan yang boleh diberikan oleh Lembaga kepada sesuatu organisasi kawal selia sendiri.

Penamatan perkiraan dan pembatalan perisytiharan atau pengiktirafan

161. (1) Lembaga boleh membatalkan sesuatu perisytiharan atau pengiktirafan jika—

- (a) organisasi kawal selia sendiri itu tidak memulakan operasi dalam masa tiga bulan selepas suatu perkiraan di bawah Bahagian ini telah dibuat;
- (b) Lembaga tidak berpuas hati bahawa organisasi kawal selia sendiri itu melaksanakan dengan sepatutnya atau dapat melaksanakan fungsi atau kuasa yang diwakilkan kepadanya, atau fungsi dan kuasanya yang lain;
- (c) Lembaga berpuas hati bahawa organisasi kawal selia sendiri itu telah melakukan suatu pelanggaran material sesuatu perkiraan atau Akta yang berkenaan atau undang-undang lain yang terpakai;
- (d) ternyata kepada Lembaga bahawa organisasi kawal selia sendiri itu terlibat dalam suatu jenayah kewangan; atau
- (e) organisasi kawal selia sendiri itu tidak mematuhi arahan Lembaga.

(2) Lembaga tidak boleh membatalkan sesuatu perisytiharan atau pengiktirafan melainkan jika Lembaga telah memberitahu organisasi kawal selia sendiri itu tentang niatnya dan sebab bagi tindakan

Lembaga itu, dan telah memberi peluang yang munasabah kepada organisasi kawal selia sendiri itu untuk membuat representasi kepada Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah menyebabkan suatu notis mengenai pembatalan di bawah subseksyen (1) disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan kepada perlembagaan organisasi kawal selia sendiri

162. Walau apa pun seksyen 24 Akta Syarikat Labuan 1990, sesuatu pindaan kepada dokumen konstituen sesuatu organisasi kawal selia sendiri tidak boleh berkuat kuasa melainkan jika pindaan itu diluluskan oleh Lembaga.

Perlindungan bagi organisasi kawal selia sendiri

163. Sesuatu organisasi kawal selia sendiri, pegawai atau pekerja organisasi kawal selia sendiri atau anggota sesuatu jawatankuasa organisasi kawal selia sendiri tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh atau kehilangan yang disebabkan kepada mana-mana orang akibat apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan oleh mereka dalam pelaksanaan, secara suci hati, fungsi dan kewajipan mereka berkaitan dengan fungsi pengawalseliaan atau penyeliaan organisasi kawal selia sendiri itu, termasuklah fungsi yang diwakilkan kepadanya oleh Lembaga.

Penyata kewangan organisasi kawal selia sendiri

164. (1) Dalam tempoh enam bulan dari berakhirnya setiap tahun kewangan, organisasi kawal selia sendiri hendaklah memfailkan dengan Lembaga suatu salinan, yang diperakui oleh setiausaha sebagai salinan benar, penyata kewangan organisasi kawal selia sendiri itu bagi tahun itu yang disediakan dan diaudit mengikut Bahagian VI Akta Syarikat Labuan 1990.

(2) Penyata kewangan itu hendaklah diaudit oleh seorang juruaudit.

(3) Jika, dalam penjalanan auditnya, juruaudit sesuatu organisasi kawal selia sendiri mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa—

(a) telah berlaku perubahan bertentangan yang material dalam risiko yang terdapat dalam perniagaan sesuatu organisasi

kawal selia sendiri itu yang berpotensi untuk menjejaskan keupayaan organisasi kawal selia sendiri itu sebagai suatu usaha berterusan;

- (b) organisasi kawal selia sendiri itu mungkin melanggar dengan Akta ini, mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga atau apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Lembaga;
- (c) suatu jenayah kewangan telah, sedang atau mungkin dilakukan; atau
- (d) ketidakteraturan serius telah berlaku,

dia hendaklah dengan serta-merta melaporkan perkara itu secara bertulis kepada Lembaga.

(4) Apa-apa laporan yang dibuat di bawah subseksyen (3) tidaklah menjadi pelanggaran kewajipan juruaudit.

Kuasa Lembaga berkenaan dengan organisasi kawal selia sendiri

165. Bagi maksud Penggal ini, kuasa yang diberikan kepada Lembaga di bawah seksyen 160 hendaklah terpakai juga berkenaan dengan mana-mana perbadanan atau organisasi Labuan yang diisytiharkan atau diiktiraf oleh Lembaga sebagai suatu organisasi kawal selia sendiri di bawah seksyen 156.

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

PENGGAL 1

RAYUAN

Rayuan

166. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Lembaga untuk menolak sesuatu permohonan bagi lesen atau pendaftaran atau untuk membatalkan sesuatu lesen atau pendaftaran di bawah Akta ini, boleh dalam tempoh tiga puluh hari dari keputusan itu diberitahu kepadanya, merayu kepada Lembaga secara bertulis.

(2) Lembaga hendaklah, selepas menimbangkan rayuan di bawah subseksyen (1), membuat keputusan muktamad dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya.

(3) Seseorang pemohon yang terkilang dengan keputusan Lembaga di bawah subseksyen (2) boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari keputusan itu diberitahu kepadanya, merayu kepada Menteri secara bertulis yang boleh mengesahkan, mengubah atau mengakas keputusan itu, dan keputusan Menteri adalah muktamad.

(4) Bagi mengelakkan keraguan, pembawaan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (1) dan (3), tidak menggantung keputusan yang dirayukan itu.

PENGGAL 2

PEMBATALAN DAN PENYERAHAN BALIK

Pembatalan persetujuan, lesen atau pendaftaran

167. (1) Lembaga boleh membatalkan apa-apa persetujuan, lesen atau pendaftaran di bawah Akta ini—

(a) atas permintaan entiti berlesen;

(b) jika—

- (i) entiti berlesen itu berhenti menjalankan perniagaan dalam atau dari dalam Labuan;
- (ii) entiti berlesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana terma, syarat, sekatan atau batasan yang berkaitan dengan lesen atau pendaftaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (iii) Lembaga telah, sama ada berkaitan dengan permohonan bagi lesen atau pendaftaran, atau pada bila-bila masa selepas pemberian lesen atau, pendaftaran itu, diberi maklumat, dokumen atau akuan yang palsu atau mengelirukan oleh atau bagi pihak entiti berlesen;
- (iv) entiti berlesen itu telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau suatu kesalahan jenayah dalam mana-mana negara atau bidang kuasa diiktiraf;

- (v) entiti berlesen itu telah dengan disedarinya dan dengan sengaja membekalkan maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat atau tidak menzahirkan maklumat yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (vi) entiti berlesen itu menjalankan perniagaan mengikut cara yang Lembaga dengan munasabah mempercayai akan memudaratkan kepentingan, dalam hal entiti berlesen di bawah Bahagian III, pelabur dana bersama, atau kepentingan awam;
- (vii) entiti berlesen itu diisytiharkan bankrap atau telah digulungkan atau selainnya dibubarkan;
- (viii) suatu resolusi bagi penggulungan sukarela entiti berlesen itu telah diluluskan;
- (ix) berhubung dengan pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans, jika apa-apa jaminan atau aku janji yang disebut dalam seksyen 88 dan 89 atau seksyen 103 dan 104 telah tidak ditunaikan; atau
- (x) Lembaga mengikut budi bicaranya memikirkannya patut kerana apa-apa sebab lain.

Tatacara pembatalan

168. (1) Sebelum membatalkan apa-apa persetujuan, lesen atau pendaftaran di bawah seksyen 167, Lembaga hendaklah—

- (a) memberikan notis bertulis kepada entiti berlesen itu mengenai alasan yang berdasarkannya Lembaga berniat berbuat demikian;
- (b) memberi entiti berlesen itu peluang untuk membuat representasi bertulis kepada Lembaga dalam tempoh tiga puluh hari selepas penerimaan notis itu; dan
- (c) menimbangkan representasi itu.

(2) Jika Lembaga membatalkan apa-apa lesen atau pendaftaran di bawah seksyen 167, Lembaga hendaklah memberikan notis bertulis kepada entiti berlesen itu mengenai pembatalan itu dan pembatalan itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Jika pembatalan itu adalah mengenai suatu lesen bank atau lesen insurans, Lembaga hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyiarkan dalam satu akhbar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan satu akhbar kewangan antarabangsa suatu notis mengenai pembatalan lesen bank atau lesen insurans itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen ini tetapi apa-apa kelengahan dalam menyiarkan notis itu atau kegagalan untuk menyiarkan notis itu tidaklah dengan apa-apa cara menjejaskan kesahan pembatalan itu.

(4) Jika pembatalan itu adalah mengenai pendaftaran suatu syarikat amanah Labuan, sebagai tambahan kepada subseksyen (1) dan (2)—

- (a) atas permintaan bagi pembatalan, syarikat amanah Labuan itu hendaklah memuaskan hati Lembaga bahawa ia telah membuat peruntukan yang mencukupi berkenaan dengan semua liabilitinya dan hendaklah juga menetapkan tarikh yang pembatalan itu akan berkuat kuasa; dan
- (b) syarikat amanah Labuan itu hendaklah, tidak lewat daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh yang ditetapkan di bawah perenggan (4)(a), menyiarkan suatu iklan mengenai pembatalan pendaftarannya yang dicadangkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar Malaysia yang diedarkan secara meluas dan satu akhbar kewangan antarabangsa.

Penyerahan balik lesen atau pendaftaran

169. (1) Mana-mana entiti berlesen di bawah Akta ini boleh menyerahkan balik lesen atau pendaftarannya masing-masing dengan kelulusan Lembaga terlebih dahulu.

(2) Entiti berlesen itu hendaklah memberi empat belas hari notis kepada Lembaga mengenai penyerahan balik itu.

(3) Lembaga boleh memberikan kelulusannya jika Lembaga berpuas hati bahawa entiti berlesen itu telah membuat peruntukan yang mencukupi berkenaan dengan semua liabilitinya, dan selepas itu hendaklah menetapkan tarikh yang penyerahan balik itu mula berkuat kuasa.

(4) Jika kelulusan Lembaga telah diperoleh di bawah subseksyen (3), entiti berlesen itu hendaklah, tidak lewat daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen (3), menyiarkan suatu iklan mengenai penyerahan balik yang dicadangkan itu dalam sekurang-kurangnya satu akhbar Malaysia yang diedarkan dengan meluas dan satu akhbar kewangan antarabangsa.

(5) Lembaga hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyiarkan dalam satu akhbar Malaysia yang diedarkan dengan meluas dan satu akhbar kewangan antarabangsa suatu notis mengenai tiap-tiap penyerahan balik di bawah seksyen ini tetapi apa-apa kelengahan dalam menyiarkan notis itu atau kegagalan untuk menyiarkan notis itu tidaklah dengan apa-apa cara menjejaskan kesahan penyerahan balik itu.

Akibat pembatalan atau penyerahan balik lesen

170. (1) Jika pembatalan sesuatu lesen atau pendaftaran di bawah seksyen 167 atau penyerahan balik lesen atau pendaftaran di bawah seksyen 169 telah berkuat kuasa, entiti berlesen itu hendaklah, mulai tarikh berkuatkuasanya pembatalan atau penyerahan balik itu, terhenti menjalankan apa-apa perniagaan selanjutnya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika suatu entiti berlesen terus wujud sebagai suatu perbadanan selepas pembatalan lesennya telah mula berkuat kuasa, Menteri boleh, atas syor Lembaga, membenarkan secara bertulis entiti berlesen itu untuk terus menjalankan aktiviti perniagaannya pada apa-apa takat dan bagi apa-apa tempoh masa sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dalam kebenaran itu bagi maksud penggulangan hal ehwalnya atau bagi maksud menjelaskan tuntutan pemunya polisinya, pelanggan atau pemiutang lain.

(3) Tiap-tiap entiti berlesen yang lesennya telah dibatalkan atau diserahkan hendaklah terus tertakluk kepada peruntukan Akta ini selagi liabilitinya belum dijelaskan atau tidak dibuat peruntukan selainnya mengenainya.

PENGAL 3

AM

Sistem pembayaran

171. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) mula mengendalikan apa-apa sistem pembayaran dalam, dari atau melalui Labuan; atau
- (b) jika orang itu telah mengendalikan apa-apa sistem pembayaran dalam, dari atau melalui Labuan sebaik sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, terus mengendalikan sistem itu,

melainkan jika dia telah mengemukakan untuk kelulusan Lembaga skim pengendalian sistem pembayaran itu dan kaedah-kaedah, kontrak, undang-undang kecil atau dokumen lain yang berhubungan dengan hak, kewajipan dan liabiliti orang yang menyertai sistem pembayaran itu dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Lembaga untuk mengendalikan sistem pembayaran itu.

(2) Sebelum membuat apa-apa keputusan di bawah subseksyen (1), Lembaga boleh menghendaki orang yang berkehendakkan kebenaran itu untuk mengemukakan kepada Lembaga apa-apa maklumat dan butir-butir lain yang berhubungan dengan sistem pembayaran itu atau dengan orang yang berkehendakkan kebenaran itu, atau dengan orang yang sedang atau yang akan menyertai sistem pembayaran itu, sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, dan juga boleh membuat apa-apa pemeriksaan premis, kelengkapan, mesin, buku atau dokumen, akaun dan transaksi lain yang berhubungan dengan sistem pembayaran itu sebagaimana yang didapati wajar oleh Lembaga.

(3) Lembaga boleh meluluskan atau menolak sesuatu skim yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) dan kaedah-kaedah, kontrak, undang-undang kecil atau dokumen lain yang berhubungan dengan skim itu dan dikemukakan bersama dengan skim itu atau boleh meluluskannya tertakluk kepada apa-apa ubah suai dan perubahan kepada skim itu, atau kepada mana-mana atau semua dokumen yang dikemukakan bersama dengannya, sebagaimana yang

difikirkannya perlu, wajar atau suai manfaat, dan boleh apabila memberikan apa-apa kebenaran di bawah seksyen ini, mengenakan apa-apa sekatan, batasan, atau syarat yang disifatkannya patut.

(4) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana kebenaran yang diberikan, atau dalam apa-apa skim atau dokumen yang diluluskan, di bawah subseksyen (3), mana-mana orang yang dibenarkan di bawah subseksyen itu hendaklah mematuhi mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang berhubungan dengan sistem pembayaran, dan jika terdapat apa-apa konflik atau ketidakselarasan antara terma kebenaran itu atau apa-apa jua dalam skim itu atau dalam apa-apa dokumen itu dengan peraturan-peraturan sedemikian, peruntukan peraturan-peraturan itu hendaklah mengatasi dan hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya.

(5) Semasa suatu kebenaran di bawah subseksyen (3) sedang berkuat kuasa, Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, memeriksa premis, kelengkapan, mesin, buku atau dokumen, akaun atau transaksi lain yang berhubungan dengan sistem pembayaran itu.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, selepas memberi orang yang dibenarkan di bawah subseksyen (3) peluang yang munasabah untuk membuat representasi, membatalkan atau menggantung, atau meminda apa-apa jua yang terkandung dalam, sesuatu kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen itu.

(7) Dalam membuat apa-apa pembatalan di bawah subseksyen (6), Lembaga boleh memasukkan kehendak yang bersifat berdampingan, berkaitan atau bersampingan untuk dipatuhi oleh orang yang kebenarannya hendak dibatalkan atau oleh mana-mana orang yang menyertai sistem itu, dan dalam membuat apa-apa penggantungan di bawah subseksyen itu, Lembaga boleh mengenakan apa-apa terma, syarat dan kehendak yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.

(8) Mana-mana orang yang kebenarannya dibatalkan atau digantung di bawah subseksyen (6) hendaklah dengan serta-merta berhenti mengendalikan sistem pembayaran yang berkenaan dengannya kebenaran itu telah dibatalkan atau digantung.

(9) Tiada entiti berlesen Labuan boleh diberi kelulusan untuk mengendalikan apa-apa sistem pembayaran di bawah seksyen ini.

Pemindahan perniagaan

172. (1) Bagi maksud seksyen ini, apa-apa sebutan mengenai “pemindah” ialah sebutan mengenai entiti berlesen di bawah Bahagian V (Panggal 1, 2 dan 3 sahaja), Bahagian VI dan Bahagian VII, yang memindahkan perniagaannya yang menghendakinya untuk dilesenkan di bawah Akta ini dan “penerima pemindahan” ialah sebutan mengenai entiti berlesen yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan itu, yang menerima pemindahan daripada pemindah.

(2) Kesemua atau mana-mana bahagian perniagaan pemindah boleh dipindahkan kepada penerima pemindahan jika pemindahan itu dilaksanakan melalui skim di bawah seksyen ini.

(3) Skim di bawah seksyen ini tidak boleh mengadakan peruntukan mengenai perniagaan pemindah yang hendak dipindahkan kepada orang yang belum lagi berdaftar untuk menjalankan perniagaan itu di bawah Akta ini atau yang belum lagi wujud kecuali apabila diperuntukkan secara nyata dalam skim itu bahawa skim itu hendaklah hanya mula berkuat kuasa apabila orang itu telah dilesenkan.

(4) Skim di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan mengenai perkara yang bersampingan dengan pemindahan yang dilaksanakan itu dan peruntukan bagi melaksanakan pemindahan itu, dan secara khususnya boleh termasuk peruntukan mengenai—

- (a) apa-apa harta, hak atau liabiliti pemindahan itu termasuklah aset yang mengandungi dana insurans (dalam hal pemindahan perniagaan insurans), untuk meletak hak, menurut skim itu dan tanpa jaminan lanjut, pada penerima pemindahan;
- (b) dalam hal pemindahan perniagaan insurans, pendaftaran polisi yang dipindahkan oleh penerima pemindahan, bagi amaun yang akan dimasukkan berkenaan dengan polisi itu ke dalam dana insurans penerima pemindahan dan, bagi apa-apa perkara lain yang berbangkit di bawah Akta ini daripada pemindahan itu;
- (c) penerusan apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap penerima pemindahan atau terhadap pemindah;

- (d) pembubaran tanpa penggulangan, pemindah; atau
- (e) apa-apa perkara yang bersampingan, berbangkit atau tambahan yang perlu untuk menjamin bahawa skim itu boleh dijalankan sepenuhnya dan dengan berkesan.

(5) Skim di bawah seksyen ini tidak mempunyai kesan melainkan jika ia diluluskan terlebih dahulu oleh Lembaga dan kemudiannya disahkan oleh Mahkamah.

(6) Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai berkenaan dengan tiap-tiap skim:

- (a) pemindah hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu salinan laporan, berserta dengan salinan laporan, jika ada, yang menyatakan terma skim itu;
- (b) setiap pihak kepada skim itu hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan selepas salinan skim itu dikemukakan kepada Lembaga, menyebabkan supaya disiarkan dalam tidak kurang daripada dua akhbar harian yang diluluskan oleh Lembaga suatu notis, yang mengandungi apa-apa butir yang ditentukan, mengenai hasrat untuk membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah bagi pengesahan skim itu; dan
- (c) setiap pihak kepada skim itu hendaklah, bagi tempoh lima belas hari selepas penyiaran notis yang disebut dalam perenggan (b), menyimpan suatu salinan skim itu di pejabatnya di Labuan dan salinan tersebut hendaklah terbuka untuk pemeriksaan oleh kesemua anggotanya dan pemunya polisi yang terjejas oleh skim itu.

(7) Sebagai tambahan kepada subseksyen (6), berkenaan dengan skim bagi pemindahan perniagaan insurans, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) laporan aktuari, jika ada, hendaklah diserahkan berserta dengan salinan skim itu;
- (b) pemindah hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan yang mencukupi untuk menunjukkan pendapat aktuari itu mengenai kesan yang bermungkinan daripada skim itu terhadap pemunya polisi pihak-pihak kepada skim berkenaan dengan apa-apa pemindahan perniagaan insurans nyawa;

- (c) setiap pihak kepada skim itu hendaklah mengemukakan suatu salinan dan laporan yang disebut dalam perenggan (b) kepada mana-mana orang yang meminta salinan itu pada bila-bila masa sebelum Mahkamah mengesahkan skim itu; dan
- (d) Lembaga boleh menyebabkan suatu laporan skim dibuat oleh aktuari yang bebas daripada pihak-pihak kepada skim itu dan, jika Lembaga berbuat demikian, hendaklah menyebabkan suatu salinan laporan itu dihantar kepada setiap pihak itu.

(8) Salinan apa-apa skim dan apa-apa laporan yang disebut dalam subseksyen (6) dan (7), atau ringkasannya yang diluluskan oleh Lembaga, hendaklah, kecuali setakat yang Mahkamah, apabila dibuat permohonan bagi pihak itu, mengarahkan selainnya, dihantar oleh setiap pihak kepada skim itu kepada setiap pemunya polisinya yang terjejas oleh skim itu.

(9) Pihak kepada skim itu hendaklah bertanggung secara bersesama atau berasingan untuk membayar balik kepada Lembaga apa-apa kos atau perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga di bawah seksyen ini berkaitan dengan skim itu; dan skim itu hendaklah termasuk peruntukan mengenai liabiliti yang kena ditanggung antara pihak-pihak.

Dengan syarat bahawa jika Mahkamah telah membuat apa-apa perintah mengenai kos, kos yang hendaklah dibayar balik kepada Lembaga tidak boleh melebihi amaun yang dinyatakan dalam perintah itu.

(10) Lembaga boleh meluluskan atau menolak skim itu.

(11) Selepas sesuatu skim diluluskan oleh Lembaga di bawah subseksyen (10), suatu permohonan boleh dibuat secara bersesama kepada mahkamah melalui saman pemula *ex-parte* oleh pihak-pihak kepada skim itu bagi apa-apa perintah Mahkamah untuk mengesahkan skim yang diluluskan itu dan untuk memudahkan atau membolehkan skim itu dilaksanakan.

(12) Suatu permohonan kepada Mahkamah berkenaan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan skim itu boleh, pada bila-bila

masa sebelum pengesahan skim itu oleh mahkamah, dibuat oleh Lembaga atau oleh mana-mana orang yang pada pendapat Mahkamah berkemungkinan terjejas oleh skim itu.

(13) Mahkamah boleh mengesahkan sesuatu skim dengan atau tanpa ubah suaian atau boleh menolak untuk mengesahkan skim itu.

(14) Skim yang tidak disahkan oleh Mahkamah di bawah subseksyen (13) hendaklah berkuat kuasa mengikut maksudnya walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam seksyen yang terdahulu dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas olehnya.

(15) Apabila skim disahkan, setiap pihak kepada skim itu hendaklah, melainkan jika ia syarikat yang tidak diperbadankan memfailkan suatu salinan skim itu dengan Lembaga dan dengan pihak berkuasa kawal selia dalam negara penubuhannya atau negara asalnya.

(16) Penerima pemindahan hendaklah, dalam tempoh satu bulan selepas skim itu berkuat kuasa, mengemukakan kepada Lembaga—

- (a) pernyataan aset dan liabiliti setiap pihak kepada skim itu, pada masa sebaik sebelum pemindahan itu, yang ditandatangani bagi pihak-pihak itu;
- (b) suatu salinan skim itu yang disahkan oleh Mahkamah dan salinan termeterai perintah Mahkamah yang mengesahkan skim itu; dan
- (c) suatu perisytiharan yang dibuat oleh pengerusi lembaga pengarah penerima pemindahan, atau oleh pegawai prinsipalnya di Labuan, yang menyatakan dengan lengkap tiap-tiap bayaran yang dibuat atau akan dibuat kepada mana-mana orang oleh sebab pemindahan itu, dan yang menyatakan, setakat yang dipercayainya, tiada apa-apa bayaran melampaui yang dinyatakan telah, atau akan, dibuat oleh sebab pemindahan itu atau dengan diketahui oleh pihak-pihak kepada skim itu.

(17) Pemindah hendaklah mengemukakan, dalam tempoh tiga puluh hari dari perintah Mahkamah dibuat di bawah subseksyen (11), suatu salinan disahkan perintah itu berserta

dengan salinan disahkan skim itu yang diluluskan oleh Lembaga di bawah subseksyen (10), dengan pihak berkuasa yang patut, jika ada, yang berkaitan dengan pendaftaran atau perekodan urusan niaga mengenai apa-apa harta alih atau kepentingan mengenai harta alih yang dipindahkan menurut perintah itu.

(18) Jika suatu perintah Mahkamah di bawah subseksyen (11) meletak hak apa-apa tanah beri hakmilik, atau apa-apa syer atau kepentingan mengenai apa-apa tanah beri hakmilik pada penerima pemindahan—

- (a) Mahkamah hendaklah, jika tanah beri hakmilik itu di Semenanjung Malaysia, menurut subseksyen 420(2) Kanun Tanah Negara, menyebabkan suatu salinan perintah itu diserahkan kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebaik selepas pembuatan perintah itu supaya Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melaksanakan peruntukan subseksyen 420(2), (3) dan (4);
- (b) jika tanah beri hakmilik itu di Sabah, penerima pemindahan itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas perintah itu dibuat, mengeluarkan suatu salinan disahkan perintah itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran peletakhakan tanah beri hakmilik itu atau bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik itu kepada penerima pemindahan itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Ordinan Tanah Sabah; atau
- (c) jika tanah beri hakmilik itu di Sarawak, penerima pemindahan itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas perintah itu dibuat, mengeluarkan salinan disahkan perintah itu kepada Pendaftar bagi pendaftaran peletakhakan tanah beri hakmilik atau mengenai bahagian atau kepentingan mengenai tanah beri hakmilik itu, kepada penerima pemindahan, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Sarawak.

(19) Suatu perintah Mahkamah di bawah subseksyen (1) boleh berkaitan dengan apa-apa harta atau perniagaan pemindah di luar Malaysia dan, jika ia berkaitan sedemikian, kuat kuasa boleh diberikan sama ada mengikut apa-apa perkiraan timbal balik berhubung dengan penguatkuasaan penghakiman yang mungkin wujud antara Malaysia dengan negara, wilayah atau tempat di

luar Malaysia di mana harta atau perniagaan itu berada, atau jika tiada perkiraan sedemikian, mengikut undang-undang yang terpakai di negara, wilayah atau tempat itu.

(20) Dalam seksyen ini, “pihak-pihak kepada skim itu” ertinya pemindah dan penerima pemindahan, dan “pihak-pihak kepada sesuatu skim” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Audit dalaman

173. (1) Tiap-tiap pemegang lesen bank dan pemegang lesen insurans hendaklah menjalankan audit dalaman ke atas buku dan operasinya sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa dan hendaklah mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan mengenai audit dalaman itu yang hendaklah termasuk suatu laporan mengenai sistem perakaunan dan kawalan pemegang lesen tersebut.

(2) Juruaudit dalaman yang dilantik oleh pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans untuk menjalankan audit dalaman ke atas buku dan operasinya di bawah subseksyen (1) hendaklah bagi maksud Bahagian ini disifatkan sebagai seorang pegawai pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans masing-masingnya dan hendaklah, pada setiap masa, tertakluk kepada seksyen 178.

(3) Audit dalaman boleh dijalankan oleh mana-mana orang kecuali juruaudit luaran pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah seksyen 174.

(4) Seseorang juruaudit dalaman hendaklah dengan segera melaporkan kepada Lembaga jika, dalam perjalanan kewajipannya sebagai juruaudit dalaman pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans, dia berpuas hati bahawa—

(a) telah berlaku suatu pelanggaran peruntukan Akta ini atau bahawa suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dilakukan oleh pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans itu atau oleh mana-mana pegawai atau pekerjanya; atau

- (b) apa-apa ketidakteraturan yang menjejaskan kepentingan pemiutang pemegang lesen bank atau pemegang lesen insurans itu, atau, dalam hal pemegang lesen insurans, kepentingan pemunya polisi, atau apa-apa ketidakteraturan serius yang lain, telah berlaku.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Juruaudit luar

174. (1) Tiap-tiap entiti berlesen hendaklah melantik juruaudit luar pada setiap tahun sebelum apa-apa tarikh atau dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh menyenggarakan suatu senarai juruaudit bagi maksud seksyen ini.

(3) Juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah menjalankan audit ke atas akaun entiti berlesen itu berkenaan dengan operasi perniagaannya dan hendaklah mengemukakan laporan mengenai audit itu berserta dengan ulasannya mengenai sistem perakaunan dan kawalan entiti berlesen itu kepada peserta-peserta entiti berlesen itu dan kepada Lembaga.

(4) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, menghendaki juruaudit yang dilantik di bawah seksyen ini untuk mengemukakan kepada Lembaga apa-apa penjelasan berhubung dengan auditnya sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang juruaudit hendaklah dengan segera melaporkan kepada Lembaga jika, dalam perjalanan kewajipannya sebagai juruaudit bagi entiti berlesen, dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku suatu pelanggaran peruntukan mana-mana Bahagian Akta ini atau bahawa suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dilakukan oleh entiti berlesen itu atau mana-mana pekerjanya; atau
- (b) apa-apa ketidakteraturan yang menjejaskan kepentingan pemunya polisi, dalam hal suatu entiti berlesen di bawah Bahagian V, atau pemiutang entiti berlesen itu, atau apa-apa ketidakteraturan lain, telah berlaku.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Akaun dan rekod

175. (1) Sesuatu entiti berlesen di bawah Akta ini hendaklah menyebabkan supaya disimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang sepatutnya yang boleh menerangkan transaksi dan kedudukan kewangan entiti berlesen itu dengan secukupnya.

(2) Tiap-tiap entiti berlesen dan pengarahnya hendaklah menyebabkan catatan yang sewajarnya dibuat dalam rekod perakaunan dan rekod lain entiti berlesen itu dalam tempoh enam puluh hari selepas selesainya transaksi yang berhubungan dengannya.

(3) Menjadi wajib bagi rekod perakaunan dan rekod lain entiti berlesen disimpan di pejabat berdaftar entiti berlesen itu atau di mana-mana tempat di Labuan yang difikirkan patut oleh pengarah entiti berlesen itu dan rekod perakaunan dan rekod lain itu hendaklah pada setiap masa dibuka untuk pemeriksaan oleh mana-mana pengarah dan hendaklah disimpan mengikut apa-apa cara bagi membolehkan rekod-rekod itu diaudit dengan mudah dan sepatutnya.

(4) Lembaga boleh, dalam mana-mana hal tertentu, mengarahkan supaya rekod perakaunan dan rekod lain sesuatu entiti berlesen dibuka untuk pemeriksaan juruaudit yang bertindak bagi pihak seorang pengarah, tetapi hanya atas suatu aku janji secara bertulis bahawa maklumat yang diperoleh oleh juruaudit semasa pemeriksaannya itu tidak boleh didedahkan kepadanya kecuali kepada pengarah itu.

(5) Mana-mana pengarah sesuatu entiti berlesen yang tidak mengambil segala langkah munasabah untuk memastikan pematuhan kehendak seksyen ini oleh entiti berlesen itu, atau seorang pengarah yang dengan tindakan sengajanya telah menyebabkan keingkaran oleh entiti berlesen itu di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(6) Bagi maksud seksyen ini, “rekod perakaunan dan rekod lain” hendaklah termasuk, jika berkenaan, yang berikut:

- (a) semua jumlah wang yang diterima dan dibelanjakan oleh entiti berlesen dan perkara-perkara yang berkenaan dengannya penerimaan dan perbelanjaan itu telah dibuat;
- (b) semua jualan dan belian barangan oleh entiti berlesen itu;
- (c) aset dan liabiliti entiti berlesen itu; dan
- (d) semua buku dan rekod yang berkaitan yang ditentukan oleh Lembaga.

(7) Walau apa pun subseksyen (3), Lembaga boleh secara bertulis membenarkan sesuatu entiti berlesen untuk menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain di luar Labuan dengan syarat bahawa entiti berlesen itu hendaklah juga menyenggarakan akaun dan rekod yang menunjukkan kedudukan kewangannya dengan semunasabahnya tepat dan akaun dan rekod itu dikemaskinikan sekali dalam tiap-tiap enam bulan di Labuan.

Wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang

176. (1) Mana-mana entiti berlesen atau mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti di bawah Akta ini tidak boleh menerima—

- (a) apa-apa wang atau harta lain yang berpunca daripada sesuatu transaksi, operasi atau aktiviti lain yang merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang Malaysia atau yang, jika dijalankan di Malaysia, akan menjadi suatu kesalahan; atau
- (b) apa-apa wang atau harta lain yang penerimaan, pemunyaan atau pengawalannya ialah atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1)(a).

(2) Jika mana-mana orang, yang merupakan seorang pengarah, pegawai atau ejen mana-mana entiti berlesen itu atau orang yang disebut dalam subseksyen (1)—

- (a) mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa entiti berlesen itu atau orang yang disebut dalam subseksyen (1)

mempunyai harta atau pendapatan yang terakru kepadanya atau yang diperoleh olehnya dan yang berpunca daripada suatu transaksi, operasi atau aktiviti lain yang merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang Malaysia atau yang, jika dijalankan di Malaysia, akan menjadi suatu kesalahan; atau

- (b) telah menerima atau mempunyai dalam milikannya atau kawalannya wang atau harta lain yang penerimaan, pemunyaan atau pengawalannya ialah atau akan menjadi suatu kesalahan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (2)(a),

menjadi kewajipan orang itu untuk dengan serta-merta untuk membawa perkara itu kepada perhatian Lembaga.

(3) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Semua wang atau harta yang diperihalkan dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah terlucut hak kepada Kerajaan dan menjadi hartanya secara mutlak.

Pemeriksaan dan penelitian buku dan dokumen entiti berlesen

177. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa—

- (a) memeriksa dan meneliti buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi lain mana-mana entiti berlesen; atau
- (b) mendapatkan daripada mana-mana entiti berlesen, menghendaki mana-mana entiti berlesen untuk memberikan akses kepada, atau menghendaki mana-mana entiti berlesen untuk memberikan, apa-apa maklumat atau salinan apa-apa rekod, buku atau dokumen lain yang berhubungan dengan perniagaan entiti berlesen itu yang dijalankan di bawah Akta ini yang, pada pendapat Lembaga, adalah perlu bagi membolehkannya menentukan pematuhan peruntukan Akta ini.

(2) Lembaga boleh meluluskan pihak berkuasa penyeliaan negara asal entiti berlesen itu untuk menjalankan aktiviti yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (b).

(3) Setiap pengarah atau pegawai entiti berlesen hendaklah memberikan kerjasama dan bantuannya kepada Lembaga untuk memudahkan apa-apa pemeriksaan dan penelitian yang dijalankan di bawah perenggan (1)(a).

Kerahsiaan

178. (1) Tiada seorang pun yang kerana apa-apa sebab mempunyai akses kepada apa jua rekod, buku, daftar, surat-menyurat atau dokumen lain, bahan atau maklumat berhubungan dengan hal ehwal atau akaun orang yang berikut boleh menzahirkan kepada mana-mana orang, atau membuat rekod bagi mana-mana orang mengenai apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat atau dokumen lain, bahan atau maklumat:

- (a) dana bersama di bawah Bahagian III;
- (b) mana-mana pelanggan suatu syarikat amanah Labuan atau syarikat amanah persendirian Labuan di bawah Bahagian V;
- (c) mana-mana pelanggan pemegang lesen bank di bawah Bahagian VI;
- (d) mana-mana pemunya polisi di bawah Bahagian VII;
- (e) bursa yang ditubuhkan di bawah Bahagian IX;
- (f) organisasi kawal selia sendiri yang ditubuhkan di bawah Bahagian X;
- (g) mana-mana entiti berlesen di bawah Akta ini.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

- (a) apa-apa penzahiran yang dikehendaki dengan sah di bawah seksyen 28B Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 atau di bawah seksyen 22 Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990;
- (b) apa-apa penzahiran yang dikehendaki di bawah suatu perintah mahkamah yang dibuat dengan permohonan *ex parte*, dengan syarat bahawa orang yang menzahirkan maklumat

yang berkenaan hendaklah memberitahu orang yang terjejas dengan perintah itu dan setelah diterima pemberitahuan itu, orang yang terjejas itu boleh memfailkan permohonan yang perlu kepada mahkamah untuk mempertikaikan perintah itu atau sebaliknya mematuhi perintah itu dengan sewajarnya:

- (c) maklumat yang berhubungan dengan dana bersama di bawah Bahagian III, dengan persetujuan dana bersama itu terlebih dahulu dan pelaburnya yang berkenaan;
- (d) maklumat yang berhubungan dengan pelanggan syarikat amanah Labuan atau syarikat amanah persendirian Labuan di bawah Bahagian V, dengan persetujuan bertulis pelanggan atau pelanggan itu terlebih dahulu;
- (e) maklumat yang berhubungan dengan pelanggan pemegang lesen bank di bawah Bahagian VI, dengan persetujuan bertulis pelanggan itu atau wakil dirinya terlebih dahulu;
- (f) maklumat yang berhubungan dengan pemunya polisi di bawah Bahagian VII, dengan persetujuan pemunya polisi itu atau wakil dirinya terlebih dahulu atau dalam perjalanan peletakan perniagaan insurans semula;
- (g) maklumat yang berhubungan dengan entiti berlesen, dengan persetujuan bertulis entiti berlesen itu terlebih dahulu.

(3) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa rekod, buku, daftar, surat-menyurat atau dokumen lain, bahan atau maklumat yang pada pengetahuannya telah dizahirkan melanggar dengan subseksyen (1) boleh dengan apa-apa cara jua menzahirkan rekod, buku, daftar, surat-menyurat atau dokumen lain, bahan atau maklumat itu kepada mana-mana orang lain.

(4) Semua prosiding, kecuali prosiding jenayah, yang berhubungan dengan pelanggaran seksyen ini hendaklah dimulakan di mana-mana Mahkamah di bawah peruntukan Akta ini dan apa-apa rayuan daripadanya hendaklah, melainkan jika diperintahkan oleh Mahkamah selainnya, didengar secara tertutup dan tiada butir-butir mengenai prosiding itu boleh disiarkan oleh mana-mana orang tanpa keizinan Mahkamah.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh membataskan apa-apa kuasa yang diberikan kepada Mahkamah atau seseorang hakim oleh Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949 atau melarang pematuhan perintah yang dibuat di bawah Akta itu.

(6) Seksyen 7 Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949 tidaklah terpakai bagi pemegang lesen bank di bawah Bahagian VI, pengarahnya atau tawaran.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Terjemahan

179. Jika apa-apa surat cara atau dokumen yang dikehendaki diserahkan simpan dengan Lembaga adalah dalam bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, surat cara atau dokumen itu hendaklah disertakan dengan suatu terjemahannya yang telah ditentukan atau diperakukan sama ada dalam bahasa kebangsaan atau Inggeris.

Pemakaian Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996

180. Jika berlaku apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, peruntukan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 hendaklah mengatasi.

Pemakaian Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009

181. (1) Sesuatu entiti berlesen yang menjalankan atau mengurusniagakan atau mengemukakan dirinya sebagai menjalankan atau mengurusniagakan perniagaan perbankan Islam, perniagaan

perbankan pelaburan Islam, takaful, takaful semula atau apa-apa perniagaan lain di bawah Akta ini yang mematuhi syariah, hendaklah mematuhi peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 dalam perkara-perkara yang pematuhan syariah adalah berkenaan, tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang dibuat oleh Lembaga menurut garis panduan.

(2) Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 dalam perkara-perkara yang pematuhan syariah adalah berkenaan, peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 hendaklah mengatasi.

Pemakaian Akta Kawalan Pertukaran 1953

182. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan peruntukan Akta Kawalan Pertukaran 1953 dan dalam pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini kepada mana-mana orang atau pemegang lesen bank, peruntukan itu hendaklah terpakai tertakluk kepada peruntukan Akta Kawalan Pertukaran 1953.

(2) Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Kawalan Pertukaran 1953, peruntukan Akta Kawalan Pertukaran 1953 hendaklah mengatasi.

(3) Peruntukan Akta Kawalan Pertukaran 1953 tidaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa transaksi yang dikecualikan di bawah Akta itu dan apa-apa garis panduan, pekeliling atau notis yang dikeluarkan di bawahnya.

Pemakaian Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007

183. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menjejaskan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan dalam pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini kepada mana-mana orang, peruntukan itu hendaklah terpakai tertakluk kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

(2) Jika terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, peruntukan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 hendaklah mengatasi.

(3) Peruntukan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 tidaklah terpakai bagi suatu entiti berlesen berkenaan dengan apa-apa aktiviti berlesen di bawah Akta ini, apabila aktiviti berlesen itu dijalankan di Labuan atau di luar Malaysia.

Pemakaian Akta Syarikat Labuan 1990 dan Akta Syarikat 1965

184. (1) Sebagai tambahan kepada, dan dengan tidak mengurangkan, peruntukan Akta ini—

(a) Akta Syarikat Labuan 1990 hendaklah terpakai bagi—

- (i) pemegang lesen bank yang bukan pemegang lesen bank Malaysia; dan
- (ii) pemegang lesen insurans yang merupakan syarikat Labuan atau syarikat Labuan asing; dan

(b) Akta Syarikat 1965 hendaklah terpakai bagi—

- (i) pemegang lesen bank Malaysia atau entiti berlesen yang dilesenkan di bawah seksyen 90 yang merupakan pejabat sesuatu bank Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta itu; dan
- (ii) pemegang lesen insurans yang merupakan cawangan suatu penanggung insurans Malaysia.

(2) Jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta lain yang disebut dalam subseksyen (1) dalam pemakaiannya kepada entiti berlesen masing-masing, peruntukan Akta ini hendaklah mengatasi.

(3) Jika terdapat apa-apa kesukaran atau keraguan yang timbul dalam pemakaian subseksyen (1) berhubung dengan mana-mana entiti berlesen tertentu atau apa-apa perkara atau hal keadaan tertentu atau secara amnya, Lembaga boleh menyelesaikannya dengan mengeluarkan arahan mengenai isu itu.

Ketidapkakaian undang-undang tertentu

185. (1) Tiada pemegang lesen bank boleh, berkenaan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh pemegang lesen itu, tertakluk kepada mana-mana peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983.

(2) Tiada pemegang lesen insurans boleh, berkenaan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh pemegang lesen itu di bawah Bahagian VII, tertakluk kepada mana-mana peruntukan Akta Insurans 1996 dan Akta Takaful 1984.

(3) Bagi maksud Bahagian IX—

(a) peruntukan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 tidaklah terpakai bagi penubuhan, penjalanan, aktiviti dan perniagaan apa-apa bursa yang ditubuhkan di bawah Penggal 2 Bahagian IX;

(b) seksyen 7, subseksyen 21(2), seksyen 24, 85, subseksyen 87(2), 87(4), 87(5), 87(10), 93(2), 93(6) dan 93(7) Akta Syarikat Labuan 1990 tidaklah terpakai bagi apa-apa bursa yang ditubuhkan di bawah Penggal 2 Bahagian IX; dan

(c) peruntukan Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*] tidaklah terpakai bagi apa-apa bursa yang ditubuhkan di bawah Penggal 2 Bahagian IX dan apa-apa bursa di bawah Penggal 2 Bahagian IX boleh menjalankan perniagaannya selama dua puluh empat jam setiap hari pada mana-mana dan semua hari setiap minggu tertakluk kepada apa-apa batasan atau sekatan yang dikenakan oleh atau menurut undang-undang kecil atau kaedah-kaedah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Peruntukan Akta Syarikat Amanah 1949 tidaklah terpakai bagi sesuatu syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat amanah Labuan, syarikat amanah diurus Labuan atau syarikat amanah persendirian Labuan.

Kekebalan

186. (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibuat atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam

mana-mana Mahkamah atau mana-mana tribunal terhadap mana-mana orang yang berikut:

- (a) Menteri;
- (b) Lembaga;
- (c) mana-mana anggota, pegawai, jawatankuasa, pekhidmat atau ejen Lembaga; dan
- (d) mana-mana orang lain yang menurut undang-undang bertindak bagi pihak, atau dengan mematuhi arahan, Lembaga,

bagi atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau sebagai melaksanakan, atau yang dimaksudkan untuk menurut atau melaksanakan Akta ini, atau apa-apa garis panduan, arahan, nasihat atau apa-apa jua benda lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa perbuatan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(2) Subseksyen (1) hendaklah sebagai tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*], dan bagi maksud Akta itu, tiap-tiap orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam atau orang yang terlibat atau diambil kerja dalam melaksanakan kewajipan awam.

(3) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota Lembaga, mana-mana anggota jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya atas sifat itu.

Penalti am

187. (1) Seseorang yang melanggar sesuatu kehendak Akta ini melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh—

- (a) dalam hal sesuatu badan, diperbadankan atau tidak diperbadankan, didenda tidak melebihi tiga juta ringgit; atau
- (b) dalam hal seseorang individu, didenda tidak melebihi satu juta ringgit,

dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, dikenakan denda harian yang tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

188. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana orang yang, pada masa pelakuan kesalahan itu, ialah pengarah atau pegawai lain yang seumpamanya atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

Fi tahunan dan fi lesen

189. (1) Lembaga boleh menetapkan apa-apa fi tahunan, lesen atau pendaftaran melalui peraturan-peraturan berkenaan dengan aktiviti entiti berlesen atau entiti berdaftar atau aktiviti lain di bawah Akta ini.

(2) Fi yang ditetapkan itu hendaklah dibayar pada atau sebelum 15 Januari tiap-tiap tahun yang berikutan tahun yang apa-apa persetujuan, lesen atau pendaftaran diberikan.

(3) Apa-apa fi yang tidak dibayar boleh diambil guaman ke atasnya oleh Lembaga melalui tindakan sebagai hutang sivil dan sebagai tambahan Lembaga boleh menghendaki pembayaran penalti kerana pembayaran lewat ke takat suatu amaun yang setara dengan dua kali ganda amaun fi yang tidak dibayar itu dan kos mendapatkan amaun itu termasuklah tetapi tidak terhad kepada kos prosiding undang-undang.

Fi dan penalti hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang

190. (1) Semua fi dan penalti yang dibayar kepada Lembaga di bawah Akta ini dan semua jumlah wang yang dibayar di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), semua fi yang dibayar di bawah seksyen 140 Bahagian IX hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang Bursa atau apa-apa bursa lain yang ditubuhkan menurut Bahagian IX dan boleh digunakan mengikut peruntukan undang-undang kecil Bursa itu atau mana-mana bursa lain.

Tatacara apabila tiada tatacara dinyatakan

191. Sekiranya apa-apa perbuatan atau langkah dikehendaki atau dibenarkan dilakukan atau diambil di bawah Akta ini dan tiada borang ditentukan atau tatacara dinyatakan sama ada dalam Akta ini atau peraturan-peraturan, permohonan boleh dibuat kepada

Lembaga untuk arahan tentang cara yang mengikutnya perbuatan atau langkah itu boleh dilakukan atau diambil, dan apa-apa perbuatan atau langkah yang dilakukan atau diambil mengikut arahan sedemikian hendaklah menjadi pelaksanaan yang sah bagi perbuatan atau langkah itu.

Salah nyataan

192. Seseorang yang—

- (a) dengan sengaja atau dengan melulu membuat sesuatu salah nyataan dalam apa-apa dokumen atau bahan atau rekod yang dikehendaki supaya difailkan, diberikan atau dihantar serah di bawah Akta ini;
- (b) membuat apa-apa pernyataan atau memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah Akta ini yang diketahuinya palsu atau mengelirukan;
- (c) dengan disedarinya tidak menzahirkan apa-apa fakta atau maklumat yang dikehendaki supaya dizahirkan di bawah Akta ini; atau
- (d) mempunyai jagaan ke atas, atau mempunyai milikan atau kawalan secara berseorangan atau bersama seorang lain atau bersama beberapa orang lain atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa maklumat, rekod, buku atau dokumen lain yang disebut dalam peruntukan Akta ini yang enggan atau dengan sengaja abai untuk mematuhi apa-apa arahan sah di sisi undang-undang yang diberikan di bawah peruntukan sedemikian,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Penguatkuasaan

193. (1) Jika—

- (a) sesuatu entiti berlesen tidak solven atau berkemungkinan tidak boleh memenuhi semua atau mana-mana obligasinya atau akan menggantungkan pembayaran pada apa-apa takat;

- (b) sesuatu entiti berlesen, pegawai prinsipalnya, pegawainya atau mana-mana orang lain yang serupa itu yang menjalankan perniagaan mengikut cara yang dipercayai Lembaga dengan munasabah sebagai memudaratkan kepentingan benefisiarinya, pelaburnya, pemiutangnya atau mana-mana pihak berkepentingan serupa yang lain; atau
- (c) sesuatu entiti berlesen, pegawai prinsipalnya, pegawainya atau mana-mana orang lain yang serupa telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa,

Lembaga boleh—

- (A) jika berkenaan, mengenakan terma, syarat, sekatan atau batasan baru atau tambahan ke atas pengendalian entiti berlesen itu atau mengubah atau membatalkan apa-apa terma, syarat, sekatan atau batasan yang telahpun dikenakan;
 - (B) menghendaki penyingkiran mana-mana pegawai prinsipal, pegawai atau mana-mana orang serupa yang lain entiti berlesen itu oleh seseorang lain yang diluluskan oleh Lembaga;
 - (C) melantik seseorang, bagi pihak Lembaga, untuk mengambil alih kawalan ke atas hal ehwal entiti berlesen itu; atau
 - (D) memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah untuk mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu oleh Lembaga untuk melindungi kepentingan benefisiari, pelabur, pemiutang atau mana-mana pihak berkepentingan serupa yang lain entiti berlesen itu.
- (2) Lembaga boleh membawa tindakan dan memulakan prosiding untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta ini atau untuk mendapatkan fi atau jumlah wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini atau perbelanjaan yang dilakukan oleh Lembaga dalam menjalankan obligasinya di bawah Akta ini.

Kuasa untuk mengkompaun

194. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, dalam kes yang difikirkannya patut dan sesuai untuk berbuat demikian, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang boleh dihukum di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu atas pembayaran kepada Lembaga, dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang ditentukan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjut yang dibenarkan oleh Lembaga, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(5) Apa-apa wang yang dibayar kepada Lembaga menurut subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 29 Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

Penyampaian dokumen

195. (1) Apa-apa dokumen atau notis yang dikehendaki supaya disampaikan oleh Lembaga kepada sesuatu entiti berlesen, sesuatu dana bersama, sesuatu organisasi kawal selia sendiri atau sesuatu bursa di bawah Akta ini boleh disampaikan dengan meninggalkannya

di, atau menghantarkannya melalui pos, ke pejabat berdaftar entiti berlesen, dana bersama, organisasi kawal selia sendiri atau bursa tertentu itu.

(2) Jika dokumen atau notis itu telah disampaikan mengikut subseksyen (1), dokumen atau notis itu disifatkan telah disampaikan dengan sempurna kepada entiti berlesen, dana bersama, organisasi kawal selia sendiri atau bursa tertentu itu.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

196. Menteri boleh, atas syor Lembaga, membuat peraturan-peraturan menetapkan semua perkara dan benda yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan atau diperuntukkan, bagi menjalankan, atau melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini.

Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan

197. (1) Menteri boleh, atas syor bertulis Lembaga, demi kepentingan awam, mengeluarkan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, suatu arahan—

- (a) melarang pembentukan apa-apa perniagaan atau aktiviti, termasuklah apa-apa kelas perniagaan atau aktiviti; atau
- (b) mengarahkan sesuatu entiti berlesen, untuk berhenti menjalankan perniagaannya atau sebahagian daripada perniagaannya sama ada dengan serta-merta atau dalam apa-apa masa yang ditentukan dalam arahan itu.

(2) Sesuatu arahan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dibatalkan atau diubah oleh Menteri.

Kuasa Menteri untuk meminda jadual

198. (1) Menteri boleh, atas syor Lembaga, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengubah, memotong, menambah, menggantikan, atau selainnya meminda mana-mana

jadual kepada Akta ini dan apabila perintah itu disiarkan, jadual itu sebagaimana yang telah diubah, dipotong, ditambah, digantikan atau selainnya dipinda, hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya dan hendaklah disifatkan sebagai bahagian integral Akta ini mulai tarikh penyiaran itu, atau dari apa-apa tarikh yang lebih lewat yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Menteri dalam mengubah, memotong atau menggantikan mana-mana jadual yang disebut dalam subseksyen (1) boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya perlu.

Kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian

199. Menteri boleh, atas syor Lembaga, mengecualikan mana-mana entiti berlesen Labuan daripada mana-mana peruntukan Akta ini dan boleh, dalam memberikan pengecualian sedemikian, mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

Penyiaran pemberitahuan, *Warta*

200. Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, Lembaga hendaklah, sama ada sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata dalam peruntukan atau jika tiada jangka masa dinyatakan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menyiarkan pemberitahuan, termasuklah pemberitahuan *Warta*, tetapi apa-apa kelengahan dalam menyiarkan notis sedemikian tidak boleh dengan apa-apa cara menyentuh kesahan pemberitahuan itu atau kandungan atau perintah yang dibuat dalamnya.

Pemansuhan, pengecualian dan peralihan

201. (1) Bagi maksud seksyen ini, “tarikh kuat kuasa” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 1.

(2) Akta Syarikat Amanah Labuan 1990, Akta Bank Luar Pesisir 1990, Akta Insurans Luar Pesisir 1990 dan Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 (“Akta yang dimansuhkan”) dimansuhkan bermula dari tarikh kuat kuasa.

(3) Walau apa pun subseksyen (1)—

(a) semua—

- (i) peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, pengecualian dan perundangan subsidiari lain, tidak kira dengan apa jua nama dipanggil; dan
- (ii) semua kelulusan, arahan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan eksekutif lain, tidak kira dengan apa jua nama dipanggil,

yang dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah atau mengikut, atau menurut kuasa Akta yang dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat, diberikan, atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan Akta ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya berhubungan dengan orang yang baginya ia terpakai sehinggalah dipinda, dimansuhkan, diungkai, dibatalkan atau digantikan di bawah, mengikut atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan Akta ini;

- (b) tiap-tiap arahan, notis, garis panduan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Lembaga atau Menteri di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh kuat kuasa dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh kuat kuasa itu, hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan menurut undang-undang di bawah Akta ini berhubungan dengan peruntukan tertentu Akta ini yang bersamaan dengan perkara yang diperkatakan dalam arahan, notis, garis panduan atau pekeliling itu dan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya sehingga dipinda, diungkai atau dimansuhkan di bawah Akta ini;

- (c) apa-apa permohonan untuk kelulusan atau persetujuan, atau bagi apa-apa jua maksud lain, atau apa-apa rayuan yang berhubungan dengan permohonan itu, yang dibuat oleh mana-mana orang kepada Menteri atau kepada Lembaga di bawah Akta yang dimansuhkan itu sebelum tarikh kuat kuasa, dan yang masih belum selesai sebaik

sebelum tarikh kuat kuasa itu, hendaklah, jika terdapat peruntukan yang bersamaan dalam Akta ini, diuruskan seolah-olah ia dibuat di bawah peruntukan itu dan, jika peruntukan yang bersamaan sedemikian tidak ada dalam Akta ini, permohonan atau rayuan itu hendaklah luput pada tarikh kuat kuasa; dan

- (d) segala transaksi atau urus niaga menurut undang-undang yang dilaksanakan atau dibuat menurut undang-undang, dan semua perniagaan yang dilakukan menurut undang-undang, di bawah atau mengikut Akta yang dimansuhkan oleh seseorang yang diluluskan atau didaftarkan di bawah Akta yang dimansuhkan, dengan mana-mana orang lain, hendaklah disifatkan sebagai telah dilaksanakan, dibuat, atau dilakukan, di bawah dan mengikut Akta ini, dan dengan sewajarnya, apa-apa hak atau liabiliti di bawah transaksi atau urus niaga itu, sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, hendaklah disifatkan sebagai terus sah di sisi undang-undang dan sah di bawah Akta ini.

(3) Jika sesuatu sebutan dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai “Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998”, “Akta Syarikat Amanah Luar Pesisir 1990”, “Akta Bank Luar Pesisir 1990”, dan “Akta Insurans Luar Pesisir 1990”, pada dan selepas tarikh ditetapkan, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Bahagian yang berkaitan dalam Akta ini.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan di atas, Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan yang ditubuhkan oleh Menteri di bawah seksyen 30 Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 yang dimansuhkan dan yang diluluskan dan diiktiraf sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai telah diluluskan di bawah peruntukan yang bersamaan Akta ini.

(5) Apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Menteri ke atas Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan dan yang sedang berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah disifatkan sebagai syarat atau sekatan yang kepadanya kelulusan atau pengiktirafannya di bawah Akta ini adalah tertakluk.

(6) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2) dan tertakluk kepada peruntukan Akta ini, mana-mana orang yang memegang mana-mana lesen yang berikut atau dibenarkan untuk didaftarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah, dari tarikh itu, disifatkan sebagai dilesenkan di bawah Akta ini berkenaan dengan aktiviti yang dijalankan olehnya di bawah lesen yang mula-mula disebut itu:

- (a) lesen pengurus yang diberikan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 yang dimansuhkan;
- (b) pentadbir yang didaftarkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1998 yang dimansuhkan;
- (c) syarikat amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah Labuan 1990 yang dimansuhkan;
- (d) lesen perbankan luar pesisir dan lesen perbankan pelaburan luar pesisir yang diberikan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 yang dimansuhkan;
- (e) lesen insurans luar pesisir yang diberikan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990 yang dimansuhkan.

(7) Apa-apa syarat atau sekatan yang kepadanya mana-mana lesen atau pendaftaran yang disebut dalam subseksyen (6) adalah tertakluk sebaik sebelum tarikh kuat kuasa, setakat yang ia adalah selaras dengan peruntukan Akta ini, hendaklah disifatkan menjadi suatu syarat atau sekatan yang kepadanya lesen yang bersamaan yang disebut dalam subseksyen (6) adalah tertakluk.

Keberterusan hak, liabiliti lain, dsb., yang lain di bawah Akta yang dimansuhkan

202. (1) Tiada apa-apa dalam Akta yang dimansuhkan atau Akta ini boleh menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan atau pelanggaran yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh kuat kuasa atau mana-mana prosiding yang telah dibawa, hukuman yang telah dikenakan atau tindakan yang telah diambil sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan atau pelanggaran itu.

(2) Mana-mana hak, keistimewaan atau obligasi atau liabiliti yang diperoleh, terakru atau dilakukan sebelum tarikh kuat kuasa atau apa-apa prosiding undang-undang, remedi atau penyiasatan berkenaan dengan apa-apa hak, keistimewaan, obligasi atau liabiliti tidaklah terjejas oleh Akta ini dan hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Akta ini telah tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA

[subseksyen 2(1); takrif “pengarah”]

Ruang Pertama (orang)	Ruang Kedua (pengarah)	Ruang Ketiga (ditubuhkan)	Ruang Keempat (peserta)
Perbadanan	seseorang yang memegang jawatan pengarah perbadanan itu, tidak kira apa jua namanya dipanggil, dan termasuklah seseorang yang mengikut arahan atau petunjuknya pengarah perbadanan itu biasanya bertindak dan seorang pengarah silih ganti atau gantian	diperbadankan	pemegang syer
Koperasi	seorang anggota lembaga atau badan pengelola lain koperasi itu, tidak kira apa jua namanya dipanggil	didaftarkan, diperbadankan atau selainnya wujud di sisi undang-undang sebagai suatu koperasi	anggota
Badan berkanun	seorang anggota lembaga, jawatankuasa, majlis atau badan pengelola lain badan berkanun itu, tidak kira apa jua namanya dipanggil	kewujudannya di bawah undang-undang yang menubuhkan, melantik atau membentuknya	pemegang syer atau, jika badan berkanun itu tidak mempunyai modal syer, seseorang yang secara keseluruhan, berasingan atau bersesama dengan orang lain yang memiliki badan berkanun itu
Perkongasian	pekongsi	pembentukannya	pekongsi

Ruang Pertama (<i>orang</i>)	Ruang Kedua (<i>pengarah</i>)	Ruang Ketiga (<i>ditubuhkan</i>)	Ruang Keempat (<i>peserta</i>)
Perkongsian terhad	pekongsi am (atau orang yang memegang peranan yang serupa)	pembentukannya a t a u j i k a p e n d a f t a r a n atau bentuk perekodan atau pengiktirafan lain dikehendaki sebelum aktiviti atau perniagaan boleh dimulakan m e n u r u t undang-undang, pendaftaran, perekodan atau pengiktirafan u n d a n g - undang-undang di bawah undang- undang yang terpakai	pekongsi
Perkongsian liabiliti terhad	pekongsi ditetapkan (atau orang yang memegang peranan yang serupa)	pembentukannya a t a u j i k a p e n d a f t a r a n atau bentuk perekodan atau pengiktirafan lain dikehendaki sebelum aktiviti atau perniagaan boleh dimulakan m e n u r u t undang-undang, pendaftaran, perekodan atau pengiktirafan u n d a n g - undang-undang di bawah undang- undang yang terpakai	p e k o n g s i terhad

Ruang Pertama <i>(orang)</i>	Ruang Kedua <i>(pengarah)</i>	Ruang Ketiga <i>(ditubuhkan)</i>	Ruang Keempat <i>(peserta)</i>
Pemunyaan tunggal	pemunya tunggal	jika pendaftaran atau bentuk perekodan atau pengiktirafan lain dikehendaki sebelum aktiviti atau perniagaan boleh dimulakan m e n u r u t undang-undang, pendaftaran, perekodan atau pengiktirafan u n d a n g - undangya di bawah undang-undang yang terpakai	p e m u n y a tunggal
Mana-mana badan, persatuan atau kumpulan orang lain sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan	mana-mana orang yang mempunyai arahan atau kawalan ke atas pengurusan hal-ehwal atau perniagaannya	jika pendaftaran atau bentuk perekodan atau pengiktirafan lain dikehendaki sebelum aktiviti atau perniagaan boleh dimulakan m e n u r u t undang-undang, pendaftaran, perekodan atau pengiktirafan u n d a n g - undangya di bawah undang-undang yang terpakai	anggota bagi badan, persatuan atau kumpulan itu, tidak kira apa jua namanya disebut

JADUAL KEDUA

[subseksyen 2(1)]

Persatuan profesional yang diiktiraf berhubung dengan syarat aktuari

Institut Aktuari di England

Fakulti Aktuari di Scotland

Pertubuhan Aktuari di Amerika Syarikat

Institut Aktuari Kanada

Institut Aktuari Australia

Apa-apa persatuan lain yang diluluskan oleh Lembaga

JADUAL KETIGA

[seksyen 99 dan 111]

Maklumat kewangan dan statistik dan maklumat untuk dikemukakan kepada Lembaga

Bahagian A: Pemegang lesen bank**Penyata kewangan**

Dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan sesuatu pemegang lesen bank, atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Lembaga, pemegang lesen bank hendaklah mengemukakan kepada Lembaga, berkenaan dengan keseluruhan operasi perniagaannya, dua salinan setiap kunci kira-kira tahunan terauditnya yang terkini, akaun untung rugi, suatu pernyataan yang menyatakan sumber, peruntukan dan penggunaan wangnya dan laporan juruaudit.

Statistik dan maklumat

(1) Tiap-tiap pemegang lesen bank, pada apa-apa kekerapan yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa, mengemukakan kepada Lembaga suatu pernyataan yang menunjukkan aset dan liabiliti pemegang lesen bank itu berhubung dengan perniagaan perbankan Labuan atau perniagaan perbankan pelaburan Labuannya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sesuatu pernyataan yang dikemukakan di bawah perenggan (1) hendaklah termasuk —

- (a) suatu penyata yang menyatakan keseluruhan amaun kemudahan kredit yang diberikan oleh pemegang lesen bank kepada mana-mana pelanggan pemegang lesen bank itu yang ditentukan oleh Lembaga;
- (b) suatu pernyataan yang menyatakan kelas, kategori atau perihalan kemudahan kredit yang diberikan dan perniagaan atau industri yang dalamnya pelanggan pemegang lesen bank itu terlibat;

- (c) suatu pernyataan yang menunjukkan pemegang lesen bank telah mematuhi kehendak yang dikenakan ke atasnya oleh seksyen 100; dan
- (d) apa-apa pernyataan, maklumat, dokumen, statistik atau penyata lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Walau apa pun perenggan (2), Lembaga boleh menyiarkan apa-apa pernyataan yang disatukan, berkenaan dengan apa-apa kategori, kelas atau perihalan pemegang lesen bank yang difikirkan wajar oleh Lembaga, dengan mengagregatkan angka dalam penyata yang dikemukakan di bawah perenggan (1):

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh memberi kuasa kepada Lembaga untuk menetapkan mana-mana pemegang lesen bank tertentu untuk menjadi suatu kategori, kelas atau perihalan pemegang lesen bank bagi maksud perenggan ini.

(4) Jika mana-mana orang dikehendaki oleh atau di bawah Bahagian ini untuk mengemukakan, mengeluarkan atau memberikan kepada Lembaga apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen, Lembaga boleh menentukan supaya maklumat, statistik, penyata atau dokumen itu dikemukakan, dikeluarkan atau diberikan mengikut apa-apa bentuk dan cara dan dalam apa-apa tempoh atau pada apa-apa lat tempoh atau masa, yang selaras dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga dalam penentuan itu; dan orang itu tidak boleh mengemukakan, mengeluarkan atau memberikan apa-apa maklumat, statistik, penyata atau dokumen yang diketahuinya, atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai, adalah palsu, tidak tepat dan mengelirukan sebagai maklumat, statistik, penyata atau dokumen yang benar atau tepat.

Bahagian B: Pemegang lesen insurans

Penyata kewangan

(1) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan hendaklah, dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Lembaga, mengemukakan kepada Lembaga, berkenaan dengan keseluruhan operasi insurans Labuannya, empat salinan setiap kunci kira-kira tahunan terauditnya, akaun untung ruginya, akaun hasilnya dan, berkenaan dengan perniagaan insurans nyawanya, suatu laporan yang menyatakan penilaian aktuari mengenai aset dan liabilitinya sebagaimana yang diluluskan mengikut dokumen konstituennya.

(2) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan hendaklah mengemukakan kepada Lembaga empat salinan setiap dokumen yang disebut dalam perenggan (1) sebagaimana yang diluluskan mengikut dokumen konstituennya dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas kelulusan itu.

(3) Tiap-tiap penanggung insurans Labuan yang merupakan suatu syarikat Labuan asing hendaklah, sebagai tambahan kepada penyata kewangan yang dikehendaki supaya dikemukakan kepada Lembaga di bawah perenggan (1), juga mengemukakan pada setiap tahun suatu salinan diperakui kunci kira-kira tahunan terauditnya yang terkini berkenaan dengan keseluruhan operasinya di dalam dan di luar Labuan dalam tempoh tiga bulan selepas kunci kira-kira itu difailkan dengan pihak berkuasa pengawalseliaan di negara penubuhan atau asalnya.

(4) Tiap-tiap pengurus insurans Labuan berlesen, pengurus pengunderaitan Labuan berlesen dan broker insurans Labuan berlesen hendaklah, dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Lembaga, mengemukakan kepada Lembaga empat salinan setiap kunci kira-kira tahunan terauditnya dan akaun untung ruginya.

(5) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Akta ini, Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen insurans untuk mengemukakan kepada Lembaga apa-apa dokumen yang berhubungan dengan operasinya mengikut apa-apa cara yang ditentukan secara bertulis oleh Lembaga.

Bahagian C: Syarat tambahan

Walaupun di atas, Lembaga boleh mengenakan kehendak baru atau tambahan bagi perkara yang dinyatakan dalam Jadual ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009 yang baru. Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menyatukan Akta Syarikat Amanah Labuan 1990, Akta Bank Luar Pesisir 1990, Akta Insurans Luar Pesisir 1990, dan peruntukan relevan berhubung dengan aktiviti pemerdapatan wang di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Subfasal 2(1)* bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta dicadangkan.

4. *Fasal 3* memperuntukkan pentadbiran Akta yang dicadangkan oleh Lembaga.
5. *Fasal 4* memperuntukkan kriteria “layak dan sesuai” yang terpakai bagi semua aktiviti berlesen yang dirangkumi di bawah Akta dicadangkan. *Fasal 4* mengenakan obligasi ke atas pemegang lesen untuk memberitahu Lembaga, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mengenai apa-apa kejadian material yang boleh dijangkakan dengan munasabah akan menjejaskan statusnya sebagai orang yang layak dan sesuai.
6. *Fasal 5* menghendaki seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan mana-mana aktiviti di bawah Akta ini supaya menjalankan aktiviti itu hanya dalam, dari atau melalui Labuan tetapi dengan kebenaran Lembaga sesuatu entiti berlesen boleh menjalankan perniagaan dalam Malaysia di luar Labuan.
7. *Fasal 6* menghendaki supaya Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009 dipatuhi oleh orang yang bercadang untuk membuat suatu tawaran langganan atau belian, dsb.

BAHAGIAN II

SEKURITI

8. *Fasal 7* bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian yang dicadangkan.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan prinsip am bahawa semua tawaran sekuriti di Labuan adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga terlebih dahulu kecuali bagi; (a) tawaran sekuriti kepada 50 orang atau kurang, orang itu adalah merupakan sebahagian daripada kumpulan yang terhad; (b) tawaran debentur kepada 50 orang atau kurang dan jika pelaburan kali pertama setiap orang itu ialah kurang daripada RM250,000; (c) tawaran debentur kepada orang jika pelaburan kali pertama setiap orang itu ialah RM250,000 atau lebih; dan (d) tawaran dana bersama yang memenuhi kehendak dana bersama di bawah Akta yang dicadangkan.
10. *Fasal 9* mengenakan liabiliti bagi pernyataan salah atau salah nyataan berhubung dengan suatu permohonan bagi kelulusan Lembaga di bawah *fasal 8*.
11. *Fasal 10* menghendaki tiap-tiap iklan yang menawarkan, atau yang menarik perhatian terhadap suatu tawaran sekuriti atau tawaran sekuriti yang dicadangkan supaya diluluskan oleh Lembaga.
12. *Fasal 11* menetapkan tatacara bagi pendaftaran prospektus di bawah Bahagian ini.
13. *Fasal 12* memperuntukkan bahawa jika suatu perbadanan menerbitkan atau bersetuju untuk menerbitkan kepada mana-mana orang apa-apa sekuriti, tawaran sekuriti itu hendaklah dibuat melalui syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank yang hendaklah bertindak sebagai ejen syarikat Labuan itu atau syarikat Labuan asing itu.

14. *Fasal 13* memperuntukkan persetujuan pakar berhubung dengan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya dalam prospektus.
15. *Fasal 14* mengenakan liabiliti sivil bagi apa-apa pernyataan silap dalam prospektus.
16. *Fasal 15* mengenakan liabiliti jenayah bagi apa-apa pernyataan silap dalam prospektus.
17. *Fasal 16* menghendaki syarikat amanah Labuan atau pemegang lesen bank dilantik sebagai ejen dalam tawaran sekuriti.
18. *Fasal 17* melarang pengumpulan sekuriti melainkan jika bayaran minimum diterima.
19. *Fasal 18* menghendaki wang permohonan untuk sekuriti dipegang sebagai amanah sehinggalah pengumpulannya.
20. *Fasal 19* memberi syarikat Labuan kuasa untuk menerbitkan debentur atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.
21. *Fasal 20* menghendaki syarikat Labuan yang menawarkan debentur untuk membuat peruntukan dalam debentur atau surat ikatan amanah itu yang berhubungan dengan debentur itu bagi pelantikan suatu syarikat amanah Labuan sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur dan menghendaki pemegang amanah bon antarabangsa untuk mendaftar di Labuan sebagai suatu syarikat amanah.
22. *Fasal 21* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian bahawa mana-mana peruntukan yang terkandung dalam suatu surat ikatan amanah bagi menjamin penerbitan debentur, atau dalam apa-apa kontrak dengan pemegang debentur yang dijamin oleh surat ikatan amanah, hendaklah terbatal setakat yang ia mempunyai kesan untuk mengecualikan pemegang amanahnya daripada atau menanggung ruginya daripada liabiliti kerana pecah amanah jika dia tidak menunjukkan takat cermat dan usaha yang dikehendaki daripadanya sebagai pemegang amanah, dengan mengambil kira peruntukan surat ikatan amanah yang memberikannya apa-apa kuasa, autoriti atau budi bicara.
23. *Fasal 22* mengadakan peruntukan bagi kewajipan syarikat amanah apabila bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang debentur.
24. *Fasal 23* mengadakan peruntukan bagi obligasi pengarah syarikat peminjam jika pemegang amanah bertindak sebagai pemegang amanah bagi pemegang apa-apa debentur mana-mana syarikat peminjam.
25. *Fasal 24* mengadakan peruntukan bagi obligasi syarikat penjamin untuk memberikan maklumat kepada syarikat peminjam apabila diminta secara bertulis.
26. *Fasal 25* mengadakan peruntukan bagi pembayaran balik pinjaman dan deposit oleh syarikat peminjam apabila berlakunya kejadian tertentu.

27. *Fasal 26* melarang suatu syarikat Labuan daripada menerima atau memegang simpan bayaran bagi suatu terbitan debentur melebihi amaun terbitan itu sebagaimana yang dizahirkan dalam prospektus melainkan jika syarikat itu telah menentukan dalam prospektus bahawa ia secara nyata mempunyai hak untuk menerima atau memegang simpan bayaran lebihan; dan suatu had ke atas amaun terlebih bayar itu yang boleh diterima atau dipegang simpan.

BAHAGIAN III

KUMPULAN WANG

28. *Fasal 27* bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian yang dicadangkan.

29. *Fasal 28* bertujuan untuk menghapuskan kehendak mendapatkan persetujuan Lembaga bagi dana persendirian dan menggantikannya dengan suatu kehendak pemberitahuan sahaja.

30. *Fasal 29* menghendaki supaya suatu dana persendirian menyerahkan suatu memorandum maklumat dengan Lembaga. Berkenaan dengan dana persendirian, hanya satu pemberi perkhidmatan sahaja yang perlu dilesenkan. Pemberi perkhidmatan berlesen itu dikehendaki untuk menandatangani memorandum maklumat itu dengan Lembaga, mesti melakukan usaha wajar ke atas memorandum maklumat itu dan mengesahkan bahawa tidak ada elemen fraud berhubung dengan dana persendirian itu.

31. *Fasal 30* bertujuan untuk memperuntukkan suatu penafian atau tanggung rugi yang mengecualikan liabiliti Lembaga berkenaan dengan memorandum maklumat yang diserahkan oleh dana persendirian.

32. *Fasal 31* menghendaki suatu dana awam supaya berdaftar dengan Lembaga dan membenarkan dana awam yang telah diberikan penerimaan bersyarat oleh Lembaga untuk menjalankan perniagaan di Labuan dengan syarat ia telah mendapat persetujuan Lembaga.

33. *Fasal 32* bertujuan untuk memperuntukkan tatacara permohonan bagi pendaftaran oleh sesuatu dana awam.

34. *Fasal 33* memberi Lembaga kuasa untuk membenarkan atau enggan membenarkan pendaftaran dana awam sementara *fasal 34* memperuntukkan tatacara pendaftaran.

35. *Fasal 35* menghendaki dana awam untuk mendaftarkan sesuatu prospektus sebelum membuat tawaran sekuriti.

36. *Fasal 36* bertujuan untuk memperuntukkan remedi kepada pelabur berkenaan dengan salah nyataan oleh dana awam berkaitan dengan prospektusnya.

37. *Fasal 37* menetapkan batasan masa bagi sesuatu tindakan di bawah *fasal 36*.
38. *Fasal 38* menghendaki tiap-tiap dana awam berdaftar yang menjalankan perniagaan di luar Labuan di bawah undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa yang diiktiraf untuk memfailkan suatu perakuan pematuhan dalam masa sembilan puluh hari dari akhir tahun kewangannya daripada pihak berkuasa berwibawa yang bertanggungjawab bagi pengawalseliaan dan penyeliaan perjalanan perniagaannya dalam negara atau bidang kuasa yang diiktiraf itu.
39. *Fasal 39* membenarkan suatu dana asing diuruskan atau ditadbirkan di Labuan.
40. *Fasal 40* menetapkan tatacara bagi pelesenan pengurus dana.
41. *Fasal 41* menetapkan tatacara bagi pelesenan pentadbir dana bagi dana awam.
42. *Fasal 42* menetapkan tatacara bagi permohonan untuk lesen pengurus dana.
43. *Fasal 43* menetapkan tatacara bagi lesen pentadbir dana.
44. *Fasal 44* memberi Lembaga kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen bagi pengurus dana dan pentadbir dana bagi dana awam.
45. *Fasal 45* memperuntukkan bagi kelayakan penjaga atau pemegang amanah.
46. *Fasal 46* menetapkan bentuk lesen yang diberikan atau pendaftaran yang dibenarkan oleh Lembaga.
47. *Fasal 47* bertujuan untuk memperuntukkan kewajipan pengurus dana dan pentadbir dana bagi dana awam termasuk antara lain, kehendak bagi pengurus dana supaya menubuhkan dan menyenggarakan suatu sistem penyimpanan rekod yang sepatutnya.
48. *Fasal 48* bertujuan untuk menjelaskan bahawa kewajipan pengurus dana, pentadbir dana, pemegang amanah dan pengarah yang dikenakan oleh Akta yang dicadangkan adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan kewajipan yang selainnya dikenakan ke atas mereka di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai.
49. *Fasal 49* bertujuan untuk menambah kewajipan statutori pengurus dana supaya termasuk peruntukan mengenai kesesuaian dasar pelaburan untuk memastikan bahawa setiap objektif pelaburan pelanggan, arahan dan sekatan ditunaikan.
50. *Fasal 50* bertujuan untuk mengenakan suatu kewajipan ke atas pengurus dana untuk mengasingkan aset pelanggan dengan menyenggarakan akaun amanah pelanggan yang berasingan.

51. *Fasal 51* menghendaki pemegang amanah dan pengurus dana bagi suatu dana awam supaya berlainan dan bebas daripada satu sama lain, bukan suatu subsidiari bagi yang lagi satu itu dan tidak mempunyai pengaruh eksekutif atau pegawai yang sama.
52. *Fasal 52* mengadakan peruntukan bagi daftar yang hendaklah disimpan oleh Lembaga.
53. *Fasal 53* menghendaki dana awam menyimpan akaun dan rekod yang mencukupi.

BAHAGIAN IV

PERANTARA PASARAN

54. Peruntukan Bahagian ini bertujuan untuk mewujudkan suatu jenis perantara pasaran yang baru yang dikenali sebagai “pemegang lesen sekuriti” untuk menangani pemegang lesen sedia ada yang mempunyai lesen pengurus yang diberikan oleh Lembaga tetapi yang tidak terlibat dalam perniagaan pengurusan dana awam.
55. *Fasal 54* bertujuan untuk mentakrifkan “pemegang lesen sekuriti” yang bererti seseorang yang, bagi balasan bernilai, memberikan perkhidmatan pengurusan sahaja atau dengan nasihat pelaburan atau perkhidmatan pentadbiran berkenaan dengan sekuriti bagi maksud pelaburan, termasuklah berurus niaga sekuriti atau apa-apa aktiviti lain yang ditentukan oleh Lembaga dan tidaklah termasuk seorang pegawai atau seorang pekerja orang yang dilesenkan di bawah Akta ini atau seorang pengurus dana di bawah Bahagian III .
56. *Fasal 55* memperuntukkan bagi kehendak pelesenan pemegang lesen sekuriti.
57. *Fasal 56* menetapkan tatacara bagi permohonan untuk lesen pemegang lesen sekuriti.
58. *Fasal 57* memberi Lembaga kuasa untuk membenarkan atau enggan membenarkan permohonan bagi lesen pemegang lesen sekuriti sementara *fasal 58* memperuntukkan bagi bentuk dan kesan pemberian suatu lesen di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN V

SYARIKAT AMANAH LABUAN

59. *Fasal 59* bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian yang dicadangkan.
60. *Fasal 60* bertujuan untuk menjelaskan bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan perniagaan syarikat amanah di Labuan melainkan jika ia telah diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 dan ia

memegang lesen sah untuk menjalankan perniagaan itu atau melainkan jika ia dilesenkan sebagai syarikat amanah diurus Labuan.

61. *Fasal 61* mengadakan peruntukan bagi pelesenan syarikat amanah Labuan.

62. *Fasal 62* mengadakan peruntukan bagi terma dan syarat lesen.

63. *Fasal 63* memberi Lembaga kuasa untuk membenarkan syarikat amanah Labuan untuk menjalankan perniagaan bagi suatu jangka masa tertentu hanya bagi maksud membolehkan syarikat amanah Labuan itu menggulingkan hal ehwalnya berbangkit daripada pembatalan lesennya.

64. *Fasal 64* bertujuan untuk memasukkan kewajipan penzahiran ke atas syarikat amanah Labuan jika ia bertindak dalam kedudukan fidusiari dalam sesuatu transaksi tertentu.

65. *Fasal 65* secara khususnya mengadakan peruntukan bagi kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai wasi.

66. *Fasal 66* secara khususnya mengadakan peruntukan bagi kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pentadbir.

67. *Fasal 67* mengadakan peruntukan bagi kuasa tambahan syarikat amanah Labuan.

68. *Fasal 68* secara khususnya mengadakan peruntukan bagi kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pemegang amanah tunggal.

69. *Fasal 69* secara khususnya mengadakan peruntukan bagi kuasa syarikat amanah Labuan untuk bertindak sebagai pemegang amanah bersesama dengan seseorang lain.

70. *Fasal 70* memperuntukkan antara lainnya bagi wasi, pentadbir, pemegang amanah atau ejen untuk mewakilkan semua kuasa amanah kepada syarikat amanah melalui surat ikatan atau secara bertulis.

71. *Fasal 71* dan *72* bertujuan untuk memasukkan peruntukan statutori yang mengawal syarikat amanah diurus Labuan yang diambil daripada, dan pada takat ini, dicadangkan untuk menggantikan Garis Panduan Syarikat Amanah Diurus.

72. *Fasal 73* bertujuan untuk mentakrifkan pengertian “orang berkaitan”.

73. *Fasal 74* dan *75* bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai pendaftaran syarikat amanah persendirian Labuan. Pada asasnya syarikat ini hanya boleh bertindak sebagai pemegang amanah bagi amanah yang khusus jika pembuat amanah adalah anggota keluarga atau orang berkaitan. Syarikat amanah persendirian tidak boleh mendapatkan perniagaan syarikat amanah.

74. *Fasal 76* mengadakan peruntukan bagi kewajipan ejen syarikat amanah persendirian Labuan.

75. *Fasal 77* mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga berkenaan dengan syarikat amanah persendirian Labuan.

76. *Fasal 78* mengadakan peruntukan bagi ketidapkakaian penggal tertentu Bahagian ini bagi suatu syarikat amanah persendirian Labuan.

77. *Fasal 79* memperuntukkan bahawa suatu syarikat amanah Labuan hendaklah tertakluk, antara lain, kepada kawalan yang sama dan mengikut cara yang sama seperti mana-mana wasi, pentadbir, pemegang amanah, ejen atau wakil lain.

78. *Fasal 80* menghendaki supaya dalam semua hal yang dalamnya syarikat amanah Labuan dikehendaki atau dibenarkan membuat apa-apa affidavit, perisytiharan atau pernyataan, ia boleh berbuat demikian melalui mana-mana pegawainya yang dilantik bagi maksud itu.

79. *Fasal 81* mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan buku dan akaun syarikat amanah Labuan.

80. *Fasal 82* menghendaki suatu syarikat amanah Labuan memegang simpan rekodnya selama suatu tempoh yang tidak kurang daripada enam tahun dari tarikh akaun itu ditutup atau transaksi itu telah disempurnakan atau ditamatkan.

81. *Fasal 83* menghendaki apa-apa wang, harta atau balasan bernilai lain yang telah dibayar atau diberikan kepada atau dipegang oleh syarikat amanah Labuan atas sifat fidusiari hendaklah sentiasa disimpan berasingan daripada wang, harta atau balasan bernilai syarikat amanah Labuan itu, dan dalam akaun yang berasingan.

82. *Fasal 84* mengadakan peruntukan bagi komisen, fi, caj dan perbelanjaan yang boleh dilevikan oleh syarikat amanah Labuan.

83. *Fasal 85* membuat peruntukan mengenai terjemahan akaun dan rekod.

BAHAGIAN VI

PERBANKAN LABUAN

84. *Fasal 86* bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian yang dicadangkan.

85. *Fasal 87* bertujuan untuk membuat peruntukan mengenai kehendak pelesenan untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan, perniagaan perbankan pelaburan Labuan dan perniagaan kewangan Labuan.

86. *Fasal 88* menetapkan tatacara permohonan bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan Labuan.

87. *Fasal 89* menetapkan tatacara permohonan bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan perbankan pelaburan Labuan.

88. *Fasal 90* menetapkan tatacara permohonan bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan kewangan Labuan.
89. *Fasal 91* memberi Lembaga kuasa untuk meminta apa-apa maklumat tambahan berhubung dengan permohonan di bawah *fasal 88* hingga *90*.
90. *Fasal 92* memberi Lembaga kuasa untuk membenarkan atau enggan membenarkan permohonan bagi suatu lesen di bawah *fasal 88* hingga *90*.
91. *Fasal 93* menetapkan kehendak dan sekatan berhubung dengan pemegang lesen bank mengenai penggunaan perkataan “bank Labuan berlesen”.
92. *Fasal 94* mengenakan suatu obligasi ke atas pemegang lesen bank untuk mengekalkan wang modal dan untuk pada setiap masa mengekalkan wang modalnya untuk mencerminkan nisbah modal dibeban risiko yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
93. *Fasal 95* mengenakan obligasi ke atas pemegang lesen bank untuk mendapatkan kelulusan atau memberitahu Lembaga mengenai pindaan atau perubahan dokumen konstituennya.
94. *Fasal 96* memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah menyiarkan suatu senarai bank Labuan dan bank pelaburan Labuan dalam *Warta*.
95. *Fasal 97* menghendaki pemegang lesen bank yang merupakan suatu syarikat Labuan untuk mendapatkan persetujuan Lembaga terlebih dahulu sebelum membuka apa-apa pejabat selain tempat perniagaan utamanya di Labuan, atau memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari.
96. *Fasal 98* melarang pemegang lesen bank daripada mengambil deposit dan bertujuan untuk membezakan antara pengambilan deposit daripada penerimaan wang daripada pelabur. Dalam hal ini, bank luar pesisir dan bank pelaburan luar pesisir tidak boleh dikira sebagai mengambil deposit apabila mereka menerima wang daripada pelabur berkaitan dengan peranan mereka sebagai penasihat pelaburan atau pengurus dana.
97. *Fasal 99* menghendaki pemegang lesen bank untuk mengemukakan penyata kewangan dan statistik serta maklumat kepada Lembaga.
98. *Fasal 100* mengadakan peruntukan bagi pembayaran oleh pemegang lesen daripada akaun si mati.

BAHAGIAN VII

INSURANS LABUAN

99. *Fasal 101* bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian yang dicadangkan.

100. *Fasal 102* mengadakan peruntukan bagi pelesenan perniagaan insurans dan aktiviti berkaitan insurans Labuan.

101. *Fasal 103* mengadakan peruntukan bagi kehendak bagi permohonan bagi suatu lesen untuk menjalankan perniagaan insurans Labuan. *Fasal 103* juga bertujuan untuk menghadkan kehendak jaminan/aku janji bagi pemegang lesen insurans; dan mengecualikan kaptif daripada kehendak jaminan.

102. *Fasal 104* mengadakan peruntukan bagi kehendak bagi permohonan bagi suatu lesen untuk menjalankan aktiviti berkaitan insurans Labuan. Dalam hal ini, *fasal 104* bertujuan untuk membenarkan pengurus insurans luar pesisir dan pengurus pengunderaitan luar pesisir baru untuk melantik seorang lagi pengurus insurans luar pesisir atau pengurus pengunderaitan luar pesisir, yang terletak di Labuan, untuk menjalankan perniagaan mereka, yang dengan itu menjadi “pengurus insurans diurus atau pengurus pengunderaitan diurus”. Adalah dibayangkan bahawa perkiraan ini akan menjadi suatu langkah interim sebelum perniagaan pengurus insurans diurus dan pengurus pengunderaitan diurus mencapai kumpulan yang kritikal di mana menubuhkan kehadiran fizikalnya sendiri di Labuan akan menjadi lebih praktik dan berekonomi.

103. *Fasal 105* bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa untuk memberikan atau enggan memberikan lesen dan memberikan pemohon hak untuk merayu kepada Menteri.

104. *Fasal 106* memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah menyiarkan senarai mengenai semua pemegang lesen insurans dalam *Warta*.

105. *Fasal 107* mengadakan peruntukan bagi penerusan kehendak pelesenan bagi pemegang lesen insurans. Salah satu daripada kehendak itu ialah semua penanggung insurans luar pesisir akan dikehendaki untuk mengemukakan butir-butir mengenai perubahan orang yang mengawal, pengarah atau pegawai prinsipal dalam masa 3 bulan selepas perubahan itu.

106. *Fasal 108* menghendaki penanggung insurans Labuan yang menjalankan perniagaan insurans nyawa untuk melantik seorang aktuari.

107. *Fasal 109* menghendaki pemegang lesen insurans untuk mengekalkan margin kesolvenan yang ditetapkan oleh Lembaga.

108. *Fasal 110* menghendaki akaun yang berasingan disimpan oleh penanggung insurans Labuan.

109. *Fasal 111* menghendaki tiap-tiap penanggung insurans Labuan untuk mengemukakan penyata kewangan kepada Lembaga.

110. *Fasal 112* menghendaki pemegang lesen insurans untuk mendapatkan persetujuan Lembaga sebelum membuka apa-apa pejabat selain tempat perniagaan utamanya di Labuan, atau memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari.

111. *Fasal 113* menetapkan sekatan terhadap perniagaan seorang penanggung insurans Labuan.

112. *Fasal 114* mengadakan peruntukan bagi sekatan terhadap dan kewajipan pengurus insurans Labuan, pengurus pengunderaitan Labuan dan broker insurans Labuan.

113. *Fasal 115* menghendaki tiap-tiap pengurus insurans Labuan berlesen dan pengurus pengunderaitan Labuan berlesen untuk mengemukakan kepada Lembaga suatu senarai semua penanggung insurans Labuan yang baginya pengurus insurans Labuan berlesen itu memberikan khidmat pentadbiran atau pengurus pengunderaitan Labuan berlesen itu memberikan khidmat pengunderaitan.

114. *Fasal 116* mengadakan peruntukan bagi perjalanan perniagaan penanggung insurans Labuan termasuk berhubung dengan penyenggaraan akaun dan rekod. *Fasal 116* memberikan penjelasan lanjut bahawa dokumen yang hendak disimpan di Labuan termasuk tetapi tidak terhad kepada; (a) dokumen yang menunjukkan transaksi; (b) akaun, penyata kewangan; (c) rekod sepatutnya mengenai akaun berkenaan dengan wang yang diterima dan dibelanjakan oleh penanggung insurans itu; (d) premium dan tuntutan yang berhubung dengan penanggung insurans itu; dan (e) aset dan liabiliti penanggung insurans itu.

115. *Fasal 117* menjelaskan istilah “polisi” apabila digunakan di bawah Bahagian ini.

116. *Fasal 118* mengadakan peruntukan bagi kuasa penamaan pemunya polisi untuk membuat penamaan.

117. *Fasal 119* mengadakan peruntukan bagi pembatalan apa-apa penamaan.

118. *Fasal 120* mengadakan peruntukan bagi pembayaran wang polisi jika terdapat penamaan.

119. *Fasal 121* mengadakan peruntukan bagi penama dan pemegang amanah bagi wang polisi.

120. *Fasal 122* mengadakan peruntukan bagi penerimaan wang polisi oleh penama.

121. *Fasal 123* mengadakan peruntukan bagi wang polisi diserahkan atau disandarkan.

122. *Fasal 124* mengadakan peruntukan bagi pembayaran wang polisi jika tiada penamaan.

123. *Fasal 125* mengadakan peruntukan bagi pembayaran wang polisi kepada orang yang tidak berwibawa untuk berkontrak.

124. *Fasal 126* mengadakan peruntukan bagi pembahagian wang polisi dalam perjalanan pentadbiran yang sewajarnya.

125. *Fasal 127* memperuntukkan bahawa Penggal ini hendaklah mengatasi polisi dan mana-mana undang-undang bertulis.

126. *Fasal 128* mengadakan peruntukan bagi penggulungan penanggung insurans Labuan dan aturan pembahagian aset penanggung insurans Labuan selepas penggulungan.

BAHAGIAN VIII

PENGURUSAN SYARIKAT

127. *Fasal 129* bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian yang dicadangkan.

128. *Fasal 130* mengadakan peruntukan bagi daftar syarikat pengurusan.

129. *Fasal 131* dan *132* mengadakan peruntukan bagi pelesenan syarikat pengurusan.

BAHAGIAN IX

BURSA

130. *Fasal 133* bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Bahagian yang dicadangkan.

131. *Fasal 134* mengadakan peruntukan bagi penubuhan bursa.

132. *Fasal 135* memberi Lembaga kuasa untuk menetapkan undang-undang kecil bursa.

133. *Fasal 136* memberi bursa kuasa untuk mengeluarkan kaedah-kaedah bagi pengawalseliaan bursa.

134. *Fasal 137* mengadakan peruntukan bagi fungsi pengawalseliaan bursa.

135. *Fasal 138* mengadakan peruntukan bagi pelantikan jawatankuasa yang hendaklah menguruskan hal ehwal sesuatu bursa dan kuasa jawatankuasa itu.

136. *Fasal 139* menyekat mana-mana orang selain ejen perdagangan berurus niaga sekuriti di mana-mana bursa.

137. *Fasal 140* memperuntukkan bahawa sesuatu bursa hendaklah menyenggarakan suatu daftar mengenai ejen perdagangan dan penganjur penyenaiaan.

138. *Fasal 141* menghendaki sesuatu bursa memfailkan penyata kewangan dengan Lembaga.

139. *Fasal 142* bertujuan untuk menyifatkan seseorang sebagai tidak menjalankan perniagaan di Malaysia atau dengan pemastautin Malaysia oleh sebab: (a) sekuriti orang sedemikian tersenarai dalam pasaran sekuriti yang dikendalikan oleh suatu bursa; (b) orang itu ialah seorang ejen perdagangan atau penganjur penyenaian dan bahawa transaksi dilaksanakan olehnya atau bagi pihaknya melalui kemudahan suatu bursa; atau (c) orang itu mengusahakan aktiviti di Labuan yang bersampingan dengan penjalanan sepatutnya aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b).

140. *Fasal 143* memberi Lembaga kuasa melalui arahan untuk menggantung perdagangan di sesuatu bursa.

141. *Fasal 144* mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk menggantung perdagangan sesuatu bursa.

142. *Fasal 145* mengadakan peruntukan bagi kuasa khas Lembaga berkenaan dengan sesuatu bursa. *Fasal 145* bertujuan untuk menambah kuasa Lembaga untuk menjalankan kuasa penyeliaan sebagai pengawal selia pemantauan bagi sesuatu bursa termasuk kuasa mengawas pasaran.

143. *Fasal 146* bertujuan untuk memasukkan kesalahan mewujudkan pasaran palsu atau mengelirukan.

144. *Fasal 147* hingga *155* memperkatakan kesalahan urus niaga orang dalam dengan menyatakan antara lain, ruang lingkup kesalahan itu, pembelaan dan kecualian kepada kesalahan itu.

BAHAGIAN X

ORGANISASI KAWAL SELIA SENDIRI

145. *Fasal 156* mengadakan peruntukan bagi perisytiharan atau pengiktirafan sesuatu syarikat atau organisasi sebagai organisasi kawal selia sendiri. *Fasal 157* hingga *165* memperkatakan antara lain kuasa Lembaga ke atas suatu organisasi kawal selia sendiri, dan penamatan atau pembatalan status organisasi kawal selia sendiri itu.

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

146. *Fasal 166* memperkatakan rayuan terhadap penolakan permohonan bagi lesen atau pendaftaran, sementara *fasal 167* memperkatakan pembatalan persetujuan, lesen dan pendaftaran.

147. *Fasal 168* mengadakan peruntukan bagi tatacara pembatalan.

148. *Fasal 169* memperkatakan penyerahan balik lesen dan pendaftaran sementara *fasal 170* memperkatakan akibat penyerahan balik itu.

149. *Fasal 171* mengadakan peruntukan bagi pengendalian sistem pembayaran dalam, dari atau melalui Labuan.

150. *Fasal 172* memperkatakan pemindahan perniagaan. Suatu pemindahan perniagaan boleh dilaksanakan melalui suatu skim di bawah seksyen yang dicadangkan.

151. *Fasal 173* bertujuan untuk menghendaki pemegang lesen bank dan pemegang lesen insurans menjalankan audit dalaman.

152. *Fasal 174* menghendaki tiap-tiap entiti berlesen supaya melantik juruaudit luaran dalam masa yang ditetapkan. *Fasal 174* juga bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas juruaudit luaran untuk melapor kepada Lembaga jika terdapat pelanggaran Akta atau kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dilakukan oleh pemegang lesen atau mana-mana pekerjanya dan apa-apa ketidakteraturan yang menjejaskan kepentingan pelanggan atau pemiutang lesen telah berlaku.

153. *Fasal 175* menyatakan kehendak bagi tiap-tiap entiti berlesen supaya buku dan rekod mereka disenggarakan di Labuan.

154. *Fasal 176* memperuntukkan sekatan terhadap penerimaan wang atau harta lain daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang.

155. *Fasal 177* mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga untuk memeriksa dan meneliti buku dan dokumen entiti berlesen.

156. *Fasal 178* mengadakan peruntukan bagi kerahsiaan berkenaan dengan entiti berlesen.

157. *Fasal 179* menghendaki tiap-tiap surat cara atau dokumen yang hendak diserahkan simpan dengan Lembaga hendaklah dalam salah satu bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris atau suatu terjemahannya hendaklah diberikan.

158. *Fasal 180* memperuntukkan bahawa jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996, peruntukan Akta yang kemudian disebut hendaklah terpakai.

159. *Fasal 181* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009.

160. *Fasal 182* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Kawalan Pertukaran 1953.

161. *Fasal 183* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

162. *Fasal 184* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Syarikat Labuan 1990 dan Akta Syarikat 1965.
163. *Fasal 185* mengadakan peruntukan bagi ketidakpakaian undang-undang tertentu ke atas entiti berlesen.
164. *Fasal 186* mengadakan peruntukan bagi kekebalan bagi kerajaan, Lembaga dan mana-mana pegawai kerajaan dan Lembaga.
165. *Fasal 187* mengadakan peruntukan bagi penalti am di bawah Akta.
166. *Fasal 188* memperkatakan kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
167. *Fasal 189* mengadakan peruntukan bagi fi tahunan dan fi lesen.
168. *Fasal 190* memperuntukkan bahawa semua fi dan penalti yang hendak dibayar di bawah Akta yang dicadangkan hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.
169. *Fasal 191* mengadakan peruntukan bagi tatacara dalam ketiadaan apa-apa peruntukan nyata di bawah Akta yang dicadangkan.
170. *Fasal 192* mengadakan peruntukan bagi kesalahan salah nyataan.
171. *Fasal 193* mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan peruntukan Akta.
172. *Fasal 194* mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga untuk mengkompaun kesalahan tertakluk kepada keizinan Pendakwa Raya.
173. *Fasal 195* mengadakan peruntukan bagi penyampaian notis, dokumen, dsb. di bawah Akta ini.
174. *Fasal 196* menyatakan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta.
175. *Fasal 197* menyatakan kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan.
176. *Fasal 198* menyatakan kuasa Menteri untuk meminda jadual.
177. *Fasal 199* menyatakan kuasa Menteri untuk memberikan pengecualian.
178. *Fasal 200* mengadakan peruntukan bagi penyiaran pemberitahuan dalam *Warta*.
179. *Fasal 201* mengadakan peruntukan bagi peruntukan pemansuhan, pengecualian dan peralihan.
180. *Fasal 202* mengadakan peruntukan bagi keberterusan hak dan liabiliti.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2666]